05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN *'SINDING PIMATO'* TERHADAP PENCAPAIAN ASPEK SEBUTAN BAHASA KADAZANDUSUN MURID TAHUN SATU

MARBELLA BINTI JUSTINE

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA KADAZANDUSUN) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* terhadap pencapaian aspek sebutan murid Tahun Satu. Reka bentuk kuasi eksperimen digunakan dengan ujian pra dan pasca serta temu bual separa struktur sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang murid Tahun Satu yang telah dipilih dan dibahagikan secara rawak kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Data kuantitatif dianalisis secara statistik deskriptif dan inferens seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan *ujian t* dengan menggunakan perisian *SPSS* versi 23.0. Manakala kajian kualitatif menerusi temu bual terhadap lima orang guru Bahasa Kadazandusun dengan pengaplikasian analisis tematik mengikut susunan kod perisian *Atlas.ti*. Kajian kuantitatif mendapati bahawa peratus pencapaian sebutan kumpulan eksperimen meningkat daripada 2% kepada 28% selepas rawatan. Manakala peratus pencapaian sebutan kumpulan kawalan meningkat daripada 1% kepada 4%. Sementara, min dan sisihan piawai ujian pasca bagi kumpulan eksperimen adalah (min=92.13,SP=4.43) dan kumpulan kawalan (min=70.80,SP=4.24). *Ujian t* bebas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan iaitu $t(28)=13.452;p<0.05$). Analisis temu bual pula mendapati *'Sinding Pimato'* berguna untuk meningkatkan asas kemahiran membaca iaitu 92% responden memberi pandangan positif bahawa penggunaan *'Sinding Pimato'* sesuai sebagai bahan pembelajaran untuk meningkatkan sebutan Bahasa Kadazandusun. Kesimpulannya, penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* sebagai bahan pembelajaran Bahasa Kadazandusun memberi kesan efektif dengan adanya elemen multimedia. Implikasi kajian menunjukkan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran kurikulum membaca Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

IMPACT OF *'SINDING PIMATO'* USAGE ON THE ACHIEVEMENT OF KADAZANDUSUN LANGUAGE PRONUNCIATION OF YEAR ONE PUPILS

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the impact of using *'Sinding Pimato'* software on the pronunciation achievement of Year One pupils. Quasi-experimental design was used with pre and post tests and semi-structured interviews as a research instrument. The sample of the study consists of 30 pupils of Year One who were randomly selected and divided into experimental groups and control groups. Quantitative data was analyzed descriptively and inferences such as frequency, percentage, mean, standard deviation and *t test* using *SPSS* software version 23.0. While qualitative research was conducted through interviews using five Kadazandusun Language teachers with the application of thematic analysis according to the order of *Atlas.ti* software code. Quantitative studies have found that the percentage of pronunciation achievement on experimental group increased from 2% to 28% after analysis. Even though, the achievement on pronunciation percentage of control group increased from 1% to 4%. Meanwhile the mean and standard deviation of the post test for the experimental group were (mean=92.13, SD=4.43) and control group (mean=70.80, SD=4.24). Independent *t test* showed that there were significant differences, namely $t(28)=13.452;p<0.05$). Interview analysis also found that '*Sinding Pimato*' is useful to improve the basic reading which 92% of respondents giving a positive feedback that the use of '*Sinding Pimato*' is suitable as a learning material to improve pronunciation of Kadazandusun Language. In conclusion, the use of '*Sinding Pimato*' software as a learning tool for Kadazandusun Language gives an effective impact on the existence of multimedia elements. The implication of the study shows that the learning software '*Sinding Pimato*' contributes to improving the quality of teaching and learning curriculum of Kadazandusun Language.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xxi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	25
1.5 Soalan Kajian	25
1.6 Kerangka Konsep Kajian	26
1.7 Kepentingan Kajian	29
1.7.1 Kepentingan Kepada Murid	29

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Kepentingan Kepada Pendidik 29

1.7.3 Kepentingan Kepada Penggubal Kurikulum 30

1.7.4 Kepentingan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 31

1.7.5 Kepentingan Kepada Kajian Lanjutan 32

1.8 Batasan Kajian 32

1.9 Definisi Operasional 35

1.9.1 Bahasa Kadazandusun 35

1.9.2 '*Sinding Pimato*' 37

1.9.3 Sebutan 38

1.9.4 Teknologi Maklumat dan Komunikasi 38

1.9.5 Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Model ASSURE 40

1.10 Rumusan 43

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 44

2.2 Kurikulum Bahasa Kadazandusun (KSSR BKD) 45

2.2.1 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Kadazandusun Tahun Satu 45

2.2.2 Kemahiran Membaca (Pendekatan Fonik) 47

2.3 Model Pembelajaran ASSURE 53

2.3.1 Rancangan Pengajaran Harian (Model ASSURE) 62

2.4 Teori Pembelajaran Kognitif 65

2.5 Kajian Lepas 70

2.5.1 Kajian Di Malaysia 70

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Kajian Luar Negara 81

2.6 Rumusan 86

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan 87

3.2 Reka Bentuk Kajian 88

3.3 Lokasi Kajian 99

3.4 Populasi Dan Sampel 100

3.5 Instrumen Pengumpulan Data 102

3.5.1 Rancangan Pengajaran Harian (RPH) 102

3.5.2 Perisian Pembelajaran *'Sinding Pimato'* 104

3.5.3 Bahan Bercetak 105

3.5.4 Set Ujian 107

3.5.5 Protokol Temu Bual 110

3.6 Kajian Rintias 111

3.7 Prosedur Pengumpulan Data 116

3.8 Kaedah Dan Teknik Menganalisis Data 123

3.9 Rumusan 127

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 128

4.2 Maklumat Latar Belakang Responden 131

4.3 Ujian Pra Dan Pasca 132

4.4 Dapatan Kajian Dapatan Kajian Kesan Penggunaan *'Sinding Pimato'* Terhadap Pencapaian Aspek Sebutan Bahasa Kadazandusun Murid Tahun Satu. 134

4.4.1 Analisis Peratus Pencapaian Sebutan Bahasa Kadazandusun Sebelum Dan Selepas Guru Menggunakan Perisian *'Sinding Pimato'* 134

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Ujian Pra dan Pasca)

4.4.1.1 Analisis Ujian Pra Kumpulan Eksperimen 136

4.4.1.2 Analisis Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen 139

4.4.1.3 Analisis Ujian Pra Kumpulan Kawalan 143

4.4.1.4 Analisis Ujian Pasca Kumpulan Kawalan 146

4.4.1.5 Analisis Peningkatan Peratus Pencapaian Sebutan Membaca Kumpulan Eksperimen 148

4.4.1.6 Analisis Peningkatan Peratus Pencapaian Sebutan Membaca Kumpulan Kawalan 152

4.4.2 Analisis Perbezaan Skor Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Sebutan Bahasa Kadazandusun Murid Tahun Satu Sebelum Dan Selepas Guru Menggunakan *'Sinding Pimato'* Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Ujian *t)* 155

4.4.2.1 Analisis Skor Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Peratus Sebelum Dan Selepas Bagi Kumpulan Eksperimen 156

4.4.2.2 Analisis Skor Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Sebelum Dan Selepas Murid Bagi Kumpulan Kawalan 159

4.4.2.3 Analisis Skor Min Dan Sisihan Piawai Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan 162

4.4.3 Analisis Temu Bual Kesan *'Sinding Pimato'* Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun Di Dalam Bilik Darjah. 166

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.1 Analisis Temu Bual Separa Struktur Keberkesanan Modifikasi Jolly Phonic Kepada Perisian Pembelajaran '*Sinding Pimato*' Untuk Pembelajaran Dalam Bahasa Kadazandusun. 167

4.4.3.2 Analisis Maklumat Responden Temu Bual 168

4.4.3.3 Analisis Temu Bual Keberkesanan Penggunaan Bahan Pembelajaran Perisian *'Sinding Pimato'*. 172

4.4.3.4 Keberkesanan Modifikasi Jolly Phonic Kepada *'Sinding Pimato'* Dalam Pembelajaran Sebutan Bahasa Kadazandusun. 176

4.4.3.5 Keberkesanan Penggunaan Perisian *'Sinding Pimato'* Dalam Bilik Darjah. 180

4.4.3.6 Penggunaan Bahasa Dalam Kandungan Perisian *'Sinding Pimato'*. 184

4.4.3.7 Keberkesanan Penyampaian Huruf Abjad Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*. 187

4.4.3.8 Unsur Didik Hibur *(Fun Learning)* Dalam *'Sinding Pimato'*. 190

4.4.3.9 Kandungan Eleman Multimedia Dalam Perisian '*Sinding Pimato'*. 193

4.4.3.10 Keinteraktifan Perisian *'Sinding Pimato'*. 196

4.4.3.11 Keberkesanan Teknik Pengajaran *'Sinding Pimato'* Bagi Pembelajaran Murid Tahun Satu 199

4.4.3.12 Integrasi Kurikulum Bahasa Kadazandusun Dengan Kurikulum Mata Pelajaran Lain. 202

4.5 Rumusan 205

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 206

5.2 Perbincangan Analisis Kajian Deskriptif Peratus Pencapaian Sebutan Bahasa Kadazandusun Murid Tahun Satu Sebelum Dan Selepas Guru Menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran (Soalan Kajian 1) 207

5.2.1 Analisis Deskriptif Peratus Pencapaian Sebelum Dan Selepas 208

5.2.1.1 Kumpulan Eksperimen 208

5.2.1.2 Kumpulan Kawalan 213

5.3 Perbincangan Analisis Kajian Inferensi Ujian Perbezaan Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Sebutan Bahasa Kadazandusun Murid Tahun Satu Sebelum Dan Selepas Guru Menggunakan *'Sinding Pimato'* Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Soalan kajian 2) 216

5.3.1 Perbincangan Dapatan Ujian *T* Perbezaan Skor Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Sebelum Dan Selepas 216

5.4 Perbincangan Analisis Temu Bual Kesan *'Sinding Pimato'* Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun Di Dalam Bilik Darjah (soalan kajian 3) 220

5.4.1 Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Jolly Phonic Dimodifikasi Dalam Perisian '*Sinding Pimato*'. 221

5.4.2 Keberkesanan Modifikasi *Jolly Phonic* Kepada *'Sinding Pimato'* Dalam Pembelajaran Sebutan BKD 222

5.4.3 Keberkesanan Penggunaan Perisian '*Sinding Pimato*' Dalam Bilik Darjah. 224

5.4.4 Penggunaan Bahasa Dalam Isi Kandungan Perisian *'Sinding Pimato'*. 226

5.4.5 Keberkesanan Penyampaian Huruf Abjad Dalam Perisian '*Sinding Pimato*'. 227

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.6 Unsur Didik Hibur *(Fun Learning)* Dalam *'Sinding Pimato'*. 229

5.4.7 Kandungan Eleman Multimedia Dalam Perisian '*Sinding Pimato*'. 231

5.4.8 Keinteraktifan Perisian '*Sinding Pimato*'. 232

5.4.9 Teknik Pengajaran yang terdapat dalam perisian '*Sinding Pimato*' 234

5.4.10 Integrasi Kurikulum Bahasa Kadazandusun Dengan Kurikulum Mata Pelajaran Lain. 235

5.5 Implikasi Dapatan Kajian 237

5.5.1 Implikasi Terhadap Murid 237

5.5.2 Implikasi Terhadap Guru dan Sekolah 239

5.5.3 Implikasi Terhadap Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun 241

5.5.4 Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan (KPM) 242

5.5.5 Implikasi Terhadap Kajian Lanjutan 243

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 244

5.6.1 Cadangan Kepada Guru Bahasa Kadazandusun Dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun. 245

5.6.2 Cadangan Kepada Pihak Sekolah untuk Melaksanakan Kurikulum Bahasa Kadazandusun. 246

5.6.3 Cadangan Kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS)/Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 247

5.6.4 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan 248

5.7 Rumusan 250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rujukan 251

Lampiran 259

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Langkah-Langkah Pelaksanaan Kuasi Eksperimen Kajian	89
3.2	Reka Bentuk Kuasi Eksperimen	90
3.3	Kandungan Ujian Pra Dan Ujian Pasca	108
3.4	Peratus Pencapaian Sebutan Membaca Sebelum Dan Selepas Murid Menjalani Rawatan Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Perisian *'Sinding Pimato'* (Kajian Rintis)	113
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	117
3.6	Langkah-Langkah Pelaksanaan Pengumpulan Data Kajian Lapangan	118
3.7	*Carta Gantt* Kajian	122
3.8	*Kaedah Menganalisis Data*	126
4.1	Taburan Jantina Responden Mengikut Kumpulan	132
4.2	Taburan Konstruk Ujian Secara Keseluruhan	133
4.3	Julat Gred Markah Baru Peperiksaan Dan Ujian	135
4.4	Statistik Deskriptif Peratus Pencapaian Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen	136
4.5	Statistik Deskriptif Peratus Pencapaian Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	139
4.6	Statistik Deskriptif Peratus Pencapaian Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan	143
4.7	Statistik Deskriptif Peratus Pencapaian Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	146

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8	Analisis Statistik Deskriptif Peningkatan Peratus Pencapaian Sebelum Dan Selepas Kumpulan Eksperimen	149
4.9	Analisis Statistik Deskriptif Peningkatan Peratus Pencapaian Sebelum Dan Selepas Kumpulan Kawalan	152
4.10	Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	156
4.11	Ujian T Perbandingan Skor Min Markah Sebelum Dan Selepas Penggunaan Bahan Pembelajaran Perisian *'Sinding Pimato'* Bagi Kumpulan Eksperimen	158
4.12	Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	159
4.13	Ujian T Perbandingan Skor Min Markah Sebelum Dan Selepas Bagi Kumpulan Kawalan	161
4.14	Jadual Perbandingan Markah Pencapaian Sebelum Dan Selepas Bagi Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan.	162
4.15	Perbezaan Skor Min Dan Sisihan Piawai Markah Pencapaian Keseluruhan Sebutan Membaca Murid-Murid Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra	163
4.16	Perbezaan Skor Min Dan Sisihan Piawai Markah Pencapaian Keseluruhan Sebutan Membaca Murid-Murid Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pasca	164
4.17	Analisis Ujian T Pencapaian Keseluruhan Sebutan Membaca Bahasa Kadazandusun Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Sebelum Dan Selepas.	166
4.18	Profil Responden Temu Bual Bahasa Kadazandusun	168
5.1	Analisis Ujian T Pencapaian Keseluruhan Sebutan Membaca Bahasa Kadazandusun Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Sebelum Dan Selepas.	217

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	27
3.1	Reka Bentuk Kajian Permodifikasian Dan Perbandingan Kesan *'Sinding Pimato'* Terhadap Pencapaian Sebutan Bahasa Kadazandusun Bagi Murid Tahun Satu.	91
3.2	Perbandingan Reka Bentuk Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	92
3.3	Formula Pengiraan Julat (Diadaptasi Daripada Hamidah Yusof, Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan, 2015)	93
3.4	Langkah-Langkah Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Model ASSURE.	103
3.5	Peratus Pencapaian Sebelum Dan Selepas Murid Menjalani Rawatan Ppengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Perisian *'Sinding Pimato'*	114
4.1	Peratus Keputusan Ujian Pra Pencapaian Sebutan Membaca Kumpulan Eksperimen	137
4.2	Peratus Keputusan Ujian Pasca Pencapaian Sebutan Membaca Kumpulan Eksperimen	140
4.3	Peratus Keputusan Ujian Pra Pencapaian Sebutan Membaca Kumpulan Kawalan	144
4.4	Peratus Keputusan Ujian Pasca Sebutan Membaca Kumpulan Kawalan	147
4.5	Analisis Peratus Markah Pencapaian Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	151
4.6	Analisis Peratus Markah Pencapaian Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	154

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7	Analisis Temu Bual Keberkesanan Kaedah Pembelajaran *Jolly Phonic* Dimodifikasi Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.	176
4.8	Analisis Temu Bual Keberkesanan Modifikasi *Jolly Phonic* Kepada *'Sinding Pimato'* Dalam Pembelajaran Sebutan Bahasa Kadazandusun.	180
4.9	Analisis Temu Bual Keberkesanan Penggunaan Perisian *'Sinding Pimato'* Dalam Bilik Darjah.	183
4.10	Analisis Temu Bual Penggunaan Bahasa Dalam Kandungan Perisian *'Sinding Pimato'*.	186
4.11	Analisis Temu Bual Keberkesanan Penyampaian Huruf Abjad Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.	189
4.12	Analisis Temu Bual Unsur Didik Hibur Dalam *'Sinding Pimato'*.	193
4.13	Analisis Temu Bual Kandungan Eleman Multimedia Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.	196
4.14	Analisis Temu Bual Keinteraktifan Perisian *'Sinding Pimato'*.	199
4.15	Analisis Temu Bual Keberkesanan Teknik Pengajaran *'Sinding Pimato'* Bagi Pembelajaran Murid Tahun Satu.	202
4.16	Analisis Temu Bual Integrasi Kurikulum Bahasa Kadazandusun Dengan Kurikulum Mata Pelajaran Lain.	205
5.1	Peratus Peningkatan Markah Pencapaian Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	209
5.2	Peratus Peningkatan Markah Pencapaian Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan.	213
5.3	Kod Dan Rumusan Keberkesanan Kaedah Pembelajaran *Jolly Phonic* Dimodifikasi Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.	221
5.4	Kod Dan Rumusan Keberkesanan Modifikasi *Jolly Phonic* Kepada *'Sinding Pimato'* Dalam Pembelajaran Sebutan Bahasa Kadazandusun.	222
5.5	Kod Dan Rumusan Keberkesanan Penggunaan Perisian *'Sinding Pimato'* Dalam Bilik Darjah.	224

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6	Kod Dan Rumusan Penggunaan Bahasa Dalam Isi Kandungan Perisian *'Sinding Pimato'*.	226
5.7	Kod Dan Rumusan Keberkesanan Penyampaian Huruf Abjad Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*	227
5.8	Kod Dan Rumusan Unsur Didik Hibur Dalam *'Sinding Pimato'*	229
5.9	Kod Dan Rumusan Kandungan Eleman Multimedia Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*	231
5.10	Kod Dan Rumusan *Keinteraktifan Perisian 'Sinding Pimato'*	232
5.11	Kod Dan Rumusan Keberkesanan Teknik Pengajaran *'Sinding Pimato'* Bagi Pembelajaran Murid Tahun Satu.	234
5.12	Kod Dan Rumusan Penggunaan *'Sinding Pimato'* Mengintegrasikan Kurikulum Bahasa Kadazandusun Dengan Kurikulum Mata Pelajaran Lain.	235

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BKD	Bahasa Kadazandusun
GT	*Grounded Theory*
JP	*Jolly Phonic*
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
R	Responden
SP	*'Sinding Pimato'*
SPSS	*Statistical Packages For The Social Science*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	*Storyboard* Perisian Pembelajaran *'Sinding Pimato'*
B	Instrumen Ujian Lisan (Pra dan Pasca) Veris Bahasa Kadazandusun
C	Instrumen Ujian Lisan (Pra dan Pasca) Veris Bahasa Melayu
D	Instrumen Temu Bual Separa Struktur
E	Transkrip Temu Bual Separa Struktur
F	Ujian T (SPSS)
G	Borang Pengesahan Instrumen
H	Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
I	Surat Kebenaran Guru Besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap bangsa di dunia mempunyai bahasanya yang tersendiri dan unik. Suatu bangsa akan lenyap jika bahasa hilang ditelan zaman. Begitu juga dengan bangsa Kadazandusun yang mewarisi Bahasa Kadazandusun. Bahasa Kadazandusun menjadi identiti kepada masyarakat berbangsa Kadazandusun. Sehubungan itu, kurikulum Bahasa Kadazandusun yang dilaksanakan dalam sekolah rendah di Negeri Sabah adalah usaha murni Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memartabatkan Bahasa Kadazandusun agar tidak lenyap ditelan zaman dan menjadi warisan kepada anak-anak bangsa Kadazandusun.

Sehubungan itu, para guru Bahasa Kadazandusun haruslah mengambil inisiatif yang efektif untuk menyahut usaha KPM bagi menaikkan taraf Bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah rendah mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara." (FPK, 1988)

Menurut Hassan (1980), selain kemahiran mengira, menulis dan menakul, kemahiran membaca merupakan dasar yang paling penting untuk murid-murid kuasai sewaktu berada di sekolah rendah. Aktiviti membaca sangat penting untuk diajar dan didedahkan awal kepada murid-murid tahun satu di sekolah rendah. Tuzana (2014), turut mengatakan bahawa aktiviti membaca adalah perkara paling penting dalam hidup seseorang manusia. Jika seseorang manusia tidak berkebolehan untuk membaca, maka sukar untuk beliau berhubung dengan dunia luar. Hal ini membawa maksud pendedahan awal kemahiran membaca sangat penting untuk murid-murid tahun satu agar dapat meneruskan hidup dan mampu menjalinkan hubungan dengan dunia yang lebih luas kelak.

Menurut Minah Sintian (2015), murid lemah serta tidak meminati mata pelajaran Bahasa Kadazandusun disebabkan oleh faktor masalah ketidakcekapan menguasai kemahiran asas membaca. Sehubungan itu, murid lemah dan tidak cekap membaca dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun akan terpesong dan ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Hal ini akan mempengaruhi tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran sebutan membaca murid tahun satu. Agus (2002), berkata mentafsir simbol dan perkataan berserta sebutan, jeda dan kelancaran yang tepat dipengaruhi oleh keupayaan murid-murid. Ini bermaksud, kemahiran membaca adalah keperluan yang utama untuk diperoleh walaupun murid-murid masih dalam usia awal persekolahan. Menurut Yahya Othman (2008) pula, masalah kurang keupayaan membaca adalah faktor kemerosotan prestasi pembelajaran murid dalam cabang-cabang lain seperti mata pelajaran Sains selain tunjang bahasa dan komunikasi murid.

Pandangan ini selaras dengan pendapat Ahamd Khair (2012), iaitu kelemahan kemahiran membaca yang terdapat dalam diri seseorang murid akan menyebabkan murid tersebut tidak berupaya mengecam huruf kecil dan huruf besar ketika membaca, menyebut sebutan bunyi perkataan dengan salah, sering meninggalkan serta membiarkan perkataan yang tidak dapat disebut, kesukaran menyebut perkataan yang dieja dan tidak berupaya untuk membunyikan suatu huruf. Situasi ini akan menjadikan para murid kurang faham petikan-petikan yang hendak dibaca dan pastinya menyebabkan pola bacaan seseorang murid tersekat-sekat.

Stainthorp dan Hughes (1999), berkata murid-murid yang berupaya membaca dengan lancar terhadap ayat-ayat pendek, mengetahui kosa kata dan pembendaharaan ayat asas serta berkebolehan untuk mengeja suatu perkataan adalah berada pada kategori yang lebih mudah dan menyenangkan jika dibandingkan dengan murid-murid yang masih kurang menguasai kemahiran asas membaca. Sehubungan itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun haruslah mendedahkan kemahiran membaca kepada murid-murid bermula pada tahap rendah, iaitu peringkat awal persekolahan agar semua murid menguasai kemahiran membaca yang berkesan dan efektif. Melalui pendedahan awal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini terhadap Bahasa Kadazandusun, murid-murid bangsa Kadazandusun akan lebih cenderung untuk memahami isi pengajaran dan pembelajaran serta berupaya mengikuti proses pembelajaran dengan lebih lanjut dan melahirkan murid-murid bangsa Kadazandusun yang bersikap mandiri.

Perkara ini selaras dengan pernyataan dalam buku "Puralan Boros Kadazandusun" (2008), iaitu kemahiran membaca dalam Bahasa Kadazandusun adalah aspek utama yang perlu dikuasai oleh murid-murid agar sebutan, intonasi dan jeda pembacaan berada di landasan yang betul. Sehubungan itu, murid-murid tahun satu harus dibimbing agar penguasaan Bahasa Kadazandusun dapat berkembang dengan optimum mengikut tahap kognitif dan perkembangan bahasa mereka. Dalam hal ini, guru-guru Bahasa Kadazandusun haruslah ingat bahawa murid-murid mempelajari bahasa dengan cara meniru dan menanam dalam ingatan setiap hasil komunikasi dan interaksi mereka semasa sesi pembelajaran.

Oleh itu, para guru haruslah lebih kreatif dan inovatif dalam meningkatkan keberkesanaan kemahiran membaca murid-murid. Dalam menyahut aspirasi ketujuh iaitu mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan (terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia), penyelidik telah menghasilkan satu bahan pembelajaran berbentuk perisian yang dinamakan sebagai *'Sinding Pimato'*. '*Sinding Pimato'* ini adalah satu bahan pembelajaran yang telah dimodifikasikan oleh pengkaji khas untuk Bahasa Kadazandusun daripada kaedah *Jolly Pheonics* yang banyak digunakan dalam memperbaiki kemahiran membaca Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Pengajaran *Jolly Pheonic* ini telah diasaskan oleh Chris Jolly pada tahun 1992. Kaedah ini telah diambil berasaskan nama pengasasnya, iaitu Jolly. Menurut Adams (1990), *pheonic* pula merujuk kepada perkaitan huruf atau kumpulan huruf dengan bunyi yang mereka wakili dan merupakan satu sistem pengajaran membaca yang membina prinsip abjad. *Jolly Phonics* telah dimulakan di England oleh Sue Lloyd dengan pelbagai cara pengajaran deria bertujuan untuk cepat dan cekap mempelajari abjad. Sehubungan itu, pengkaji akan meningkatkan tahap pembacaan murid dalam aspek sebutan kata dengan menggunakan aplikasi perisian *'Sinding Pimato'* dengan cara memperkenalkan bunyi, huruf dan sebutan kata dalam Bahasa Kadazandusun. Ini selaras dengan Sofiah (1990), iaitu melalui kaedah ini guru dapat memperkenalkan hubungan bunyi dan huruf kemudian bunyi perkataan sekeluarga.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Kesimpulannya, kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan aplikasi perisian '*Sinding Pimato'* untuk meningkatkan pembacaan dalam aspek sebutan kata, meningkatkan minat dan menambahkan teknik pembelajaran murid dalam Bahasa Kadazandusun bagi murid tahun satu di sebuah sekolah rendah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada tahun 1995, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun telah diluluskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan Malaysia) untuk dijalankan di sekolah-sekolah tertentu dalam Negeri Sabah. Melalui kelulusan ini, kurikulum Bahasa Kadazandusun telah digubal dan kemudiannya dimasukkan sebagai mata pelajaran bahasa etnik dalam kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah rendah dan sekolah menengah. Penggubalan ini telah dipersetujui dan bertepatan dengan aspek kenegeraan yang terkandung dalam Akta Pelajaran tahun 1961.

Sehubungan itu, pengisytiharan dan persetujuan memorandum Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) dan Persatuan Dusun Sabah Bersatu (USDA) telah diperolehi dan ditandatangani pada tahun 1995 khasnya untuk menetapkan keseragaman penggunaan Bahasa Kadazandusun dalam kurikulum sekolah. Sehubungan itu, penggunaan Bahasa Kadazandusun yang digunakan di sekolah-sekolah pada masa ini adalah hasil daripada kerjasama dan usaha pihak KDCA dan USDA untuk memartabatkan bahasa bangsa Kadazandusun sejak 25 Januari 1995.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah itu, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun telah dimulakan pada tahun 1997 dengan rasminya pada tarikh 17 Februari. Sebagai permulaan, Bahasa Kadazandusun telah dijalankan secara formal dalam 15 buah sekolah rendah yang melibatkan 14 buah daerah di Negeri Sabah sebagai sekolah printis program Bahasa Kadazandusun ini. Pada 13 Februari 1999 iaitu, semasa pelancaran dan perasmian Persidangan Pendidik Kadazandusun bertempat di Maktab Perguruan Gaya, Datuk Seri Najib Tun Razak (Menteri Pendidikan pada masa itu) telah mengumumkan tawaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Bahasa Kadazandusun pada peringkat sekolah menengah dan bermula 2005 pelajar-pelajar tingkatan satu akan menjadi perintis pelaksanaan Bahasa Kadazandusun (Utusan, 1999). Kemudiannya, bermula tahun 2009 Bahasa Kadazandusun telah bergerak lebih tinggi dengan pelaksanaannya di peringkat Penilaian Menengan Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2011 secara rasminya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah berkenaan bertujuan untuk memperkembangkan penggunaan bahasa ini dan sebagai cara untuk meneruskan warisan bangsa khususnya dalam kalangan generasi muda yang berketurunan Kadazandusun (Rosliah Kiting, 2012). Setelah 12 tahun Bahasa Kadazandusun ini dijalankan pada peringkat sekolah menengah dan 20 tahun dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah, pengkaji mendapati tahap pembelajaran murid-murid dalam Bahasa Kadazandusun masih rendah terutamanya murid tahun satu. Menurut Rosliah (2012), kemungkinan khazanah lisan yang merupakan warisan nenek moyang akan luput ditelan zaman sekiranya usaha untuk menyelamatkannya tidak dilakukan.

Perkara ini dipandang serius oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kerana masalah ketidakupayaan murid untuk membaca dalam kalangan sekolah rendah akan menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan ilmu secara maksimum sebagai bekalan ke sekolah menengah. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang dan melaksanakan program Literasi dan Numerasi (LINUS) bermula tahun 2009 sebagai langkah positif membendung masalah murid-murid yang belum menguasi kemahiran membaca khususnya dalam bidang bahasa.

Walau bagaimanapun, program ini bukanlah program khas yang dijalankan bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Kajian Kemahiran Membaca dalam Bahasa Kadazandusun masih kurang diberi penekanan. Namun, guru-guru Bahasa Kadazandusun sentiasa berusaha untuk mengajar murid-murid membaca dalam Bahasa Kadazandusun dengan lebih baik melalui kursus-kursus yang telah dihadiri oleh guru mata pelajaran (Panitia Bahasa Kadazansun).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Membaca merupakan salah satu aspek yang penting. Menurut Yahya (2005), membaca bertujuan untuk memastikan pembaca mudah memahami mesej yang terkandungan dalam teks atau petikan. Abdul Rasid Jamian (2012) pula berkata, jika murid menguasi kemahiran membaca maka murid-murid mudah menyebut setiap perkataan dengan tepat dan betul, memahami makna perkataan yang dibaca serta dapat mengukur keupayaan tahap pencapaian sebutan membaca dan mencapai matlamat pembacaan.

Bagi Ku Fatahiya Ku Azizan (2014), komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis memerlukan keupayaan membaca yang dinamik. Selain itu, menurut beliau juga membaca membolehkan seseorang murid mengecam bentuk-bentuk visual dan dapat menggabungjalinkan antara bentuk dan bunyi berdasarkan pengalamannya mentafsirkan definisinya. Beliau turut menyatakan bahawa gabungan pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan pengalaman membaca mempengatuhi pemahaman bacaan seseorang murid.

Dalam kajian ini, bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* adalah satu bahan pembelajaran untuk mengembangkan kemampuan sebutan membaca murid iaitu menggunakan cara mensintesis bunyi untuk mengajarkan bunyi huruf-huruf dan mempunyai pendekatan kecerdasan pelbagai (*multi-sensory*) yang memudahkan pembelajaran murid-murid tahun satu dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun.

Perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* telah diadaptasi daripada kaedah pengajaran *Jolly Phonic* yang banyak diaplikasikan dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris. Pengadaptasian ini dilaksanakan oleh pengkaji bermula tahun 2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bentuk pembinaan perisian komputer serta android dan mengambil masa selama dua tahun untuk disiapkan. Setelah perisian ini siap sepenuhnya, kajian keberkesanan telah dijalankan untuk menguji keberkesanannya dalam aspek sebutan membaca Bahasa Kadazandusun.

Dalam konteks kajian ini, pengadaptasian kaedah pengajaran *Jolly Phonic* kepada perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* bertujuan untuk mewujudkan menampilan alat baharu, penciptaan dan penyesuaian serta mewujudkan saranan dan prasarana yang kreatif, inovatif dan menarik khasnya untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

Tambahan, perisian *'Sinding Pimato'* juga adalah satu modifikasi kaedah pengajaran sebagai alternatif baharu dan sebagai kaedah penyelesaian masalah yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun terutamanya dalam kemahiran membaca aspek sebutan murid yang menjadi tunjang utama kajian ini. Modifikasi sama maksud dengan penyesuaian atau penyempurnaan suatu struktur organisasi (Prof. Dr. J. Salusu, M. A., 2015). Menurut Certo (1986), modifikasi sangat diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan iaitu sejauh mana organisasi dapat mencapai tujuan dan sasarannya. Justeru, sejarah permodifikasian *'Sinding Pimato'* daripada kaedah pengajaran *Jolly Phonic* ini dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Kadazandusun bagi meningkatkan pencapaian sebutan membaca murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Landasan aplikasi bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* ini adalah menggunakan pendekatan fonemik dan pendekatan kecerdasan pelbagai. Pendekatan fonemik dalam pembelajaran membaca adalah dengan cara mensintesis bunyi dengan cara menunjukkan bunyi setiap huruf, kemudian menggabungkannya dengan huruf-huruf lain sehingga terdengar bunyi sebutan seluruh kata. Santrock (2008), berkata pendekatan pengajaran menggunakan kaedah membahagi dan mengolah sebutan dalam kata *(phenomic awerness)* dan mempelajari sebutan yang diwakili oleh huruf dapat membentuk sebutan kata yang padu *(phonics)*.

Pendekatan kecerdasan pelbagai dalam aplikasi bahan *'Sinding Pimato'* ini menggabungkan kecerdasan verbal linguistik, visual, muzik, kinestetik, permainan dan kecerdasan taktil. Eleman kecerdasan pelbagai Verbal Linguistik dalam penyelidikan ini mengkaji tahap sebutan murid-murid ketika membaca semasa pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahan *'Sinding Pimato'*. Elemen Visual diwakili dengan pemaparan gambar, kata kunci, serta tulisan warna-warni. Eleman kecerdasan pelbagai bagi muzik diwakili dengan rakaman audio, muzik, dan lagu. Manakala, kinestetik dalam pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan *'Sinding Pimato'* ini adalah pergerakan kreatif setiap lagu-lagu huruf.

Masa depan yang cerah adalah sangat penting untuk negara kita. Hal ini sangat bergantung kepada peningkatan mutu pendidikan. Oleh yang demikian, guru-guru haruslah memainkan peranan dengan berusaha meningkatkan tahap pencapaian sebutan membaca murid-murid semasa pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Guru-guru boleh menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan hasil pembelajaran murid tercapai. Tambahan, dunia pendidikan pada masa kini seiring dengan ledakan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Sehubungan itu, mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran, khasnya dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun akan menghidupkan suasana pembelajaran yang efektif, menarik minat murid, produktif dan lebih bermakna dengan menggabungjalinkan multimedia pembelajaran. Menurut Abdul Rashid Jamian (2012), pembelajaran menggunakan multimedia boleh menjadi rangsangan dan daya tarikan kepada murid-murid kerana multimedia ini berupaya menyalurkan suatu informasi dengan lebih cepat dan tepat serta menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, penggabungjalinan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Bahasa Kadazandusun ini akan membantu murid-murid tahun satu yang bermasalah dalam kemahiran sebutan membaca kerana adanya penggunaan elemen multimedia seperti elemen audio, teks, gambar dan navigator yang dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi pelbagai kemudahan untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun. Melalui pengintegrasian ini, murid-murid yang bakal menggunakan bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* akan lebih bebas dan lebih fleksibel untuk mencari dan menambah pengetahuan membaca dengan sebutan yang tepat. Abdul Rasid Jamian (2012), telah menyatakan dalam kajiannya, bahawa bagi meningkatkan pencapaian membaca, guru perlu menggunakan komputer untuk membantu murid ajar pengajaran dan pembelajaran lebih berpusatkan murid dan sistematik. Siti Sakinah (2017), turut mengesyorkan agar guru-guru menggalakkan penggunaan komputer di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa Kadazandusun mula diajar di sekolah seawal tahun 1988 di bawah polisi POL (Pupil's Own Language), iaitu bahasa ibunda murid perlu dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran formal. Walaupun mata pelajaran Bahasa Kadazandusun telah diperkenalkan sejak tahun 1997 untuk sekolah rendah di negeri Sabah, namun masih terdapat kelemahan murid dari beberapa aspek yang mengakibatkan sebutan membaca murid lemah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

Masalah-masalah tersebut adalah seperti murid-murid lambat bertutur, tidak dapat membezakan sebutan perkataan, sukar mengingati susunan huruf, kurang fokus dalam pengajaran dan pembelajaran, tidak cergas semasa belajar, membaca dengan lambat, tidak dapat membentuk perkataan dan ayat serta tidak dapat menggabungkan bunyi-bunyi. Kelemahan-kelemahan ini akan menyebabkan kesulitan dalam pembelajaran murid yang selanjutnya. Hal ini akan menjadi masalah kepada para guru bahasa.

Dalam pembelajaran bahasa, sebutan merupakan elemen yang sangat penting. Menurut Mambeczka (2008), dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing aspek sebutan seringkali diabaikan oleh guru-guru bahasa di dalam suatu silibus. Hal ini turut berlaku dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun menyebabkan murid-murid tidak mengambil berat tentang sebutan mereka ketika membaca. Menurut Lydia Tumin (2008), jika murid-murid dapat memahami cara menggunakan tatabahasa, boleh menghafal kosa-kosa kata dan mampu menjawab soalan peperiksaan dengan betul,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semua murid merasakan mereka berkebolehan untuk menguasai bahasa yang diajarkan itu.

Namun begitu, jika mereka tidak berupaya untuk menyebut dengan sebutan yang tepat, perkataan yang dikeluarkan daripada mulut seseorang murid kemungkinan besar tidak boleh difahami dengan jelas oleh orang yang mendengar (Lydia Tumin, 2008). Hal ini bermakna, secara keseluruhannya sebutan seseorang murid membawa pengaruh besar dalam proses komunikasi suatu bahasa yang digunakan.

Masalah utama dalam kajian ini ialah murid lemah dalam aspek sebutan perkataan yang menyebabkan murid tersebut sukar untuk memahami teks atau petikan yang diberikan oleh guru dan secara tidak langsung mencetuskan masalah kesukaran untuk membaca. Hal ini berlaku dalam sesi pembelajaran murid-murid tahun satu semasa pengajaran dan pembelajaran berjalan. Oleh itu, Yahya dan Roselan (2015), memberikan pandangan bahawa pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas membaca haruslah dititikberatkan dalam bilik darjah.

Pada tahun 1969, Sinclair telah berjaya membuat penyelidikan berkaitan sebutan murid ketika membaca. Beliau mendapati bahawa bahasa para murid terjadi seiringan dengan persekitarannya dan perkembangan kognitifnya. Hal ini berhubungkait dengan tahap sebutan murid dalam Bahasa Kadazandusun. Sebutan murid-murid ketika membunyikan bunyi-bunyi huruf, menyebut suku kata dan perkataan dalam Bahasa Kadazandusun tidak lancar dan kurang tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini berlaku kerana, murid-murid tersebut kurang pendedahan dan tidak berkomunikasi dalam Bahasa Kadazandusun walaupun bahasa ini adalah bahasa ibunda mereka. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, murid-murid tersebut lebih mengutamakan Bahasa Melayu berbanding bahasa ibunda kerana ibu bapa mereka tidak mengajar dan kurang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertuturan di rumah. Lydia Tumin (2008), mendapati bahawa tahap kefasihan berbahasa dalam Kadazandusun semakin menurun dalam kalangan responden muda.

Analisis juga menunjukkan penggunaan bahasa dalam keluarga responden di bezakan oleh kekerapan pengunaan bahasa kadazandusun dalam kalangan generasi dewasa dan Bahasa Melayu pula lebih kerap digunakan oleh generasi muda. Hal ini menyebabkan, Bahasa Kadazandusun yang diajar di sekolah seolah-olah bahasa asing yang baru didengari oleh murid-murid tersebut. Ini menggambarkan khazanah lisan rakyat tidak lagi popular pada masa kini (Low Kok On dll., 2013:4). Perkara ini menjadi faktor penyumbang terhadap masalah sebutan murid dalam Bahasa Kadazandusun. Sementara itu, faktor kognitif dan bahasa murid tahun satu dalam Bahasa Kadazandusun juga tidak kukuh. Secara amnya, penguasaan bahasa murid-murid tahun satu merangkumi cabang yang banyak, namun penyelidikan ini memiliki masalah tersendiri dan sukar untuk dirumuskan dengan jitu kerana tahap sebutan bahasa seseorang murid sukar diukur secara tepat kerana ia adalah proses kognitif yang berlaku dalam minda mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati terdapat lima masalah yang berhubung kait dengan masalah sebutan membaca yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah berkenaan. Berdasarkan temu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dilaksanakan oleh pengkaji dengan Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun sewaktu kajian lapangan berjalan, guru tersebut telah berkongsi beberapa masalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah ini. Masalah seterusnya ialah guru khas major dalam Bahasa Kadazandusun tidak ditempatkan sekolah tersebut. Hal ini menyebabkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun terpaksa diajar oleh guru-guru bukan major Bahasa Kadazandusun. Kebanyakkan cikgu yang melaksanakan pengajaran Bahasa Kadazandusun adalah guru bukan major yang telah lama berkhidmat di sekolah ini. Guru-guru tersebut terdiri daripada guru major mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris. Kajian Norjietta Julita Taisin (2017), juga mendapati guru khas Bahasa Kadazandusun yang mengajar subjek tersebut bukan dalam kalangan guru-guru yang opsyen dalam bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka diarahkan oleh pentadbir sekolah untuk mengajar Bahasa Kadazandusun kerana mereka adalah guru berbangsa Dusun dan boleh berkomunikasi dalam bahasa ibundanya. Situasi ini adalah serupa dengan kajian Magdeline anak Nor (2012), dalam Unit Bahasa Etnik (2010), bahawa semua cikgu yang mengajar Bahasa Iban di sekolah-sekolah menengah negeri Sarawak adalah guru bukan major khas Bahasa Iban. Hal ini menyebabkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran mereka dipengaruhi oleh disiplin dan teori ilmu mengikut major mereka.

Menurut Minah Sintian (2015) juga, mata pelajaran Bahasa Kadazandusun diajar oleh para guru yang terdiri daripada bukan opsyen Bahasa Kadazandusun. Dalam golongan tenaga pengajara Bahasa Kadazandusun tersebut terdapat segelintir guru yang langsung tidak pernah menghadiri bengkel dan kursus bagi mata pelajaran ini namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tetap diarahkan untuk mengajar. Pengalaman mengajar Bahasa Kadazandusun juga masih agak baharu bahkan ada dalam kalangan guru yang menjadi bidan terjun apabila berlaku pertukaran guru ke sekolah lain ataupun guru tersebut terpaksa mengajar subjek opsyennya demi kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan awam. Guru tersebut diarahkan untuk mengajar mata pelajaran tersebut kerana mereka tahu bertutur dengan fasih mengikut dialek Bahasa Kadazandusun masing-masing.

Namun mereka tetap berasa janggal dengan penggunaan dan penulisan tatabahasa bagi Bahasa Kadazandusun Bunduliwan. Bahasa Kadazandusun Bunduliwan adalah bahasa yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2008:vii). Hal ini menyebabkan guru-guru Bahasa Kadazandusun tidak mempunyai kaedah pengajaran yang sebenar untuk mengatasi masalah sebutan membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah seterusnya ialah pengkaji mendapati bahawa suasana pembelajaran Bahasa Kadazandusun tidak mengamalkan komunikasi dalam Bahasa Kadazandusun Bunduliwa semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ia merupakan salah satu punca murid-murid tidak mencapai tahap sebutan membaca yang baik. Menurut Lydia Tumin (2008), Bahasa Melayu lebih dikerap digunakan dalam perbualan antara keluarga, di sekolah, dalam upacara keagamaan dan ketika berada di kedai. Justeru, murid-murid lebih berminat untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu berbanding Bahasa Kadazandusun. Hal ini juga berpunca daripada ketiadaan guru major Bahasa Kadazandusun di sekolah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah sebutan membaca yang berlaku dalam kalangan murid disebabkan oleh kaedah pengajaran guru bukan major untuk mengajar Bahasa Kadazandusun (Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun). Menurut Julita Norjietta Taisin (2017), pengajaran dan pembelajaran yang membawa kepada kecemerlangan murid adalah bermula daripada penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan dalam bilik darjah. Pengajaran yang berkesan haruslah merangkumi aspek-aspek utama seperti merancang, melaksana, menilai dan meminta maklum balas. Hal ini bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ingin disampaikan kepada murid-murid.

Didapati masalah seterusnya yang berlaku di sekolah ini adalah, para guru hanya mengaplikasikan kaedah pengajaran '*Chalk and Talk'* untuk pembelajaran membaca dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Menurut Faridah (2013) pula, dalam konsep pengajaran *'chalk and talk'* ini, guru hanya berperanan sebagai tenaga pengajar yang utama di hadapan kelas dan murid hanya menerima dan mendengar setiap maklumat yang ingin diberikan oleh gurunya.

Hal ini menyebabkan murid tidak berminat untuk mendalami Bahasa Kadazandusun tetapi hanya bergantung kepada guru untuk mendapatkan ilmu. Berdasarkan kaedah ini, pengajaran para guru hanya tertumpu kepada penggunaan papan hitam untuk menulis maklumat. Pengkaji mendapati para cikgu di sekolah tersebut hanya menggunakan papan hitam untuk mengajar bunyi-bunyi huruf, suku kata dan membaca ayat pendek kepada murid-muridnya. Contohnya, untuk mengajar bunyi huruf, murid dapat mendengar sendiri cara membunyikan huruf yang ditunjukkan oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada kebiasaannya semua huruf-huruf, suku kata dan perkataan yang diajar hanya akan dipaparkan di papan tulis. Kekangan ini berlaku kerana guru kurang mahir menggunakan kaedah pengajaran. Guru menyampaikan penerangan terhadap maklumat yang ditulis di papan tulis dan murid pula cuma mendengar dan melihat guru memberikan huraian. Kadangkala, terdapat guru yang menyebut nama beberapa orang murid untuk tampil ke hadapan kelas ataupun berdiri untuk menyebut huruf atau membaca tulisan yang terpapar di papan tulis . Keadaan ini selari dengan dapatan Norjietta Julita Taisin (2017) bahawa pengaplikasian kaedah yang sesuai secara sistematik, iaitu mengikut langkah-langkah pengajaran yang sesuai kurang diamalkan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Sementara itu, Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun menyatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang beliau rumuskan sebagai punca masalah pengajaran sebutan membaca di sekolah ini, iaitu:

1. Guru kekurangan pengalaman mengajar bidang bahasa
2. Guru sering menggunakan kaedah PdPc membaca secara individu dan berkumpulan
3. Guru tidak mengaplikasikan kaedah PdPc membaca yang bersesuaian dan efektif.

Sehubungan itu, kaedah *'Chalk and Talk'* atau kaedah pengajaran tradisional telah menjadi kebiasaan dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah tersebut kerana para guru menganggap kaedah ini paling mudah untuk diaplikasikan. Perkara ini perlu diambil perhatian agar tidak berterusan kerana kaedah pengajaran tradisional ini akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyebabkan murid-murid tidak berminat dengan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Hal ini juga akan menyebabkan murid-murid membuat tafsiran bahawa Bahasa Kadazandusun ini agak membosankan. Justeru, guru-guru haruslah sedar bahawa pendidikan masa kini tidak lagi terhad kepada *Chalk and Talk* sahaja (Siti Sakinah, 2017). Sehubungan itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun haruslah berusaha menggunakan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan efektif berserta dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai dalam pengajaran.

Amalan guru menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran bukannya perkara asing lagi dalam dunia pendidikan. Mohamad Said dan Yunus (2008), berkata Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan dalam sistem pendidikan untuk memudahkan para guru mencungkil kreativiti para murid. Namun, berdasarkan kajian lepas yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia menunjukkan para pendidik tidak berjaya meningkatkan tahap kreativiti semua murid dalam sesebuah bilik darjah. Masalah seterusnya dalam kajian ini ialah guru Bahasa Kadazandusun didapati kurang mengaplikasikan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran . Ini menyebabkan aktiviti pembelajaran murid terhad dan kurang berlaku semasa PdP berlangsung dalam bilik darjah.

Salleh (2011), berkata, sesuatu pengajaran yang berkesan memerlukan kebijaksanaan guru-guru untuk mengubah suai pelan strategi pengajaran dan pembelajaran mengikut penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang disesuaikan dengan kaedah pengajaran. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan kaedah nyanyian dalam pengajaran agar aktiviti pembelajaran murid-murid lebih menyeronokkan dan lebih aktif. Salleh (2011) juga telah menyatakan bahawa aktiviti menyanyi dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran akan memberikan kesan positif terhadap prestasi pembelajaran seseorang murid.

Guru dan bahan bantu mengajar (BBM) merupakan gabungan yang penting untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Namun, guru-guru menghadapai pelbagai masalah menghasilkan suatu bahan bantu mengajar yang kreatif. Menurut Lai et. al. (2002), antara kekangan yang dihadapi oleh guru-guru untuk melaksanakan dan menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) adalah seperti masalah beban masa mengajar yang banyak, bahan maujud tidak mencukupi, masa tidak mencukupi, kurang praktikal, kurang mahir untuk membina suatu bahan pengajaran secara individu dan sumber dana kurang mencukupi. Mat Som (2005) turut berkata bahawa pihak sekolah juga mengalami pelbagai cabaran dalam menyediakan bahan bantu mengajar untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, semua guru haruslah menyedari bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting agar penyampaian kurikulum pengajaran berkesan terhadap murid-murid.

Oleh kerana mata pelajaran Bahasa Kadazandusun ini tidak mempunyai guru khas, masalah kekurangan bahan bantu mengajar juga telah menjadi punca masalah kepada sebutan membaca murid tahun satu. Ketiadaan guru major menyebabkan penghasilan bahan-bahan bantu mengajar juga tidak dapat dilaksanakan untuk memudahkan penyampaian pengajaran Bahasa Kadazandusun. Walaupun guru-guru yang diarahkan untuk mengajar mata pelajaran ini berasal daripada major mata pelajaran lain, mereka tetap diperlukan untuk membina bahan bantu mengajar agar kemenjadian murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengatasi masalah sebutan membaca. Kajian Tajip Tassan (2010), mendapati bahawa guru yang mengajar bukan opsyen dalam mata pelajaran tentu akan menghadapi kekangan dari segi penyediaan bahan bantu mengajar.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji di sekolah tersebut, guru-guru yang mengajar hanya memakai buku-buku teks yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada sekolah. Buku teks yang dibekalkan untuk membantu guru-guru mengajar kurang memberangsangkan untuk meningkatkan perhatian dan fokus murid dalam pengajaran bilik darjah. Ini kerana, buku teks bersifat sehala dan kurang bersesuaian dengan kanak-kanak seawal tahun. Oleh itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun harulah membina bahan bantu mengajar untuk menarik minat dan memudahkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan bantu mengajar yang dimaksudkan adalah seperti bahan-bahan yang diinovasi dan buku-buku tambahan yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk kemudahan menyampaikan ilmu kepada murid-murid. Sesungguhnya, bahan bantu mengajar dalam Bahasa Kadazandusun sangatlah penting sebagai rujukan guru dan murid. Berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji terhadap seorang guru di sekolah tersebut, guru tersebut menyatakan Bahasa Kadazandusun kekurangan bahan-bahan rujukan. Hal ini kerana, masyarakat Kadazandusun sangat kekurangan maklumat atau rekod-rekod yang dapat menunjukkan kegiatan kesenian dan kesusasteraan etnik Kadazandusun yang dihasilkan oleh masyarakat ini sendiri (Udong, 1995:28).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan-bahan rujukan tersebut sangatlah bermakna untuk dikumpulkan bagi memudahkan penghasilan sesuatu bahan bantu mengajar yang baharu untuk kegunaan murid-murid dan guru-guru sesuai dengan peredaran masa. Pengkaji turut mendapati penggunaan multimedia dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun tidak dipraktikkan semasa sesi penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Perkara tersebut menyebabkan penyampaian pengajaran Bahasa Kadazandusun dalam kelas sangat ketinggalan zaman. Ini disebabkan guru-guru sangat bergantung kepada penggunaan buku teks dan buku latihan yang dibekalkan oleh sekolah.

Pada zaman sekarang, guru-guru haruslah melaksanakan pengajaran yang seiring dengan perkembangan dunia teknologi multimedia agar murid zaman kini lebih berminat untuk belajar dan menguasai bidang bahasa. Menurut Supramaniyam (2015), penggunaan teknologi komputer dan *software* yang bersesuaian dalam pendidikan di Malaysia berupaya memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut kehendak dan keperluan semasa sistem pendidikan.

Dalam pemahaman ini, guru-guru haruslah mencari ikthiar yang berguna untuk membantu murid-murid seawal tahun satu untuk menguasi sebutan-sebutan kata dalam Bahasa Kadazandusun agar dapat melahirkan murid yang boleh membaca penulisan-penulisan Bahasa Kadazandusun dengan sebutan yang tepat bagi kepentingan pemiawaian bahasa yang betul. Ini kerana, bahasa etnik Kadazandusun ini merupakan salah satu asas kepada pemiawaian bahasa yang boleh diaplikasikan sebagai bahasa ilmu bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Kadazan Dusun Cultural Assosiation dan United Sabah Dusun Assosiacition, 1995).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, masalah terakhir dalam kajian ini adalah murid-murid kurang membaca secara mekanis semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Menurut Minah Sintian (2015), murid lemah dan tidak meminati mata pelajaran Bahasa Kadazandusun disebabkan oleh murid mengalami masalah kurang kecekapan dalam kemahiran membaca. Tujuan membaca secara mekanis dalam Bahasa Kadazandusun adalah bertujuan untuk mendidik murid membaca dengan sebutan-sebutan yang tepat dan lancar. Namun, guru-guru Bahasa Kadazandusun di sekolah tersebut kurang menitikberatkan latihan membaca secara mekanis. Di sekolah tersebut, aktiviti pra bacaan bagi Bahasa Kadazandusun tidak dijalankan secara khusus dan serius semasa tahap permulaan.

Dalam hal ini, guru-guru seharusnya tidak memandang mudah tentang pengajaran kemahiran membaca kerana tabiat buruk murid ketika membaca akan berlarutan sehingga mereka memasuki alam dewasa. Sehubungan itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun di sekolah tersebut haruslah mengajar murid membaca dengan teliti menggunakan pelbagai kaedah pengajaran kemahiran membaca seperti kaedah membaca huruf dan gabungan perkataan sebagai titik permulaan yang betul dan tepat untuk pembelajaran awal membaca murid.

Usaha kritis dan inovatif pengkaji dalam membangunkan dan mempraktikkan aplikasi perisian *'Sinding Pimato'* akan menyelesaikan kekangan dan masalah yang dihadapai oleh para murid tahun satu bagi pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Ini adalah satu cabaran yang harus ditempuhi oleh para guru Bahasa Kadazandusun. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan juga untuk murid untuk mengikuti pengajaran serta pembelajaran bahasa ini. Rosliah Kiting (2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan antara cabaran yang utama adalah kekurangan bahan-bahan rujukan yang boleh membantu mereka memahami bahasa dan warisan bangsa ini.

Kesimpulannya, kajian ini dilakukan untuk mengatasi masalah-masalah pembelajaran sebutan membaca yang timbul dalam Bahasa Kadazandusun. Bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan sebutan membaca murid, pengkaji telah mereka dan menghasilkan perisian pembelajaran '*Sinding Pimato*' untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Perisian *'Sinding Pimato'* ini adalah rekaan pengkaji sendiri yang bersifat inovasi dan khas untuk Bahasa Kadazandusun. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana keberkesanaan perisian pembelajaran '*Sinding Pimato*' untuk meningkatkan tahap sebutan membaca murid-murid tahun satu di sekolah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti peratus pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas guru menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Menjelaskan perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Menjelaskan kesan *'Sinding Pimato'* terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Soalan Kajian

1. Apakah peratus pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran ?
2. Adakah terdapat perbezaan min dan sisihan piawai pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran ?
3. Apakah kesan *'Sinding Pimato'* terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di dalam bilik darjah ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka ialah menggambarkan elemen-elemen kajian dalam bentuk visual dan ia merupakan aspek terpenting dalam kajian penyelidikan (Ahmad Zamzuri, 2018). Menurut Meriam (2001), kerangka teoritikal juga merupakan pendirian atau orentasi yang dibawa oleh pengkaji ke dalam penyelidikannya. Ia merupakan kerangka kajian, struktur atau sebagai kerangka sokongan sesebuah kajian penyelidikan. Dalam kajian ini, diketengahkan kerangka konsep kajian yang menjadi landasan untuk melaksanakan kajian penyelidikan ini.


Meriam (2001), berkata kerangka konsep kajian ini akan mengumpulkan permasalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, teknik penggumpulan dan penganalisisan data serta cara menginterprestasikan dapatan kajian penyelidikan. Manakala, Ahmad Zamzuri (2018), pula berkata kerangka konsep bertujuan untuk menunjukkan hubungan antara setiap pemboleh ubah kajian serta juga hubungan pemboleh ubah tersebut dengan teori, model atau fenomena yang dipilih. Pembinaan kerangka konsep kajian dalam penyelidikan kajian ini dibuat dengan menitik beratkan dapatan kajian lalu dengan sedikit penyesuaian untuk menghasilkan kandungan maklumat yang terperinci dan menyeluruh. Kerangka konsep yang diperlihatkan ini berkaitan dengan pencapaian sebutan membaca murid tahun satu yang perlu ditingkatkan.

Kajian ini memfokuskan penggunaan Model ASSURE dan Teori Kognitif bagi meneroka keberkesanan permodifikasian perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* dalam pencapaian sebutan membaca murid dalam Bahasa Kadazandusun. Berikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan kerangka konsep kajian bagi penyelidikan ini. Kerangka konsep kajian ini dibina hasil adaptasi kerangka konsep kajian Ahmad Zamzuri Mohamad Ali (2018).



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian (Adaptasi kerangka konsep kajian Ahmad Zamzuri Mohamad Ali, 2018)

Berdasarkan konsep kajian di atas, penyelidikan ini menggunakan Model ASSURE yang merupakan model yang digunakan dalam multimedia untuk pengajaran dan pembelajaran. Model ini digunakan sebagai orentasi pembinaan rancangan pengajaran harian (RPH) bagi Bahasa Kadazandusun. Rasional penggunaan model ini adalah kerana pengkaji menggunakan perisian pembelajaran berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang digabungkan dalam pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori kognitif yang diasaskan oleh Lev Vygotsky. Ahmad Zamzuri Mohamad Ali (2018) berkata menurut teori tersebut, kemahiran kognitif merujuk kepada kemampuan seseorang murid menyimpan dan mengingati semula maklumat dari memori jangka panjang berdasarkan keperluan. Sehubungan itu, penggunaan teori kognitif ini adalah untuk memastikan murid-murid tahun satu dapat menyimpan semua maklumat berkaitan kemahiran membaca dalam memori jangka panjang dan mengingati semula maklumat tersebut mengikut keperluan.

Kesimpulannya, kajian penyelidikan ini akan menggunakan kerangka konsep kajian pada rajah 1.1 sebagai langkah bagi melaksanakan kajian dan perkaitan antara sub-sub elemen pelaksanaan yang terlibat. Langkah seterusnya bagi menjalankan kajian ini, pengkaji akan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pengkaji sebagi guru kepada murid-murid dalam kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, penyelidik akan meneliti dan melihat tahap peningkatan pencapaian sebutan membaca murid selepas menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran. Langkah terakhir, pengkaji akan menganalisis dapatan kajian tentang pencapaian tahap sebutan membaca murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan samada meningkat atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kepentingan Kepada Murid

Pembinaan bahan pembelajaran perisian *'Sinding Pimato'* ini akan membantu murid memperoleh gaya pembelajaran sebutan membaca yang lengkap dengan aspek multimedia. Murid mempunyai peluang memperoleh suasana belajar yang berlainan daripada sedia ada. Selain itu, murid dapat memahami pembelajaran sebutan membaca dengan lebih berkesan dan menarik dengan adanya aplikasi multimedia dalam Bahasa Kadazandusun.

Penggabungjalinan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun akan lebih memuaskan kerana adanya kaedah penyampaian yang lebih mudah untuk difahami. Hal ini penting untuk menonjolkan kaedah pembelajaran yang menyoronokkan iaitu mempelajari sebutan bunyi-bunyi abjad Bahasa Kadazandusun melalui teknik fonem, nyanyian, muzik dan pergerakan kreatif.

1.7.2 Kepentingan Kepada Pendidik

Penyelidikan yang dilaksanakan ini akan menambah bahan bantu mengajar para guru dan pensyarah di dalam kelas khasnya untuk Bahasa Kadazandusun. Ini akan membantu pendidik menyampaikan ilmu pengetahuan dengan lebih menarik dan berupaya merangsang minat penuntut ilmu untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, perisian ini dapat membantu mengurangkan kos penyediaan lembaran nota dan membantu para pendidik menjimatkan masa untuk menyediakan bahan pengajaran. Hal ini turut disokong oleh Doni Erizal (2003), bahawa dengan pengaplikasian teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan bahan bercetak bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dikurangkan dan menjimatkan masa guru dan pensyarah.

1.7.3 Kepentingan Kepada Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun

Kurikulum amat penting sebagai landasan ke arah kecemerlangan pendidikan di Malaysia. Kecemerlangan pendidikan dalam negara akan melahirkan insan yang dinamik dan proaktif dalam dunia sebenar. Ini turut disokong oleh Mastura (2008), yang menyatakan bahawa seseorang insan deduktif serta bersifat dinamik dalam semua aspek kehidupan wujud kerana anjakan paradigm melalui pelaksanaan kurikulum pendidikan di sekolah-sekolah.

Sehubungan itu, penyelidikan ini penting kepada penggubal kurikulum Bahasa Kadazandusun kerana dengan adanya perisian '*Sinding Pimato'* ini, para penggubal akan dapat meningkatkan kualiti kurikulum yang digubal dan signifikan dengan murid tahun satu. Hal ini kerana, perisian *'Sinding Pimato'* menyediakan aplikasi pembelajaran yang efektif dengan penggabungjalinan teknologi multimedia dan teknik pengajaran yang menyeronokkan. Melalui penggabungjalinan ini, para penggubal kurikulum Bahasa Kadazandusun dapat mengembangkan isi-isi kurikulum agar selaras dengan kemajuan teknologi multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.4 Kepentingan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Memandangkan kerajaan mengambil berat tentang penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di peringkat sekolah, dengan itu kajian ini juga penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan sesuatu dasar yang berkesinambungan terhadap Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di peringkat sekolah secara menyeluruh terutamanya dalam Bahasa Kadazandusun yang kurang diaplikasikan dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana masalah kekurangan perisian yang boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar.

Penyelidikan ini turut memberi saranan dan galakan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan ahli pembangun perisian agar membuat kajian terhadap kesesuaian dan kebolehgunaan perisian multimedia yang dibangunkan. Selain itu, penyelidikan ini juga diharapkan berupaya membantu memartabatkan sistem pendidikan selaras peredaran masa dan teknologi multimedia.

Kesimpulannya, para pentadbir pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia memiliki tanggungjawab besar terutamanya bagi memastikan pembangunan modal insan dapat direalisasikan secara menyeluruh, holistik, progresif, bermoral, beretika dan berkemahiran tinggi serta berupaya mewujudkan modal insan yang celik IT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi). (Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.5 Kepentingan Kepada Kajian Lanjutan

Penyelidikan ini juga berguna dan penting sebagai rujukan bagi penyelidikan akan datang berkaitan dengan keberkesanan pengaplikasian multimedia dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran di sekolah ataupun dalam institusi ilmu yang lain. Tambahan juga, penyelidikan ini turut memberi gambaran berkaitan isu kajian yang bakal dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji akan datang.

1.8 Batasan Kajian

Menjurus kepada penyelidikan ini, penyelidik tidak membuat penyelidikan yang melibatkan banyak sekolah. Oleh itu, penyelidikan ini hanya terbatas kepada sebuah sekolah rendah di daerah Tambunan, Sabah. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini dalam satu sekolah sahaja kerana pengkaji ingin menguji keberkesanan bahan pembelajaran ini sebelum dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah lain. Justifikasi pemilihan lokasi kajian adalah disebabkan sekolah ini menjalankan kurikulum Bahasa Kadazandusun secara formal. Sekolah tersebut menawarkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun bermula daripada tahun satu hingga tahun enam.

Fokus utama kajian ini menjurus kepada penguasaan murid dari aspek sebutan membaca dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Sekolah ini mempunyai 300 orang murid dari pra sekolah hingga tahun enam. Namun, kajian ini hanya melibatkan murid tahun satu yang terdiri daripada dua buah kelas. Kedua-dua kelas ini memiliki sejumlah murid yang sama banyak iaitu 15 bagi kelas pertama dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15 bagi kelas kedua. Kelas pertama adalah kumpulan eksperimen, manakala kelas kedua kumpulan kawalan.

Murid-murid dalam kedua-dua kelas tersebut memiliki murid-murid yang sama tahap pembelajaran. Maksudnya, kesemua murid dalam kedua-dua buah kelas memiliki peratus pencapaian sebutan yang sama. Murid-murid tersebut terdiri daripada murid yang tinggal di kampung-kampung sekitar sekolah rendah tersebut. Murid-murid tersebut adalah murid berbangsa Dusun namun demikian mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan seharian.

Batasan kajian juga melibatkan kaedah atau instrumen yang digunakan oleh penyelidik. Penyelidik mengaplikasikan kaedah ujian dengan mengguna pakai instrumen ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan secara ujian lisan bagi menilai pencapaian sebutan murid tahun satu dalam kemahiran membaca secara mekanis. Ujian lisan ini tertakluk kepada peraturan dan arahan yang diberikan dalam prosedur pelaksanaan ujian pra dan pasca.

Sehubungan itu, penyelidikan yang dilaksanakan ini tidak merangkumi pandangan pihak pentadbiran sekolah dalam menilai pelaksanaan ujian lisan (pra dan pasca) yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Rasionalnya adalah pihak pentadbiran sekolah tidak bertanggungjawab sebagai pentaksir dan individu yang berada bersama murid semasa proses pentaksiran ujian lisan (pra dan pasca) kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, kaedah temu bual pula, dilaksanakan secara separa struktur dan sesi berkenaan adalah dirakam bagi tujuan penganalisisan data dan sebagai bukti penyelidikan. Dalam hal ini, peserta temu bual hanya melibatkan guru-guru yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah tersebut. Ini membataskan penyelidikan hanya tentang pandangn dan pendapat berkaitan skop keberkesanan perisian *'Sinding Pimato'* terhadap peningkatan tahap sebutan membaca sahaja.

Selain itu, model yang digunakan oleh pengkaji merupakan model pengajaran dan pembelajaran, iaitu Model ASSURE. Model ini khas untuk pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penggunaan teknologi multimedia dalam aktiviti pembelajaran bilik darjah. Model ini telah diasaskan oleh Heinich, Russell dan Smaldino, Molenda pada tahun 1996. Modal pembelajaran ini digunakan sepenuhnya oleh pengkaji dalam merancang dan menyampaikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun secara formal dalam bilik darjah kumpulan eksperimen.

Manakala, kelas kumpulan kawalan akan terbatas dengan kaedah pengajaran tradisional atau *'chalk and talk'* sahaja. Sesi pengajaran dan pembelajaran ini akan berlangsung selama lapan minggu bagi kedua-dua kelas. Penyelidikan ini juga terbatas kepada teori kognitif yang dilahirkan oleh Lev Vygotsky (1896-1934) sahaja sebagai landasan konsep untuk mengkaji perkembangan kognitif murid-murid dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konsep yang dimaksudkan adalah perkembangan mental dari segi bahasa, alat-alat ingatan dan sistem matematik yang berlaku melalui ingatan, penalaran dan perhatian terhadap persekitaran masyarakat (Lev Vygotsky (1896-1934). Melalui teori ini, pengkaji akan menggabungkan keseluruhan konsep untuk melihat peningkatan pencapaian sebutan murid berbahasa dalam Bahasa Kadazandusun dengan penggunaan bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* bagi kelas eksperimen dan pengajaran secara tradisional bagi kumpulan kawalan.

Kajian ini dijalankan hanya melibatkan bahan pembelajaran perisian *'Sinding Pimato'* yang telah dimodifikasikan daripada kaedah pembelajaran *Jolly Phonic.* Perisian yang telah dibina hasil daripada adaptasi *Jolly Phonic* ini hanya meliputi abjad vokal, konsonan, abjad pinjaman dan abjad penambahan yang dilagukan bagi membantu murid menguasai sebutan membaca dengan lebih kreatif, secara didik hibur dan inovatif dengan adanya latih tubi *(minluda*) dan permainan (*pomoinan)* dalam perisian yang dihasilkan. Buat masa ini, perisian *'Sinding Pimato'* ini hanya terbatas kepada kegunaan penyelidikan ini sahaja.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Bahasa Kadazandusun

Pada tahun 1997, kurikulum Bahasa Kadazandusun mula diperkenalkan dan dilaksanakan secara rasmi di Malaysia. Henry Bating (2014) mengkaji bahawa salah satu subjek yang dipelajari dan diutamakan di peringkat sekolah rendah dan menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di Sabah pada masa kini ialah kurikulum Bahasa Kadazandusun. Dalam kajian ini, Bahasa Kadazandusun yang dikaji adalah mata pelajaran Bahasa Kadazandusun yang dijalankan di peringkat sekolah rendah secara formal. Kajian ini menggunakan kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun Satu yang diterbitkan pada tahun 2011 dan diperbaharui pada tahun 2016.

Berdasarkan buku Borok Kadazandusun, Boros Momogun, Borok Mamasok, Bahasa Kadazandusun telah menjadi kursus elektif kemahiran bahasa di banyak institusi pendidikan (fakulti bahasa dan komunikasi). Selain itu, Bahasa Kadazandusun juga merupakan bahasa yang digolongkan dalam kategori Malayo-polynesian dalam rumpun bahasa Austronesia. Tambahan, Bahasa Kadazandusun juga mempunyai saudara terdekat, iaitu Bahasa Paitan dan Murut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, bahasa-bahasa ini mempunyai perbezaan yang besar dari segi sebutan kata dan pembentukan morfologi dan sintaksis. Komuniti yang menuturkan bahasa ini ialah masyarakat Dusun dan Kadazan yang berasal dari negeri Sabah. Komuniti tersebut menggunakan bahasa ini sebagai bahasa media penghubung dan komunikasi dalam kehidupan seharian.

Pada bulan Januari tanggal 24 tahun 1995, sebuah perjanjian perisythiran Bahasa Kadazandusun antara Persatuan Dusun Sabah Bersatu (USDA) dan Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) telah ditandatangani untuk mengisthiarkan Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa rasmi. Hal ini bermakna, Bahasa Kadazandusun adalah bahasa rasmi bagi kaum Kadazan dan Dusun. Tuntasnya, pengisytiharan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sangat penting untuk perkembangan dan pembangunan Bahasa Kadazandusun untuk masa hadapan.

1.9.2 '*Sinding Pimato*'

Dalam kajian ini, *'Sinding Pimato'* adalah nama perisian bahan pembelajaran yang dihasilkan pengkaji. *'Sinding Pimato'* ini telah dimodifikasikan daripada kaedah pembelajaran *Jolly Phonic* yang banyak diaplikasikan dalam pengajaran dan pembalajaran Bahasa Inggeris. *'Sinding Pimato'* (dalam Bahasa Kadazandusun) bermaksud Nyanyian Abjad adalah aplikasi yang direka khas oleh pengkaji khusus untuk mata pelajaran Bahasa Kadazandusun melalui bunyi-bunyi huruf yang dinyanyikan dengan langkah-langkah pergerakan kreatif dan iringan muzik lagu bagi meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca dengan lebih ceria dan tidak membosankan.

Aplikasi bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* ini direka bentuk khas untuk telefon pintar *(smartphone/android)* dan komputer riba (*window)*. Bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* ini berfungsi untuk mengajar murid cara membunyikan huruf dalam Bahasa Kadazandusun, membaca dan menyanyikan lagu hasil daripada bunyi huruf yang telah dipelajari dan latihan pengukuhan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam pembacaan dan mengecam bunyi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konklusinya, bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* ini juga menampilkan aplikasi permainan *(game)* untuk mengelakkan murid berasa bosan malah lebih berminat untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'*.

1.9.3 Sebutan

Menurut Hornby (1995), Sebutan bermaksud cara sesuatu perkataan dibunyikan atau disebut, cara perkataan tersebut dituturkan atau bagaimana pengujaran sesuatu perkataan. Sebutan ialah cara sesuatu bunyi atau bunyi-bunyi dihasilkan. Berbeza dengan artikulasi yang merujuk kepada penghasilan sebenar bunyi-bunyi tuturan di dalam mulut. Sebutan lebih menekankan pada persepsi pendengar terhadap sesuatu bunyi. Dalam kajian ini, sebutan bererti persepsi murid-murid terhadap bunyi fonem dalam Bahasa Kadazandusun dan cara mereka menyebutnya. (Richards J.C, 2011).

1.9.4 Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Dunia pendidikan masa kini, semakin maju dengan ledakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam sistem pendidikan. Menurut Kumaran (2017), penggunaan TMK dalam pendidikan di Malaysia adalah usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan penguasaan murid dalam pembelajaran. Dalam kajian ini, integrasi teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun akan mewujudkan sesi pengajaran guru dan pembelajaran murid yang lebih bermakna,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responsif, menarik dan produktif . Penggabungjalinan ini dilaksanakan kerana Zamri dan Mohamed Amin (2008) berkata, teknologi multimedia dapat menampilkan maklumat-maklumat dengan lebih tepat dan cepat serta berupaya menjadi daya tarikan untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif untuk murid.

Sehubungan itu, pelaksanaan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca dapat membantu murid-murid bermasalah sebutan dengan lebih efektif dan membawa kesan yang baik. Ini kerana bahan-bahan pembelajaran berasaskan teknologi multimedia yang digunakan dalam perisian *'Sinding Pimato'* ini menggabungkan elemen multimedia, iaitu elemen audio bunyi, elemen grafik, elemen teks, elemen video dan elemen permainan dapat memberikan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan baharu serta menampilkan pendekatan pengajaran yang menarik bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* ini meliputi huruf-huruf vokal, huruf konsonan, huruf pinjaman dan huruf tambahan. Multimedia yang diaplikasikan dalam perisian *'Sinding Pimato'* adalah bersifat interaktif.

Oleh itu, para murid yang berpeluang diajar menggunakan perisian pembelajara '*Sinding Pimato*' ini akan dapat membaca dengan bebas, menarik, fleksibel dan menyeronokkan berbanding dengan murid yang hanya menggunakan kaedah tradisional untuk belajar membaca. Ini bermakna perisian ini adalah sebagai medium baharu untuk digunakan oleh guru-guru bagi memudahkan pengajaran sebutan membaca kepada murid. Ini diselaras dengan kajian Doyle (2007), bahawa pencapaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa murid dapat ditingkatkan dengan penggunaan komputer kerana ia lebih bersifat sistematik dan lebih berpusatkan murid-murid dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, perisian *'Sinding Pimato'* ini bertujuan untuk membantu murid-murid tahun satu (kumpulan eksperimen) untuk meningkatkan pencapaian sebutan membaca dalam Bahasa Kadazandusun.

1.9.5 Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Modal ASSURE

Rancangan pengajaran merupakan pelan pengajaran dan pembelajaran yang perlu dihasilkan oleh guru (Esah Sulaiman, 2004). Pelan pengajaran tersebut haruslah mengandungi perkara-perkara yang hendak disampaikan kepada murid-murid agar sesi penyampaian ilmu berlangsung dengan kondusif dan mudah difahami oleh murid-murid. Perancangan pengajaran juga berfungsi sebagai rangka kerja yang mempunyai jangka masa tertentu bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bakal dilakukan oleh guru-guru untuk mengajar murid dalam bilik darjah. Khas bagi kajian penyelidikan ini, rancangan pengajaran harian (RPH) didefinisikan sebagai suatu rancangan pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi penitikberatan aspek-aspek tahap pembelajaran murid, pengetahuan sedia ada, objektif dan hasil pembelajaran serta kaedah dan teknik penyampaian pengajaran.

Tambahan, rancangan pengajaran dalam kajian ini juga menampilkan set indukasi, aktiviti langkah pengajaran, penilaian yang mengacu pengayaan atau pemulihan dan penutup. Rancangan pengajaran yang dihasilkan bagi sesi pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini mengikut ketepatan masa mengajar yang disediakan oleh pentadbir sekolah, iaitu selama 1 jam (60 minit).

Terdapat dua faktor utama yang dipertimbangkan oleh pengkaji untuk menyediakan rancangan pengajaran harian, iaitu matlamat yang hendak dicapai dalam pengajaran yang ingin disampaikan kepada murid-murid. Faktor kedua pula ialah menilai impak penerimaan dan kefahaman murid-murid selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran khasnya bagi kemahiran membaca aspek sebutan. Rancangan pengajaran dalam kajian ini akan mengaplikasikan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* sebagai teknologi multimedia pembelajaran untuk mengisi semua aktiviti dalam perkembangan langkah pengajaran.

Kemahiran dalam reka bentuk instruksional dan pembinaan bahan isntruksional telah dilaksanakan oleh pengkaji bagi membantu pengkaji untuk merancang dan memilih bahan pembinaan dan cara penggunaan media serta kaedah yang bersesuaian. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan model reka bentuk pengajaran dan pembelajaran yang bersifat instruksional iaitu Model ASSURE yang telah diasaskan oleh Heinich (1982). Pengkaji memilih reka bentu model ini kerana model ini menyediakan flatform atau panduan untuk merancang dan cara mengendalikan pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan penggunaan media sebagai bahan atau alat bantu mengajar guru dan belajar murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, pengkaji telah membuat penyesuaian rancangan pengajaran harian berpandukan reka bentuk Model ASSURE untuk mengendalikan pemilihan dan kaedah penggunaan media pengajaran secara terperinci dalam Bahasa Kadazandusun. Dalam penyediaan rancangan pengajaran harian Bahasa Kadazandusun ini, pengkaji telah menggunakaan enam langkah utama yang digariskan dalam reka bentuk pengajaran Model ASSURE. Berikut merupakan enam langkah utama Model ASSURE (Heinich, 1982),

A : *Analyze learner* (menganalisis murid)

S : *State Objective* (menyatakan objektif pengajaran)

S : *Select Method* (memilih kaedah, media dan bahan sumber pengajaran)

U : *Utilize media and material* (menggunakan media dan bahan)

R : *Require learner participation* (memerlukan penglibatan murid yang aktif)

E : *Evaluate and revise* (menilai hasil pembelajaran dan membuat penambahbaikan)

Kesimpulnannya, perancangan pengajaran dan pembelajaran yang tersusun dan rapi perlu diutamakan oleh guru-guru Bahasa Kadazandusun agar kemenjadian murid lebih menonjol dan berkesan kerana rancangan pengajaran harian yang berkembang dapat merangsang perkembangan kognitif setiap murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Rumusan

Tuntasnya, kajian ini menjalinkan dua bidang kajian, iaitu kajian sebutan membaca dalam Bahasa Kadazandusun dan aplikasi perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* dalam konteks multimedia interaktif. Kedua-dua bidang ini penting dalam memastikan pembelajaran yang dijalankan kepada murid mendapat tindak balas yang positif dan berkesan. Kajian ini melihat sejauh mana peningkatan sebutan membaca murid tahun satu dalam Bahasa Kadazandusun berbantukan perisian *'Sinding Pimato'* untuk kumpulan murid eksperimen dan teknik pembelajaran *'Chalk and Talk'* untuk murid kumpulan kawalan di sebuah sekolah rendah. Kesimpulannya, kajian ini menumpukan kepada tiga perkara, iaitu meningkatkan pencapaian sebutan membaca murid, menjelaskan perbezaan skor dan min sisihan piawai pencapaian sebelum dan selepas murid didedahkan kepada *'Sinding Pimato'* dan menguji keberkesanan modifikasi *Jolly Phonic* kepada perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* untuk pembelajaran dalam Bahasa Kadazandusun. Ini bertujuan untuk memartabatkan Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun si

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Tinjauan literatur dalam penyelidikan dilakukan untuk mendapatkan gambaran tentang kajian-kajian yang telah dijalankan. Pendapat yang diambil berkaitan dengan kajian ini ialah kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun Satu, Teori Pembelajaran Kognitif, Model ASSURE dan kajian-kajian lalu di Malaysia dan luar negara. Bab ini menyentuh tentang bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'* dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun yang mengintegrasikan Teknologi Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. *'Sinding Pimato'* ini adalah bahan pembelajaran Bahasa Kadazandusun Tahun Satu berbentuk multimedia interaktif bagi meningkatkan pencapaian sebutan murid dalam Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun Satu (KSSR)

Penekanan terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun tertumpu dalam penyampaian ilmu pengetahuan bangsa Kadazan dan Dusun melalui pembelajaran kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, membaca dan menulis. Pembelajaran menggunakan kurikulum Bahasa Kadazandusun memperbaiki kesantunan bahasa dan seterusnya memberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pengetahuan tentang warisan tradisi bangsa Kadazan dan Dusun perlu diterapkan kepada murid-murid. (Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Kadazandusun Tahun 1, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

2.2.1 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Kadazandusun Tahun Satu

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Kadazandusun tahun satu telah dicetak untuk kali pertama pada tahun 2015 dan diterbitkan secara terhad oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Sariah (2015) Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) ini ialah dokumen yang memperincikan kandungan mata pelajaran bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun, DSKP adalah wadah utama yang menjadi panduan guru dalam mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. DSKP menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam DSKP Bahasa Kadazandusun tahun satu berkenaan, penekanan terhadap penggunaan komunikasi bahasa lisan sangat jelas dalam Elemen Merentas Kurikulum (EMK), iaitu *'Unsubon o mongingia' ngaawi' do toriirimo momoguno do boros di kotunud, oulud om olinuud mooi do kopongunsub kumaa tangaanak do toriirimo momoguno do boros di agramatis om olinuud id komunikasi diolo'*. Ini bermaksud guru-guru diminta untuk berkomunikasi dalam Bahasa Kadazandusun sepenuhnya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung agar murid-murid berupaya untuk berkomunikasi menggunakan bahasa yang gramatis dan tepat. Selain itu, dalam EMK juga ada ditekankan tentang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (*Teknologi Koilaan om Pionitan*) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun tahun satu, iaitu *Momoguno do toilaan kokomoi teknologi toilaan om pionitan diti noogi' kopongunsub do pomusarahan di okreatif do tangaanak, kaanu poposodia' proses pongia'an om pambalajalan di kagayat do kaanangan do tangaanak om kaanu nogi' popoingkawas do kualiti pambalajalan.* Ini bermaksud, dalam DSKP tersebut menyarankan guru BKD perlu menggunakan TMK dalam PdP agar dapat melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan membantu guru mewujudkan PdP yang menyeronokkan dan dapat menarik perhatian murid serta dapat berupaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun tahun satu.

Dalam kemahiran bahasa pula, kemahiran membaca dalam DSKP BKD tahun satu memfokuskan kebolehan murid untuk membunyikan huruf-huruf dengan yakin (*Id kabaalan mambasa' oponsol do kaanu o tangaanak popolombus tuni pimato montok pomoroitan Boros Kadazandusun*) dan keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul (*Koilaan diti koponguhup id kabaalan popolombus boros, frasa om ayat di mogikaakawo loyuk om kopolombusan).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, guru-guru BKD diminta untuk menggunakan teknik dan strategi pengajaran yang menarik seperti teknik membaca menggunakan kaedah nyanyian dan kaedah bercerita yang sesuai dan dapat menarik minat murid untuk menguasai kemahiran membaca (*montok iso' pongia'an kabaalan mambasa' di kohiok, unsubon o mongingia' do momoguno teks mantad sinding, hiis, tangon toi ko' bukakak, tu' kounsub iti do tangaanak mambasa' om kagayat nogi' do ginawo*).

Sehubungan itu, guru Bahasa Kadazandusun digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, mengolah dan mempelbagai aktiviti berpandukan standard pembelajaran dan standard prestasi mengikut kesesuaian murid dalam bilik darjah. Kesimpulannya, perincian di dalam dokumen DSKP Bahasa Kadazandusun tahun satu berkenaan penting untuk membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Kemahiran Membaca (Pendekatan Fonik)

Menurut Yahya, Roselan dan Naffi (2009), kemahiran membaca adalah asas penting dalam persekitaran sosial dan penguasan kognitif semua manusia. Kemahiran membaca yang berkesan mula ditekankan di sekolah untuk memastikan murid-murid boleh memahami suatu tulisan yang dilihat dalam kehidupan seharian. Oleh itu semua guru haruslah berkerjasama dengan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai, mudah dan berkesan untuk memastikan agar matlamat semua murid boleh membaca dengan sebutan yang betul tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, untuk mencapai oebjektif supaya murid-murid berupaya untuk membaca dengan sebutan yang tepat, maka pada tahap awal persekolahan guru-guru haruslah memilih kaedah pengajaran membaca yang sesuai dengan tahap kemampuan murid dan berusaha untuk menarik minat mereka agar ia membawa impak yang positif dan efektif ke dalam proses pembelajaran murid.

Bagi kajian penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kaedah pengajaran fonik untuk mengajar kemahiran membaca untuk meningkatkan pencapaian tahap sebutan murid. Menurut Yahya Othman (2012), kaedah fonik dalam kemahiran membaca ini merupakan salah satu kaedah mengajar asas membaca yang sesuai untuk digunakan pada peringkat usia kanak-kanak. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia haruslah melihat kebolehan kaedah fonik mampu memberikan impak positif terhadap kelancaran dan penguasaan membaca tahap awal untuk semua murid di Malaysia.

Tambahan pula, melalui perkembangan sistem pendidikan dengan wujudnya Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21), kurikulum Bahasa Kadazandusun telah berubah dengan hasrat dapat meningkatkan keperluan pendidikan dan kemenjadian murid. Justeru itu, pengkaji telah menggunakan kaedah fonik untuk memudahkan murid tahun satu menguasai asas membaca dengan lebih menarik dan menyeronokkan melalui aplikasi perisan pembelajaran *'Sinding Pimato'*.

Dalam hal ini, pengkaji mendapati penggunaan kaedah pengajaran fonik dalam kemahiran membaca adalah selari dengan domain perkembangan kognitif yang dapat meningkatkan kebolehan literasi murid melalui penguasaan asas membaca yang boleh diperkukuhakan. Nor Hashimah (2000), telah menjelaskan bahawa kaedah fonik adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmu fonetik pengkajian dan merupakan analisis bunyi berasaskan proses artikulasi. Ia termasuk dengan pemindahan dan penerimaan bunyi tanpa merujuk pada sebarang bahasa di dunia atau fungsi setiap bahasa dalam dunia secara khusus. Secara amnya, fonik ini adalah tentang suatu simbol yang boleh mewakili bunyi. Hal ini sesuai dengan kajian Roach (2002), iaitu semua manusia perlu tahu menggunakan sesuatu simbol kerana ia mewakili bunyi yang tersendiri. Roach (2002) turut berkata kaedah fonik adalah sama seperti prinsip penulisan abjad, iaitu terdapat sebilangan sistem penulisan yang amat jelas melambangkan bunyi.

Tulisan merupakan lambang-lambang bunyi bahasa yang dipindahkan kepada bentuk-bentuk grafik untuk melahirkan fikiran, idea dan perasaan (Hannah 2010). Peringkat ini adalah peringat awal yang harus dilalui oleh semua murid sebagai persiapan diri untuk membolehkan mereka memahami lambang-lambang bunyi yang khusus melalui pelbagai kelompok masyarakat. Sehubungan itu, semua guru Bahasa Kadazandusun haruslah memahami bahawa sekumpulan bunyi adalah fonem yang terdiri daripada unit abstrak sebagai asas dalam sistem penulisan sesuatu bahasa dengan lebih tepat dan sistematik (Ladefoged. P & Johnson. K., 2011).

Selain itu, guru-guru juga perlu tahu bahawa setiap simbol sesuatu bahasa memiliki nilai bunyi yang konsisten (Ashby, 2005). Ini bermakna Bahasa Kadazandusun juga memiliki nilai bunyi yang konsisten bagi setiap simbol yang ada. Coulmas (2003) juga menyatakan bahawa sistem penulisan merupakan satu set tanda yang boleh dibaca dan boleh dilihat kerana ia diwakili oleh unit-unit bahasa yang saling berpautan dan sistematik dengan terma skrip dan ortografi. Coulmas (2003), juga berkata skrip mengandungi bentuk-bentuk grafik setiap unit sistem penulisan. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermaksud dalam bentuk fizikal yang sebenar, setiap karakter atau abjad adalah ortografi yang mengandungi hukum penggunaan skrip bagi sesuatu bahasa.

Tuntasnya, pengkaji menggunakan kaedah fonik ini untuk melatih murid-murid tahun satu mengenal huruf melalui padanan huruf dengan bunyi bagi menghasilkan sebutan bunyi yang jelas. Kaedah ini sering digunapakai dalam pengajaran bahasa yang lain namun bagi Bahasa Kadazandusun, ia adalah kaedah baharu yang perlu diterapkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran sebutan membaca. Oleh kerana kaedah ini masih baharu dalam Bahasa Kadazandusun, bahan-bahan kajian yang berkaitan sukar untuk diperolehi.

Namun kaedah ini telah berkurun digunakan dalam pengajaran bacaan Bahasa Inggeris. Sehubungan itu, pengkaji merujuk kaedah fonik untuk diadaptasi dalam pengajaran membaca Bahasa Kadazandusun. Kaedah fonik ini dilaksanakan dengan pelbagai cara mengikut tahap murid dan persekitaran pembelajaran murid. Menurut Hasnah dan Habibah (2010), pada dasarnya kaedah fonik ini digunakan untuk mengajar murid-murid melihat hubungan antara huruf (simbol) dan bunyi (hubungan fonem dan grafem) agar murid dapat membaca (menyebut) perkataan-perkataan baharu yang mereka lihat. Berikut merupakan beberapa langkah pelaksanaan kaedah fonik yang pernah dilaksanakan oleh Hasnah dan Habibah (2010).

1. Murid mengenali bunyi huruf (bukan nama huruf)
2. Lambang huruf terus dikaitkan dengan bunyi (contohnya, ‘a’ dibunyikan ‘aa..’, ‘t’ – ‘teh’)
3. Murid dilatih membunyikan huruf secara berasingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Seterusnya, bunyi-bunyi huruf digabungkan untuk membentuk suku kata dan perkataan
5. Pembinaan suku kata diajar setelah murid memahami hubungan setiap huruf dan bunyinya. Contohnya, ‘ba’, ‘da’, ‘ka’, contoh lain seperti huruf ‘a’ tidak dieja malah terus dibunyikan sebagai [a].
6. Akhir sekali, suku-suku kata digabungkan untuk menjadi perkataan-perkataan dan mudah disebut dengan tepat. Contohnya, ba + ta terus disebut sebagai [ba] + [ta] dan kemudiannya terus disebut [bata].

Nik Eliani dan Othman (2009), juga mengutarakan langkah-langkah asas untuk mengajar bunyi setiap huruf. Menurut beliau, langkah asas haruslah berasaskan objektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Objektif pertama dalam pengajaran haruslah memastikan murid boleh menyebut bunyi dan mengenal pasti huruf yang dipaparkan. Oleh itu, untuk mencapai objektif tersebut, guru perlu melakukan langkah-langkah berikut (Othman dan Nik Eliani, 2009),

1. Memperkenalkan bunyi huruf yang hendak diajar dengan sebutan bunyi yang jelas (guru tidak menunjukkan huruf/simbol)
2. Guru bertanya kepada murid tentang bunyi yang didengar dan meminta murid menyebut bunyi tersebut dengan tepat (murid mengulangi sebutan bunyi dengan jelas hingga mantap)
3. Guru memperkenalkan huruf/simbol yang diajar sambil menyebutnya. (“Ini bunyi…”, guru dilarang menggunaan perkataan ‘huruf’).
4. Murid mengulangi sebutan bunyi sambil menunjukkan simbol beberapa kali

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Murid membuat simulasi aksi asas latihan asosiasi (pastikan satu bunyi hanya satu aksi)

Dalam kaedah fonik ini juga terdapat beberapa cadangan aktiviti yang boleh dipilih (Othman dan Nik Eliani, 2009). Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan adalah seperti aktiviti latihan asosiasi secara praktikal (bermain) dan aktiviti merangsang pendengaran murid bermula dengan mengajar bunyi terhadap gambar-gambar yang dipaparkan. Bagi memudahkan pelaksanaan pengajaran kaedah fonik, guru perlu berbincang dengan murid tentang bagaimana menyesuaikan bunyi suatu huruf dengan perkataan (Bielby, 1999).

Kaedah pengajaran fonik ini sebenarnya digunakan secara meluas untuk membantu guru mengajar murid-murid semasa peringkat awal dengan lebih terancang dan sistematik agar murid dapat membunyikan huruf serta mengekodkan perkataan secara rutin. Oleh itu, guru perlu membimbing murid untuk menyebut bunyi huruf secara lantang (mekanis) kemudian mengajar mereka menggabungkan bunyi. Pada masa yang sama guru perlu mendengar setiap bunyi yang diucapkan murid untuk memastikan mereka menyebut bunyi huruf dengan tepat.

Bielby (1999), juga menyatakan kaedah fonik berupaya meningkatkan kesan positif dalam diri murid-murid untuk mengenal pasti bunyi-bunyi huruf baharu, menyebutnya dengan tepat serta berupaya meluaskan kecekapan grafafonik setiap murid secara berperingkat kerana kaedah fonik ini boleh diaplikasikan dalam jangka masa yang panjang. Tuntasnya, pendekatan ini akan membolehkan murid dapat membunyikan huruf baharu dengan mudah dan lebih tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Goswani (1995), dalam kajiannya berkaitan kesedaran fonemik, beliau menyimpulkan tentang kemajuan dalam mempelajai membaca adalah suatu faktor utama untuk menyedari kewujudan fonem. Mengajar murid membaca adalah tugas sukar kerana guru perlu memastikan murid dapat mengenal pasti gabungan bunyi dan huruf. Masalah mengenal huruf dapat diselesaikan dengan cara guru mengajar murid untuk mengenal pasti setiap perkataan semasa membaca (Heilman, 1993).

Sehubungan itu, untuk murid belajar membaca, guru perlu mengajar murid mempelajari hubungan antara huruf (visual) dan cara mengungkapkan bunyinya (hubungan antaran fonem dan grafem). Jika murid mengulangi latihan tersebut maka mereka dapat mengenali perkataan. Hal ini akan meyakinkan murid untuk membuat pengecaman huruf fonem. Kesimpulannya, guru harus mengadakan pelbagai kegiatan membaca dalam aktiviti pembelajaran murid agar semua murid lebih aktif membina pengetahuan bahasa mereka berkaitan huruf dan bunyi untuk memastikan tahap sebutan membaca murid dapat ditingkatkan dengan lebih baik.

2.3 Model Pembelajaran ASSURE

Menurut Dr. Wan Abdul Kader Wan Ahmad (2005), model reka bentuk pengajaran yang berorientasikan bilik darjah merupakan model reka bentuk pengajaran yang berskala kecil dan lebih berfokus kepada perancangan pengajaran dan pembelajaran. Bagi penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan Model ASSURE sebagai landasan untuk memacu ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Reka bentuk pengajaran Model ASSURE sangat popular kepada pereka bentuk perisian dan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran berasaskan teknologi multimedia (Heri Achmadi1, 2014). Berdasarkan pengasas model ini iaitu Heinich (1982), Model ASSURE ini terdiri daripada enam langkah iaitu *Analyse learner(*menganalisis murid), *state objective (*menyatakan objektif*), select method, media and materials (*memilih kaedah, media dan bahan*), utilise media and materials (*menggunakan media dan bahan*), require learner participation (*memerlukan penglibatan murid*)* dan *evaluate and revise (*menilai dan menyemak*).*

Menurut kajian yang dilakukan oleh Zaleha dan Suhanim (2010), mereka mendapati bahawa penggunaan Model ASSURE dalam laman web portal yang telah dibangunkan telah berjaya mewujudkan bahan pembelajaran yang efektif dari aspek pedagogi dan navigasi, pengantaramuka, isi kandungan, maklum balas, penilaian, komuniti pembelajaran dan pembelajaran kendiri terhadap murid-murid. Ini menunjukkan Model ASSURE berjaya membawa impak yang berkesan terhadap kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan.

Selain itu, terdapat juga kajian lain yang telah dikaji oleh Nur Aisyah, Zamri, Afendi, M. Amin (2012), berkaitan pembanggunan perisian pembelajaran yang berbantukan komputer dalam penyelidikannya dengan menggunakan Model ASSURE yang digabungkan dengan model Hanaffin dan Peck. Melalui kajian tersebut, mereka mendapati hasil perisian yang dibangunkan berjaya membantu sesi pengajaran guru dan pembelajaran murid dalam bilik darjah menjadi lebih efektif dan fleksibel. Ini bermakna, pemilihan reka bentuk pengajaran yang sesuai dengan media pengajaran adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, reka bentuk pengajaran berupaya untuk melahirkan pendidik yang berkompeten, berkeyakinan dan lebih menepati masa dalam bilik darjah. Sehubungan itu, Model ASSURE yang digubal oleh Heinich (1982), menjadi panduan yang efektif kepada guru-guru untuk merancang dan mengendalikan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan media dengan lebih sistematik. Akhir sekali, Model ASSURE membawa maksud memastikan atau *'to assure'* pembelajaran berlaku. Berikut merupakan justifikasi bagi kesemua langkah dalam Model ASSURE,

1. *Analyse Learners* (Analisis Murid)

Pada tahap ini, masalah pengajaran dan pembelajaran, hasil pembelajaran dan objektif pengajaran perlu dijelaskan terlebih dahulu (Heinich, 1982). Menurut Heninich (1982), terdapat tiga perkara utama untuk menganalisis murid iaitu menganalisis ciri-ciri umum murid, menganalisis *style* pembelajaran murid dan menganalisis tahap kompetensi kumpulan murid. Ciri-ciri umum murid merangkumi tahap pembelajaran, usia, tahun dan latar belakang keluarga.

Dalam kajian ini, analisis pengajaran berkaitan ciri-ciri umum murid telah diperolehi iaitu kajian penyelidikan ini melibatkan murid-murid berumur tujuh tahun dan berada di tahun satu. Analisis *style* pula berkisarkan trait-trait tersembunyi setiap murid seperti persepsi mereka terhadap pembelajaran. Dalam hal ini, pengkaji menganalisis tahap kecerdasan pelbagai murid seperti pandai, sederhana dan lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji turut mengkaji tahap kompetensi khusus setiap murid dengan mengkaji pengetahuan sedia ada kumpulan murid berkaitan kandungan pembelajaran dan tajuk utama pelajaran. Berikut merupakan soalan-soalan yang boleh digunakan untuk membantu menganalisis tahap pembelajaran murid,

- Siapakah kumpulan sasaran ?
- Apakah ciri-ciri murid tersebut?
- Apakah matlamat pembelajaran murid yang ingin dicapai?
- Berapa lamakah tempoh pelaksanaan PdP tersebut?

2. *State Objective* (Menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat yang kedua dalam Model ASSURE, pengkaji perlu menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna seseorang guru perlu menyatakan dengan jelas matlamat pembelajaran yang ingin dicapai dalam pengajaran yang bakal dijalankan. Objektif yang dinyatakan haruslah jelas dan boleh diukur bagi menentukan aktiviti yang spesifik mengikut tajuk pembelajaran.

Justeru itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun haruslah berupaya menyatakan objektif pembelajaran agar lebih memudahkan guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Selain itu, peringkat menyatakan objektif ini berupaya membantu guru untuk memilih bahan bantu mengajar yang sesuai, dapat mengenal pasti kaedah pengajaran yang efektif boleh menyediakan tugasan serta aktiviti pembelajaran berserta ujian yang boleh mengukur tahap pencapaian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, salah satu objektif yang dibuat ialah pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat menyebut huruf-huruf vokal dan huruf-huruf konsonan dengan bunyi yang tepat. Berdasarkan objektif yang ingin dicapai ini, penyelidik boleh merancang perkara seterusnya dalam rancangan pengajaran harian bagi mengatasi masalah sebutan membaca murid tahun satu. Tuntasnya, dalam peringkat kedua modal ini, guru perlulah menyatakan objektif pembelajaran terhadap kumpulan sasaran dengan jelas dan boleh diukur.

3. *Select method, media, and materials* (Memilih kaedah, media dan bahan yang sesuai)

Peringkat ketiga yang perlu dilakukan oleh guru-guru Bahasa Kadazandusun ialah memilih kaedah (*method*), media dan bahan pembelajaran (*materials*). Ketiga-tiga aspek dalam peringkat ini haruslah dipilih dengan meneliti tahap kebolehan murid-murid kumpulan sasaran dan mengambil kira objektif pengajaran dan pembelajaran yang ingin dicapai. Oleh sebab murid yang berada dalam bilik darjah bagi kajian ini terdiri daripada pelbagai keupayaan dan kebolehan, maka penyelidik memilih kaedah pengajaran secara didik hibur iaitu menyanyi dan membuat pergerakan kreatif sebagai aktiviti bahasa dalam kelas kumpulan eksperimen bagi kajian ini.

Manakala, bagi kumpulan kawalan kaedah pengajaran adalah menggunakan kaedah tradisional yang biasa digunakan dalam pembelajaran mereka. Bagi kumpulan eksperimen, media yang dipilih ialah perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan alat-alat teknologi multimedia. Manakala media bagi kumpulan kawalan hanyalah menggunakan papan tulis, *pen maker* dan buku teks.

Kesimpulannya, strategi dan kaedah pengajaran yang efektif perlulah serasi dengan objektif pengajaran dan pembelajaran agar lebih berkesan untuk mencapai objektif pembelajaran yang dinyatakan dalam rancangan pengajaran harian. Bagi kajian ini, penyelidik menggaplikasi strategi dan kedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid iaitu pengkaji memberi penekanan terhadap aktiviti yang menyeronokkan untuk mengaktifkan pembelajaran setiap murid.

4. *Utilise materials and media* (Gunakan media dan bahan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah keempat dalam model ini ialah, menggunakan media dan bahan (materials) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Langkah ini sangat penting kerana seorang guru perlu mengendalikan media yang hendak digunakan dengan betul agar mesej yang ingin disampaikan kepada murid-murid mudah difahami dan ditakul oleh setiap murid. Terdapat banyak cara yang boleh dilaksanakan untuk mengaplikasikan media dengan efektif dalam bilik darjah.

Dalam kajian ini, cara pertama yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah memberikan gambaran awal berkaitan dengan bahan-bahan yang akan digunakan, pengkaji kemudiannya menyediakan bahan-bahan pembelajaran, menyediakan persekitaran bilik darjah yang kondusif untuk pengajaran berdasarkan bahan pembelajaran yang dipilih, dan seterusnya pengkaji menyediakan murid melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

induksi set di awal langkah pengajaran dan pembelajaran dan akhirnya pengkaji memberikan pengalaman pembelajaran supaya pengajaran berjalan dengan lancar, berkesan, efektif dan boleh diingati oleh murid-murid. Berdasarkan rancangan pengajaran harian yang dirancang dan dilakukan oleh pengkaji, media pengajaran yang digunakan dalam induksi set ialah set permainan (*games*) yang terdapat dalam perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*.

Bagi kajian penyelidikan ini, bahan-bahan yang digunakan merujuk kepada bahan dan media iaitu komputer, gambar, bahan cetakan dan audio lagu. Dalam hal ini, guru-guru juga boleh menggunakan bahan yang sedia ada tetapi harus dipastikan semua bahan tersebut dibaik pulih, ditambah baik dan juga diubah suai mengikut situasi semasa. Kesimpulannya, guru-guru perlu memahami arah tuju pengajaran dan pembelajaran agar penggunaan media dan bahan dapat dikendalikan semaksimum yang boleh dalam bilik darjah.

5. *Require learner participation* (Memerlukan penglibatan murid)

Langkah yang seterusnya ialah guru perlu memastikan murid-murid terlibat secara langsung dalam semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (*require learner participation*) . Guru perlu memastikan perjalanan pengajaran dan pembelajaran betul-betul terlaksana dalam bilik darjah. Dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran bagi penyelidikan ini, pengkaji memastikan semua murid dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terlibat secara langsung dalam semua aktiviti yang dirancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, kedua-dua kumpulan ini diajar menggunakan rancangan pengajaran harian yang berbeza. Bagi kumpulan eksperimen, aktiviti yang telah dijalankan untuk menggalakkan penglibatan murid ialah seperti latih tubi, latihan, *games* dan nyanyian secara individu dan juga menggunakan kaedah berkumpulan. Tuntasnya, murid-murid perlu dilibatkan secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang. Ini bermaksud, murid-murid perlu terlibat dalam kerja kumpulan, perbincangan, memberi idea, membuat simulasi, menyanyi dan membuat pergerakan kreatif.

6. *Evaluate and revise* (Nilai dan semak)

Langkah terakhir dalam Model pengajaran ASSURE ialah membuat penilaian dan menyemak semula (*evaluate and revise*). Membuat penilaian dan semakan sangat penting untuk dilakukan bagi melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang telah berlangsung. Hal ini sangat penting untuk menyediakan langkah-langkah seterusnya bagi meningkatkan keberkesanannya.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji membuat penilaian yang meliputi pencapaian murid-murid dalam kemahiran sebutan membaca. Selain itu, pengkaji juga turut menyemak kualiti media yang digunakan, kualiti pengajaran guru dan pembelajaran murid. Proses penilaian ini dijalankan dengan cara menjalankan sesi ujian lisan pra dan pasca bagi menilai tahap pencapaian sebutan membaca setiap murid dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, dalam Model ASSURE, penilaian formatif adalah saluran yang terbaik untuk memberi maklum balas semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ia sangat penting untuk dilaksanakan bagi menampilkan tahap keberkesanan dan pencapaian pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh guru. Manakala, penilaian sumatif juga perlu dilaksanakan bagi menilai kursus unit atau peringkat pembelajaran. Penilaian sumatif dapat memberi maklum balas tentang keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Kesimpulannya, melalui data yang dikutip, pengkaji telah mendapat maklumat tentang pencapaian objektif yang telah ditetapkan pada awal perancangan pengajaran selaras dengan standard pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Rancangan Pengajaran Harian Menggunakan Model Assure

Rancangan Pengajaran Harian

Bahasa Kadazandusun Menggunakan Model *ASSURE*

Langkah	Penerangan Dan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran
1.Analisis Pelajar *(Analyze Learners)*	**Mata pelajaran** : Bahasa Kadazandusun **Tahun** : 1 Zuhal (Kumpulan Eksperimen) **Bilangan pelajar** : 15 orang **Tarikh** : 2 May 2018 **Masa** : 8.00 pagi – 9. 00 pagi (60 minit) **Tajuk Pembelajaran** : *Pimato Vokal om Pimato Konsonan* **Sub tajuk** : Pimato Vokal om Pimato Konsonan **Pengetahuan sedia ada**: Murid telah didedahkan dan mengenali huruf-huruf vokal dan huruf-huruf konsonan.
2. Pernyataan Objektif *(State standards and objectives)*	**Standard Ponuangan** : 2.1 Monoinu' tuni pamansayan boros **Standard Pambalajalan** : 2.1.1 Mongintutun om popolombus pimato: ngaran bontuk tuni **Objektif pembelajaran :** Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid boleh : 1. Menyebut huruf vokal dan konsonan dengan tepat. 2. Membunyikan huruf vokal dengan tepat. **Hasil pembelajaran** : Murid dapat :- 1. Membunyikan bunyi huruf 2. Menyebut perkataan yang dipaparkan oleh guru. 3. Membaca ayat pendek yang dipaparkan oleh guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Menyanyikan lagu huruf dengan sebutan bunyi yang betul

Nilai pembelajaran :
1. Hormat
2. Kerjasama
3. Bertanggungjawab

3. **Pemilihan strategi, Teknologi, Media dan Bahan** *(Select strategies, Technology, media and materials)*

Perkembangan aktiviti :

1. Set Induksi (Kaedah Fonik) (5 Minit)
1. Dalam set induksi, guru meminta murid mendengar bunyi huruf.
2. Murid mengecam bunyi huruf terebut.
3. Murid menyebut huruf yang didengari

2. Langkah 1 (15 Minit)
(Kaedah Fonik + Membaca Mekanis)
1. Guru memperkenalkan bunyi-bunyi huruf tanpa menyebut huruf abjad.
2. Murid menyebut bunyi-bunyi huruf vokal.
3. Murid menyebut suku kata yang mengandungi huruf vokal.
4. Murid membaca secara mekanis perkataan yang dipaparkan oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah 2 (15 Minit)
(Kaedah Fonik + Teknik Nyanyian (PAK 21) + Pergerakan Kreatif [Kecerdasan Pelbagai])
1. Murid membaca lirik lagu yang dipaaprkan pada skrin LCD (dengan bimbingan guru)
2. Murid mendengar lagu huruf yang dipilih dan dimainkan oleh guru melalui pembesar suara.
3. Murid menyanyikan lagu huruf mengikut muzik yang dimainkan oleh guru.
4. Murid membuat pergerakan kreatif mengikut langkah-langkah yang terpapar pada skrin LCD.
5. Murid menyanyikan lagu huruf sambil membuat pergerakan kreatif.

Langkah 3 (10 Minit)
(Aktiviti *think, pair and share* (PAK 21)
1. Secara individu murid mengenal pasti bunyi huruf/perkataan yang dipaparkan oleh guru
2. Murid mencari pasangan dan saling berkongsi bunyi huruf/perkataan tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	3. Murid terpilih mengongsikan bunyi huruf/perkataan kepada rakan sekelas **Langkah 4 (10 Minit)** **Penilaian *(games)*** Melalui aplikasi *game* dalam perisian *'Sinding Pimato'* guru membuat penilaian kepada setiap murid. **(Pemulihan)** Murid yang gagal dalam penilaian **(Pengayaan)** Murid yang berjaya dalam penilaian **Penutup (5 Minit)** Di akhir aktiviti, 1. Murid yang lemah diberikan peneguhan dari segi motivasi. 2. Murid yang berjaya diberikan bintang sebagai penghargaan. 3. Murid-murid menyanyikan lagu huruf sambil menari (pergerakan kreatif) dengan iringan audio bunyi dan muzik.
4. **Penggunaan Teknologi, Media dan Bahan** *(Utilize Technology, Media and Materials)*	**Media dan bahan pengajaran dan pembelajaran:** **Bahan bantu mengajar (BBM) :** 1. CD Perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* 2. *games 'Sinding Pimato'* **Alat bantu mengajar (ABM):** 1. Pembesar suara 2. Komputer/Laptop 3. *LCD Projector* 4. *Skrin LCD*
5. Penglibatan Murid *(Require Learner Participation)*	1. Semasa set induksi, murid-murid menyanyikan lagu huruf yang dipaparkan pada skrin LCD. 2. Murid membunyikan huruf-huruf yang dipaparkan pada skrin LCD dengan meniru bunyi sebutan yang dimainkan pada perisian. 3. Murid menyebut huruf yang dipaparkan oleh guru secara individu, berpasangan dan berkumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	4. Murid pula bertanya soalan mengenai cara mengeja sesuatu perkataan yang didengar. 5. Akhir sekali murid menyanyikan lagu huruf dengan iringan muzik pada perisian yang dipaparkan.
6. Penilaian dan penambahbaikan ***(Evaluate and Revise)***	**Penilaian** ***(games)*** Melalui aplikasi *game* dalam perisian *'Sinding Pimato'* guru membuat penilaian kepada setiap murid. **(Pengayaan)** Murid yang berjaya dalam penilaian diminta mendengar perkataan yang dimainkan dan mengejanya pada skrin LCD) **(Pemulihan)** Murid yang gagal dalam penilaian diminta mengecam bunyi huruf yang dimainkan dan memilih huruf yang tepat)

2.4 Teori Pembelajaran Kognitif

Menurut ahli psikologi kognitif, pembelajaran merupakan proses dalaman dan tidak boleh diperhatikan secara mata kasar (Azizi Yahya, 2005). Namun pembelajaran boleh dilihat melalui perubahan tingkah laku yang ditunjukkan oleh individu dalam sesuatu situasi. Sehubungan itu, dalam kajian ini sesi rawatan adalah sangat penting bagi mengubah tingkah laku murid-murid tahun satu untuk lebih aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Aspek yang diperhatikan dalam perubahan tingkah laku ialah pengetahuan, harapan, perasaan dan pemikiran. Hal ini selaras dengan Emran Yunus (2012), iaitu teori pembelajaran kognitif menekankan tentang cara sesuatu maklumat itu diperolehi, penstrukturan mental, pemprosesan maklumat dan kepercayaan murid terhadap aktiviti pembelajaran. Kesemua aspek ini merupakan perubahan dalaman dan tidak boleh dilihat secara langsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian penyelidikan ini, pengkaji ingin melihat perubahan pencapaian sebutan membaca murid-murid tahun satu dari aspek kognitif sebutan membaca dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun yang melibatkan kaedah pembelajaran *'Sinding Pimato'*. Oleh itu, pengkaji telah memilih teori kognitif yang dipelopori oleh Lev Vygotsky yang merupakan ahli psikologi Russia. Pada awalnya, Lev Vygotsky meminati bidang perubatan namun beliau telah mengubah bidangnya kepada undang-undang dan kesusasteraan. Beliau juga sentiasa memberi penekanan mengenai perkembangan kanak-kanak dari aspek peranan sosial dan budaya. Dalam teori kognitif Lev Vygotsky, interaksi sosial kanak-kanak dengan persekitaran sekelilingnya seperti ibu bapa, guru, rakan dan orang dewasa dapat mempengaruhi kemahiran kognitif kanak-kanak. Jelas beliau, situasi sosial yang hampa akan menyebabkan kemahiran kognitif dan bahasa kanak-kanak tidak berkembang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lev Vygotsky menolak pendapat Piaget yang menyatakan bahawa kanak-kanak perlu menjelajah dan membentuk gambar dunianya sendiri. Menurut Lev Vygotsky, pembelajaran hanya akan berlaku dengan adanya proses perkembangan mental iaitu proses ingatan, pemerhatian dan penalaran seperti bahasa, sistem matematik atau alat ingatan yang boleh dilihat dalam masyarakat.

Namun demikian, perkembangan kognitif kanak-kanak boleh terhalang disebabkan sistem biologi yang tidak matang. Dalam kajian ini, sampel kajian berumur tujuh tahun. Mereka adalah tergolong dalam kategori kanak-kanak yang belum matang dari aspek sistem biologi. Menurut Lev Vygotsky, perkembangan kanak-kanak dipengaruhi dua faktor utama iaitu interaksi sosial dan kemahiran berbahasa dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat dua peringkat iaitu peringkat sosial (peringkat pertama) dan peringkat individu (peringkat kedua).

Peringkat sosial bermaksud kanak-kanak mendapatkan maklumat melalui interaksi mereka dengan ibu bapa, rakan atau jiran. Manakala, peringkat individu ialah kebolehan individu kanak-kanak untuk menginterpretasikan maklumat yang diperolehi oleh mereka semasa berinteraksi dengan masyarakat kepada kefahaman dan konsep yang difahami. Justeru itu, pengkaji menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan mengalakkan interaksi positif di antara guru dan murid bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan aktif.

Idea Vygotsky yang paling dikenali ialah zon pekembangan proksimal. Zon perkembangan proksimal menggambarkan kepentingan interaksi dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Istilah zon perkembangan proksimal digunakan oleh Lev Vygotsky untuk menerangkan kepentingan dan pengarah bimbingan orang dewasa dan rakan yang mahir dalam menguasai kemahiran-kemahiran yang sukar. Zon perkembangan proksimal dibahagikan kepada dua, iaitu had atas untuk kemahiran yang memerlukan bantuan dan had bawah untuk kemahiran yang boleh dikuasai sendiri tanpa memerlukan bimbingan orang lain.

Kewujudan teknologi maklumat dan komunikasi membolehkan perancangan aktiviti mengajar bahasa boleh diperluaskan. Hal ini kerana teknologi multimedia dengan pelbagai kelebihannya dilihat dapat menjadi media pengajaran alternatif dalam membantu membina kemahiran kognitif murid terutamanya dalam mempelajari isi kandungan yang abstrak dan dinamik (Ahmad Zamzuri, 2018). Sehubungan itu, kanak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak boleh mendapat pendedahan mengenai penggunaan komputer semasa belajar bahasa pada peringkat awal umur. Namun demikian, guru perlulah mempunyai kefahaman mengenai pendekatan yang sesuai untuk digunakan semasa mengajar menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Selain itu, untuk menguasai kemahiran bahasa, kanak-kanak juga memerlukan bimbingan dan perkhidmatan sokongan.

Menurut Vygotsky (1962), pengajaran kemahiran bahasa yang mempunyai pengajaran bantuan dan sokongan merupakan pengajaran *Scaffolding*. Konsep perancah atau juga dikenali sebagai *scaffolding* ini diperkenalkan oleh Lev Vygotsky dan mempunyai perkaitan dengan tahap sokongan dan zon perkembangan proksimal. Selain itu, pengajaran *Scaffolding* juga merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan pembelajaran akan datang dengan pengetahuan sedia ada kanak-kanak.

Sehubungan itu, konsep zon perkembangan proksimal yang dikemukan oleh Vygotsky akan diterapkan sepenuhnya dalam penyelidikan ini. Zon perkembangan proksimal dapat dilihat dalam aspek kemahiran membaca khususnya aspek sebutan membaca adalah sukar untuk dilakukan oleh murid-murid tahun satu. Menurut Raymond (2000), guru boleh menyediakan pengajaran bantuan dan sokongan dengan meminta orang yang lebih cekap dan mahir untuk membantu kanak-kanak mencapai keperluan mereka. Bukan itu sahaja, Chang et al (2002) turut menyatakan maksud pengajaran bantuan ialah salah satu cara untuk memudahkan perkembangan murid dalam mengingati suatu hal yang baru melalui bantuan individu yang lebih pakar. Oleh itu, penggunaan kaedah, strategi, teknologi atau alat kognitif tertentu diperlukan bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu murid mengaitkan skema sedia ada dengan maklumat yang baru diterima (Ahmad Zamzuri, 2018).

Justeru, terdapat dua alat yang penting bagi memastikan proses perencah lebih sistematik dan dapat melahirkan konsep baru. Alat tersebut merupakan perbualan dan interaksi. Aspek perubahan yang dialami oleh seseorang individu adalah bersifat kualitatif namun boleh dilihat dari semasa ke semasa yang juga dikenali sebagai perkembangan. Perubahan yang berlaku bermaksud berlakunya perkembangan. Namun demikian, baka dan persekitaran seseorang individu mempengaruhi tahap perkembangan individu. Had perkembangan seseorang individu dipengaruhi oleh baka dan elemen yang membantu seseorang individu mengembangkan tahap kognitif secara maksimum dipengaruhi oleh persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penyelidikan ini, sikap kognitif murid terhadap *'Sinding Pimato'* bermaksud sikap murid terhadap bahan pembelajaran teknologi multimedia hasil pemikiran. Hal ini selaras dengan pendapat Kumaran (2017), bahawa tanggapan murid terhadap perisian pembelajaran adalah menjimatkan masa, memudahkan pembelajaran, kebolehan belajar dengan lebih mendalam, tidak membazir masa, menjadikan pembelajaran lebih baik, alat untuk mempercepatkan pemperolehan maklumat dan mendapat banyak kebaikan.

Kesimpulannya, setiap satu bahagian perkembangan adalah saling berkaitan dan mempunyai hubungan antara kematangan mental dan jasmani. Tidak dinafikan, bukan semua kanak-kanak yang mempunyai umur sama berkembang mengikut corak yang sama. Selain itu, terdapat beberapa peringkat bagi titik perkembangan. Antaranya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah peringkat sebelum lahir, bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan lain-lain. Tuntasnya, setiap titik perkembangan mempunyai tahap perkembangan masing-masing dan guru perlu bijak untuk mengajar dan semestinya perlulah mengajar dari tahap mudah ke susah sesuai dengan tahap kognitif Taksonomi Bloom.

2.5 Kajian Lepas

2.5.1 Kajian di Malaysia

Pada tahun 1997, kurikulum Bahasa Kadazandusun telah mula dilaksanakan secara rasmi di Malaysia. Masa kini, pembelajaran dan pengajian Bahasa Kadazandusun sangat banyak digunakan dalam pelbagai tahap dan peringkat di sekolah mahu pun institusi yang lebih tinggi. Berdasarkan kajian Henry Bating (2014), Bahasa Kadazandusun telah menjadi salah satu mata pelajaran yang diajar dan dipelajari di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Selain itu, bahasa ini juga telah menjadi kursus elektif asas kemahiran bahasa dalam beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia.

Antara institusi yang menawarkan bahasa ini sebagai bahasa elektif ialah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dibawa Program Minor Pengajian Bahasa. Pada tahun 2012 bahasa ini telah mendapat perhatian dalam Institusi Pendidikan Guru (IPG) sehingga ia ditawarkan dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP). Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) bagi major Bahasa Kadazandusun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini ditawarkan di IPG dalam negeri Sabah yang melibatkan tiga buah IPG iaitu IPG Tawau, IPG Gaya dan IPG Keningau.

Berdasarkan bancian dan pengiraan pihak Perlembagaan Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA), telah direkodkan bahawa terdapat 40 senarai etnik yang dicatatkan di bawah nama generik Kadazandusun (Henry Bating, 2014). Namun begitu, kurikulum Bahasa Kadazandusun hanya diasaskan oleh dua dialek utama, iaitu dialek 'Bundu' dan 'Liwan' manakala dialek-dialek selebihnya hanyalah sebagai rujukan dan sumber pengayaan bahasa ini.

Selain itu, semua bahan rujukan terbitan untuk Bahasa Kadazandusun banyak ditulis menggunakan dialek 'Tangara/Tangaah'. Dalam hal ini, masih terdapat 37 bahasa dialek Bahasa Kadazandusun yang dijaga dan diaplikasikan sebagai sumber pengayaan dari aspek perbendaharaan kata dan tatabahasa. Bagi kajian penyelidikan ini, kurikulum Bahasa Kadazandusun di sekolah tersebut menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang ditulis menggunakan dialek 'Bundu' dan 'Liawan' secara formal bagi pembelajaran murid tahun satu.

Pengajaran kemahiran membaca termasuk dalam kemahiran berbahasa. Definisi membaca ialah memerhatikan isi sesuatu cetakan atau tulisan-tulisan dengan cara meneliti dan memahami maksud isi kandungannya serta mengucapkan secara lisan perkara yang ditulis atau dicetak pada buku bacaan, papan tanda dan sebagainya (Kamus Dewan, 2005). Berdasarkan Kamus Pelajar (2000) pula, membaca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didefinisikan sebagai suatu perbuatan bagi membunyikan, menyebut huruf dan melafazkan ayat atau perkataan yang tertulis, melihat dan memahami sesuatu penulisan.

Kanak-kanak di Malaysia mula belajar membaca pada usia empat tahun dan berterusan sehingga mereka memasuki tahun satu sehinggalah ke peringkat sekolah menengah. Masalah murid lemah membaca bukan merupakan satu perkara yang baru yang terus menghantui pendidikan di Malaysia. Dalam bahasa Kadazandusun, terdapat empat kemahiran asas yang perlu dikuasai untuk mahir kemahiran berbahasa. Kemahiran asas yang dimaksudkan ialah kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Sudah tentu objektif bagi pengajaran bahasa dalam Bahasa Kadazandusun ialah untuk melahirkan murid yang mahir kemahiran membaca.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Untuk memastikan keberkesanan pembacaan dapat dicapai, maka tiga peringkat yang terdapat dalam pelaksanaan pengajaran kemahiran membaca haruslah tidak dipisahkan. Menurut Baharom Mohamad (2012), terdapat tiga peringkat kemahiran membaca dan setiap peringkat ini telah diselaraskan dengan tahap murid-murid. Aspek penerimaan dan aplikasi bahasa yang telah dipelajari oleh murid juga telah dinilai untuk disesuaikan pada setiap peringkat kemahiran membaca.

Peringkat yang pertama ialah tahap sebelum mula membaca. Pada peringkat ini, bahan bacaan perlulah ditentukan. Bukan itu sahaja, penentuan cara bahan disusun dan perkara yang perlu diingati serta tujuan membaca perlu ditentukan. Jelas bahawa peringkat pertama ini perlu dilakukan sebelum bermulanya pembacaan. Seterusnya, peringkat kedua ialah peringkat semasa membaca. Dalam peringkat ini, kanak-kanak dikehendaki untuk mengenal pasti isi penting, pola pemikiran penulis, perkaitan antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

idea dan meramal. Peringkat yang terakhir ialah peringkat selepas membaca. Dalam peringkat ini, pembaca perlu mengenalpasti tujuan penulis, teknik dan bahasa penulis dianalisis, menimbulkan persoalan kritis, menilai sifat, bukti, kecekapan dan kewibawaan penulis (Baharom Mohamad, 2012).

Membaca merupakan salah satu aspek yang penting. Menurut Yahya (2005), membaca bertujuan untuk membolehkan pembaca memahami teks dan kandungan teks. Manakala Abdul Rasid Jamian (2012) menyatakan kemahiran membaca dalam kanak-kanak bertujuan untuk memastikan murid boleh menyebut setiap perkataan dengan betul, mencari maksud perkataan dan melihat keupayaan murid memahami maklumat yang dibaca. Jelas bahawa kemahiran membaca penting untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih meluas (Ku Fatahiyah Ku Azizan, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran membaca merupakan satu proses yang dinamik dan amat bernilai kerana boleh mewujudkan komunikasi aktif antara penulis dengan pembaca. Kemahiran membaca juga membolehkan seseorang individu untuk mengenal pasti bentuk visual dan bunyi berdasarkan pengalaman sebenar dan menginterpretasi maksudnya. Selain itu, pemahaman bacaan akan semakin meningkat sekiranya pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan pengalaman membaca individu terbabit adalah luas (Ku Fatahiyah Ku Azizan, 2014.

Jelas bahawa adalah penting untuk memastikan murid dapat menguasai kemahiran membaca terutamanya sebutan setiap perkataan adalah betul dan tepat, dan murid juga berupaya untuk mencari maksud perkataan dan memahami petikan yang telah dibaca. Bukan itu sahaja, murid juga perlu menguasai kemahiran membaca agar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses pengajaran dan pembelajaran dapat berlangsung dengan lancar. Hal ini selaras dengan penyataan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2010). Sekiranya murid tidak mempunyai kemahiran membaca maja murid tidak dapat melakukan proses komunikasi dengan penulis dan maklumat tidak akan dapat dipindahkan kepada murid. Selain itu, kemahiran membaca ini juga penting untuk memartabatkan bahasa Kadazandusun dan untuk mendapat pelbagai pengetahuan. Disamping itu, Suraya Tarasata (2013) turut bersetuju bahawa murid perlu menguasai kemahiran membaca untuk memastikan murid dapat mempelajari mata pelajaran lain seperti Matematik dan Sains.

Namun demikian, hasil kajian terdahulu mendapati terdapat ramai lagi murid di sekolah rendah yang masih lagi tidak menguasai kemahiran membaca (Minah, 2015). Masalah ini semestinya perlu diatasi dengan segera kerana ia akan merencatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya menganggu proses pembelajaran murid (Abdul Rasid dkk, 2012). Menurut Zahir (2009), murid yang menguasai kemahiran membaca juga akan tampil yakin, aktif dan sentiasa bertenaga.

Menurut Henry Bating (2014), dalam aspek mata pelajaran Bahasa Kadazandusun, didapati kekurangan bahan bacaan merupakan salah satu rintangan yang dihadapi dalam pendidikan semejak kurikulum Bahasa Kadazandusun dilaksanakan. Walaupun terdapat pelbagai cerpen dan puisi yang dihasilkan oleh para penggiat seni, kesusasteraan dan kebudayaan Kadazandusun, namun semuanya tidak memenuhi kurikulum bahasa Kadazandusun di sekolah. Buku yang disarankan oleh kurikulum sukar sekali dicapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mendapati perkara ini adalah tepat kerana buku-buku bacaan yang ada kurang dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan kurikulum Bahasa Kadazandusun di sekolah ini. Ini bersesuaian dengan pendapat Riris K. Toha-Sarumpaet (2002) bahawa pembelajaran membaca Bahasa Kadazandusun boleh mengaplikasikan sumber bacaan yang bersesuaian dengan kurikulum. Justeru itu, hal ini boleh diatasi dengan menggunakan buku-buku lain asalkan ia sesuai dengan kurikulum Bahasa Kadazandusun di sekolah.

Selaras dengan masalah yang dihadapi ini, maka pengkaji telah menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* untuk menilai kesan dan keberkesanannya penggunaannya dalam kalagan murid-murid tahun satu. Hal ini bukan sahaja dapat membantu memperbanyakan sumber-sumber rujukan namun turut memartabatkan teknologi maklumat dan komunikasi serta pendidikan abad ke-21 dalam pengajaran mata pelajaran bahasa Kadazandusun. Tidak dinafikan, pengajaran mata pelajaran bahasa Kadazandusun juga lebih seronok dengan adanya pengintegrasian multimedia dan mudah difahami dengan strukturnya yang berkonsepkan papan cerita.

Menurut Ahamad Jaffni (1996), penggunaan teknologi bukan sahaja dapat menjadikan pengajaran seronok, menarik dan ceria namun juga dapat meningkatkan dinamik murid untuk menguasai kemahiran membaca. Menurut Endah dan Hanif (2010), pengajaran yang hanya menggunakan buku teks membuatkan murid bosan. *"Informasi pembelajaran yang disajikan dalam bentuk buku membuat seorang murid kurang tertarik kerana media pembelajaran yang ditampilkan oleh buku kurang tersedia secara lengkap sebagai media belajar kerana yang ditampilkan hanya berupa teks dan pada tampilan isi buku yang tidak dapat divisualisasikan sehingga*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

*tampilannya monoton (tidak bergerak dan hitam putih)"(*hlm. 1) (*dipetik daripada Kesan penggunaan perisian asas membaca terhadap pencapaian membaca murid peringkat prasekolah; Suraya, 2013).* Maka jelas bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dapat menarik minat murid.

Kanak-kanak memperoleh kemahiran membaca pada peringkat awal melalui minat dan strategi mereka yang tersendiri (Naimah et al, 2011). Hal ini seiring dengan pemerhatian kanak-kanak terhadap persekitaran mereka seperti hubungan atau perkaitan antara visual dengan simbol atau huruf bercetak. Terdapat dua kategori permasalahan kemahiran membaca, iaitu masalah mengecam atau mengenal huruf dan masalah memahami sesuatu yang dibaca.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Permasalahan kemahiran membaca ini akan memberi kesan kepada pembelajaran kanak-kanak kerana mereka akan menghadapi masalah pembelajaran. Faktor latar belakang status sosial dan ekonomi yang berbeza bagi setiap murid merupakan salah satu penyebab permasalahan dalam kemahiran membaca. Oleh itu, jelas bahawa guru perlu bijak mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk memastikan murid bebas daripada masalah kemahiran membaca terutamanya guru bahasa Kadazandusun agar murid boleh mahir berbahasa Kadazandusun.

Pendekatan tradisional dalam kaedah pengajaran guru di dalam kelas semakin tidak relevan dengan murid-murid di serba moden ini. Pengajaran yang menggunakan kaedah tradisional lebih memfokuskan guru dan murid bersifat pasif. Hal ini berbeza dengan penggunaan bahan bantu mengajar berbantukan teknologi multimedia yang dapat menglibatkan murid secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahmad Zamzuri (2018), penggunaan teknologi multimedia seperti animasi, teks dan grafik berupaya untuk mempengaruhi peningkatan kognitif murid berbanding pendidikan tradisi gagal mengambil kira aspek ini.

Hampir semua murid (99%) yang berada di sekolah kajian, berbangsa Dusun Bundu dan Liwan. Pada dasarnya, bahasa ini adalah bahasa ibunda murid-murid tersebut. Namun, keupayaan mereka untuk menyebut perkataan demi perkataan dalam ayat-ayat Bahasa Kadazandusun adalah tidak tepat kerana murid-murid tersebut tidak diajar menyebut vokal dan konsonan dalam suku kata. Lydia Tumin (2008), mendapati bahawa masyarakat Kadazandusun menunjukkan bahawa tahap kefasihan berbahasa dalam Kadazandusun semakin menurun dalam kalangan responden muda. Hal ini menyebabkan Bahasa Kadazandusun bagaikan bahasa asing bagi mereka walhal bahasa ini adalah bahasa ibunda mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, guru perlu menggunakan teknologi multimedia sebagai bahan bantu mengajar agar minda murid dapat dirangsang semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Penggunaan multimedia interaktif dalam mata pelajaran bahasa Kadazandusun juga dapat menjadikan pengajaran lebih menyeronokkan dan menarik. Murid juga akan terhibur di samping meningkatkan kemahiran membaca mereka.

Norjietta Taisin (2012) turut bersetuju bahawa pengajaran mata pelajaran bahasa Kadazandusun akan lebih baik sekiranya guru menggunakan multimedia interaktif sebagai bahan bantu mengajar. Oleh yang demikian, guru harus berusaha untuk belajar mengenai cara-cara menggunakan multimedia untuk mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan agar murid turut mendapat pengetahuan dan mencetuskan idea-idea baharu.

Justeru, perisian *'Sinding Pimato'* wajar digunakan dalam pengajaran bahasa Kadazandusun. Bukan itu sahaja, pembangunan perisian pembelajaran multimedia interaktif juga harus dipertingkatkan agar kemahiran membaca bagi setiap kanak-kanak dapat dipertingkatkan dan masalah pembelajaran dapat ditangani.

Ros Azura (2002) dan Hamzah (2004) turut bersetuju terhadap penggunaan multimedia interaktif sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kerana keistimewaan dan kelebihannya yang seperti berikut :

1. Guru dapat mengajar dengan menarik dan tidak bersifat autokratik.
2. Murid lebih bermotivasi dan seronok belajar.
3. Murid terlibat aktif mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.
4. Murid berpeluang untuk mencari dan mencapai maklumat dengan mudah mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.
5. Murid berpeluang untuk belajar sendiri secara spontan dan berkesan mengikut gaya pembelajaran yang disukai.
6. Murid berpeluang menerokai pembelajaran kendiri dan mengembangkan pengalaman dan kebolehan masing-masing.
7. Murid berpeluang untuk berkomunikasi secara aktif dengan rakan sekelas dan guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.
8. Murid berpeluang belajar mengikut gaya pembelajaran dan tahap keupayaan masing-masing.
9. Guru dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Abdul Aziz dan Azlida (2000), murid dapat berinteraksi dengan ilmu melalui warna dan kesan suara sekiranya guru mengunakan pengajaran berbantukan bahan pengajaran multimedia interaktif. Murid juga dapat membina pengetahuan sendiri melalui gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan murid kerana pembelajaran yang aktif akan berlaku dengan wujudnya persekitaran multimedia (Baharom, 2004). Pelbagai kajian mengenai penggunaan multimedia dalam pengajaran menyatakan bahawa pembelajaran murid dapat ditingkatkan dengan mengaplikasikan multimedia dalam bahan dan aktiviti pengajaran (Holte, 1994).

Mohd Arif (1999) turut menyokong dengan menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran guru dan murid lebih berkualiti dan berkesan dengan adanya multimedia sebagai bahan bantu mengajar. Jelas sekali, pembelajaran murid-murid akan lebih positif dengan adanya penggunaan bahan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.

Alam siber terkini juga membolehkan pemindahan dan transformasi sesuatu maklumat dengan mudah selain menjimatkan masa dan tenaga (Azwan & Rozita, 2002). Penggunaan teknologi dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran membolehkan murid terlibat aktif dalam setiap aktiviti di kelas. Bukan itu sahaja, murid juga berpeluang untuk menyusun bahan pembelajaran sendiri dan mengawal kandungan dan strategi pembelajaran (Qi Chen, 2006). Strategi persembahan yang dimaksudkan ialah memilih cara persembahan dan jumlah latihan yang ingin dibuat. Murid juga boleh belajar mengikut kadar keupayaan sendiri. Jelas bahawa kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan dengan pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran juga amat bersesuaian kerana murid-murid tahun satu dalam usia mereka amat tertarik dengan persembahan multimedia (Ahmad Esa et.al (2007). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi juga mampu menarik minat mereka untuk memberikan fokus kepada pengajaran guru. Selain faedah yang diperolehi bagi golongan kanak-kanak, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi turut memberi manfaat kepada golongan guru itu sendiri.

Menerusi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran, guru bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti dan keefektifan pengajaran namun juga dapat meningkatkan kemahiran generik guru (Atan, 2010). Hal ini dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan di sekolah *Catholic Independent School of the Vancouver* yang menyatakan bahawa pemahaman dan penerimaan guru dan murid mendapat impak yang besar. Setelah murid-murid diajar membaca menggunakan perisian membaca dalam pengajaran dan pembelajaran terdapat peningkatan yang positif dalam aspek sebutan membaca secara mekanis. (Supramaniyam, 2015).

Kesimpulannya, sudah tentu pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran mata pelajaran bahasa Kadazandusun merupakan satu perkara yang perlu dan positif. Apatah lagi, dunia kini memerlukan individu yang tahu menggunakan multimedia. Dengan inisiatif penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran, murid bukan sahaja berpeluang untuk meningkatkan pencapaian dalam kemahiran membaca namun turut dapat menambah pengetahuan dengan lebih meluas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Kajian Luar Negara

Masalah membaca bukan hanya terdapat di Malaysia namun turut dialami oleh masyarakat global (Smith, 1985). Keupayaan intelek yang berbeza-beza bagi setiap murid telah menyebabkan terdapat murid yang sukar menguasai kemahiran asas iaitu kemahiran 3M. Menurut Sinclair dan Papandrapoula (1984), ayat-ayat mudah dan pengetahuan mengenai peraturan kesepadanan fonem dalam mendekod perkataan baru seharusnya sudah dikuasai oleh kanak-kanak sejak peringkat awal bacaan.

Namun begitu, bukan semua kanak-kanak yang berada di peringkat awal bacaan mampu menguasai ayat mudah dan peraturan kesepadanan fenom. Oleh itu, adalah perlu untuk mewujudkan program membaca di sekolah-sekolah untuk memastikan murid boleh menguasai kemahiran yang diperlukan di peringkat awal bacaan (Kemba A. N' Hamdi, 2005).

Seperti di luar negara, murid yang tidak menguasai kemahiran membaca akan dimasukkan dalam kelas pemulihan khas. Namun, masalah murid tidak boleh membaca ini sudah tentu boleh diatasi dengan cara lain terutamanya murid normal yang tidak mempunyai masalah pembelajaran. Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana, guru yang tidak cekap atau tidak mempunyai kemahiran akan menyebabkan murid mengalami masalah pembelajaran (Otto dan Smith, 1980).

Namun demikian, masalah pembelajaran juga boleh berlaku kerana pengurusan kurikulum yang tidak baik. Proses pembelajaran murid yang berkesan hanya boleh diwujudkan dengan adanya persekitaran yang kondusif dan guru yang berkualiti dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlatih. Hal ini selaras dengan penyataan Otto dan Smith (1975) iaitu bantuan pengajaran dan guru-guru yang terlatih khusus dalam pemulihan khas dapat meningkatkan kemajuan murid dalam pelajaran. Namun, sokongan pengajaran ini haruslah berterusan untuk mengekalkan peningkatan kemajuan murid.

Situasi kelas yang tidak berubah akan menyebabkan murid yang bermasalah 3M akan menghadapi kesukaran semula dan terpaksa dimasukkan ke dalam kelas pemulihan khas (Cashdan dan Pumphrey, 1969). Bagi mengelakkan hal ini berlaku, sewajarnya guru pemulihan khas yang terlatih perlu membimbing dan memberi sokongan yang berterusan kepada murid yang bermasalah 3M. Peranan ibu bapa juga penting dalam mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid ini. Hal ini kerana, ibu bapa berperanan menyediakan persekitaran yang membolehkan kanak-kanak bersedia untuk membaca (M. Morrow, 1995). Apatah lagi, keluarga merupakan guru pertama dan keluarga juga meluangkan masa yang terbanyak dengan murid-murid.

Selain itu, masalah membaca ini juga dapat diatasi dengan mengaplikasikan teknik pengajaran yang sesuai. Bloom B.S. (1983) menyatakan bahawa salah satu strategi pelaksanaan yang dirancang oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran ialah teknik pengajaran. Teknik dan strategi pengajaran adalah perlu untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan berkesan. Hal ini turut diperakui oleh Gadner dan Miler (1996) iaitu murid boleh menguasai sesuatu kemahiran dan teknik belajar dengan adanya peranan penting yang dipegang oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai teori yang menyatakan bahawa mengajar membaca dan bahasa boleh dipelajari pada peringkat awal umur dan boleh dilakukan di rumah atau di sekolah (Kuhn dan Stahl, 2004). Pencapaian yang rendah dalam pelajaran adalah disebabkan oleh ketidakmahiran dalam kemahiran bahasa. Terdapat lima komponen utama semasa mengajar membaca iaitu pemahaman terhadap prinsip abjad, kesedaran fonemik, pembacaan lisan yang lancar, pemahaman terhadap perbendaharaan kata dan pemahaman individu. (Snow, Burns dan Griffith, 1998). Kesemua komponen ini boleh dicapai oleh kanak-kanak dengan mudah sekiranya persekitaran pembelajaran murid dipenuhi dengan kepelbagaian amalan budaya (Noor Aini Ahmad, 2014).

Strategi membaca yang berkesan membolehkan kanak-kanak belajar bahasa (Noor Aini Ahmad, 2014). Affelerbach, Pearson dan Paris (2008) menyatakan tiga strategi, iaitu tindakan, matlamat dan latih tubi. Strategi ini haruslah disesuaikan dengan murid bagi memastikan setiap murid mendapat peluang untuk membaca, menulis, bercakap dan mendengar mengunakan bahasa ibunda atau bahasa kedua. Oleh itu, guru perlu mendapatkan maklumat murid mengenai latar belakang, minat dan kebolehan kanak-kanak.

Selain itu, pendidik juga perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang merentas budaya kerana murid telah terdedah dengan teknologi sejak awal usia. Pembelajaran merentas budaya ini dapat dilakukan dengan bantuan teknologi maklumat dan komunikasi. Dengan ini, murid dapat memahami kepelbagaian budaya dan gaya hidup Malaysia. Dengan teknologi, murid juga dapat mengulangi pelajaran sekiranya kemahiran tersebut belum dikuasai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan media yang sesuai yang membolehkan pengalaman dalam ingatan dalam pengajaran dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran (Dale, 1969). Cara yang paling berkesan dalam pengajaran ialah melalui penglibatan yang seterusnya dapat mewujudkan pengalaman belajar. Salah satu caranya ialah melalui permainan. Chamberlain (1986) dalam Siti Hajar menyatakan kemahiran bahasa bagi semua peringkat murid boleh dipertingkatkan melalui permainan.

Dalam kelas pemulihan, teknik pengajaran yang paling disukai oleh murid ialah permainan bahasa. Terbukti dalam kajian Gladwin, R.P. Margerison, D. & Walker S.M (1990), pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi lebih baik berbanding kaedah tradisional. Hal ini kerana, murid memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap pembelajaran atas faktor pemaparan grafik yang berjaya menarik perhatian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bukan itu sahaja, konsep pembelajaran juga boleh dijelaskan dengan mudah dan berkesan dengan menggunakan teknologi berbanding menggunakan papan tulis. Sifat kandungan yang tidak statik bagi aplikasi komputer menyebabkan ia lebih sesuai digunakan dalam arus pendidikan semasa yang sentiasa berubah. Perisian komputer yang semakin canggih membolehkan kandungan pengajaran yang menggunakan teknologi diadaptasi dan digunakan agar bersesuaian dengan kehendak pendidikan semasa (Bennert, 1996). Pembelajaran menggunakan komputer juga merupakan salah satu strategi pengajaran kerana membolehkan guru memilih isi kandungan yang ingin diajar bagi sesuatu mata pelajaran (Hee Jee Mei dan Norahidah, 2001). Ternyata guru dan murid boleh mencapai objektif pengajaran dan pemmbelajaran dengan mudah dan senang dengan penggunaan komputer.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian mengenai penggunaan media pengajaran dalam kalangan guru yang dijalankan oleh Oliver (2006) menunjukkan guru-guru di kolej pendidikan di Selatan Nigeria mempunyai persepsi positif. Hakkinen (2006) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa penggunaan *Powerpoint* memudahkan pendidik kerana sifat perisian tersebut yang mempunyai pelbagai kemudahan seperti audio, video dan penambahan dalam taklimat garis panduan.Kajian ini juga mendapati mutu pengajaran dapat dipertingkatkan dengan adanya bahan bantu mengajar yang sesuai. Jelas sekali teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan impak yang positif dalam pembelajaran murid.

Konklusinya, adalah menjadi keperluan pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Noor Aini Ahmad (2014), kursus mengenai teknologi maklumat dan komunikasi harus dipelbagaikan dan kemudahan komputer harus disediakan agar budaya penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi boleh diamalkan di dalam kelas. Hal ini penting untuk memastikan kualiti pembelajaran murid dapat ditingkatkan melalui aplikasi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Apatah lagi, penggunaan multimedia terbukti mampu merangsang pembelajaran dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Hal ini dapat dilihat melalui kajian yang pernah dijalankan di sekolah-sekolah yang terletak di daerah Sacramento, Amerika Syarikat dan California sejak tahun 1987. Dalam konteks pengajaran bahasa Kadazandusun, sudah pasti pengajaran yang menggunakan multimedia akan lebih mudah difahami dan menyeronokkan. Guru dapat menjelaskan sesuatu konsep, proses atau kejadian secara lebih menyeluruh dengan adanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kombinasi pelbagai media dalam penyampaian pengajaran. Bukan itu sahaja, murid turut dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sekiranya guru menggunakan program multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Floyd, 1991).

2.6 Rumusan

Pada tahun 90-an, murid hanya belajar Bahasa Kadazandusun menggunakan konsep tradisi, iaitu *"Chalk and Talk"* yang disampaikan oleh guru. Guru berperanan sebagai tenaga pengajar yang utama di hadapan kelas dan murid hanya mendengar dan menerima apa-apa juga maklumat yang ingin disampaikan oleh guru. Ini menyebabkan murid tidak berinisiatif untuk belajar dengan usaha sendiri tetapi hanya bergantung kepada guru. Namun, berdasarkan pergolakan dalam inovasi dunia pendidikan, maka pembelajaran bahasa menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dianggap sebagai satu titik perubahan yang positif berdasarkan ciri-ciri yang ada pada teknologi itu sendiri. Adalah menjadi harapan agar kajian ini dalam menunjukkan keberkesanan bahan pembelajaran perisian *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran sebutan Bahasa Kadazandusun menjadi titik permulaan dalam memartabatkan kualiti mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Kesimpulannya, kelompangan daripada kajian lepas rata-rata menyatakan kebaikan penguasaan asas kemahiran membaca perlu dikuasai berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi namun tidak terdapat pakej perisian khasnya dalam Bahasa Kadazandusun. Maka kajian ini perlu dilakukan oleh pengkaji dengan menonjolkan kesan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* dalam Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini menerangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji sepanjang pelaksanaan kajian ini. Aspek yang dimaksudkan ialah penjelasan pelaksanaan kajian, cara pemerolehan data dan cara data dianalisis. Hal ini penting bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan dipercayai. Oleh yang demikian, bab ini mengulas lebih lanjut mengenai reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah pengumpulan data, perisian pembelajaran '*Sinding Pimato*', kajian rintis, prosedur pengumpulan data serta prosedur kaedah membuat analisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan panduan kepada pengkaji semasa kajian dilaksanakan. Hal ini penting untuk memastikan objektif kajian tidak terpesong dan dapat menjawab persoalan kajian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih kajian berbentuk kuasi eksperimen. Bagi kajian reka bentuk kuasi eksperimen, hipotesis tidak diperlukan kerana kuasi eksperimen belum atau tidak mempunyai ciri-ciri rancangan eksperimen yang sebenar sebab pemboleh-pemboleh ubah yang seharusnya dikawal atau dimanipulasi (Azizi, Peter, Ismail, M. Dahlan, 2017). Hal ini bersesuaian dengan tujuan kajian ini iaitu untuk menilai kesan penggunaan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato"* bagi meningkatkan pencapaian aspek sebutan membaca Bahasa Kadazandusun murid tahun satu. '*Sinding Pimato'* merupakan bahan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Selain itu, pengkaji juga membuat perbandingan di antara kaedah pengajaran tradisional iaitu *Chalk and Talk* dengan kaedah pengajaran yang berbantukan perisian pembelajaran '*Sinding Pimato*'.

Kuasi eksperimen ditakrifkan sebagai kaedah kajian yang tidak menggunakan persampelan secara rawak dan haruslah mempunyai tiga ciri iaitu mempunyai pengendalian *(treatments)*, ukuran hasil *(outcome measures)*, dan bahan eksperimen *(experimental units)* (Azizi Yahaya, 2017). Bukan itu sahaja, Azizi Yahaya (2017) turut menyatakan kajian kuasi eksperimen sesuai digunakan oleh pengkaji sekiranya kajian tersebut bertujuan untuk menjelaskan persoalan terhadap peristiwa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini bersesuaian dengan kajian ini yang bertujuan untuk melihat dan menjawab persoalan di antara hubungan sebab dan akibat dengan dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen yang sampelnya telah dipilih pada awal kajian. Prosedur pelaksanaan kuasi eksperimen bagi kajian ini boleh dilihat dalam Jadual 3.1. Jadual tersebut akan menerangkan reka bentuk kuasi eksperimen secara lebih terperinci.

Jadual 3.1

Langkah-Langkah Pelaksanaan Kuasi Eksperimen Kajian (Diadaptasi Daripada Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan, Azizi Yahaya, 2017).

Bil	Langkah-Langkah Pelaksanaan Kuasi Eksperimen Kajian
1	Melaksanakan kajian tinjauan dengan menumpukan permasalahan yang ingin dikaji.
2	Mengenal pasti masalah kajian
3	Mengenal pasti pembolehubah kajian
4	Merancang prosedur kuasi eksperimen
5	Pengumpulan data peringkat pertama melalui ujian lisan yang telah dibuat oleh guru mata pelajaran Bahasa Kadazandusun Tahun Satu.
6	Pengumpulan data peringkat satu (Ujian Pra)
7	Melakukan eksperimen
8	Menggumpulkan data peringkat dua (Ujian Pasca)
9	Mengumpul dan menganalisis data
10	Menulis dan merekodkan laporan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah jadual penyusunan reka bentuk kuasi eksperimen bagi kajian penyelidikan ini dijelaskan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2.

Reka Bentuk Kuasi Eksperimen

Kumpulan	**Jenis Ujian**	**Kaedah pengajaran**	**Jenis Ujian**
Kumpulan Eksperimen	Ujian Pra	X	Ujian Pasca
Kumpulan Kawalan	Ujian Pra	Y	Ujian Pasca

X : Pengajaran menggunakan *'Sinding Pimato'* selama lapan minggu

Y : Pengajaran menggunakan pendekatan tradisional *chalk and talk*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian kuasi eksperimen ini memfokuskan kepada pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini ialah peningkatan pencapaian murid tahun satu dari aspek sebutan membaca oleh murid. Ujian lisan bacaan akan dilakukan untuk mengukur pencapaian setiap murid. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar ialah kaedah pengajaran yang digunakan.

Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah pengajaran yang masing-masingnya dikhaskan bagi setiap kumpulan eksperimen. Bagi kumpulan eksperimen, kaedah pengajaran yang digunakan ialah pengajaran berbantukan perisian *'Sinding Pimato'*. Seterusnya bagi kumpulan kawalan, pengkaji menggunakan pengajaran tradisional *chalk and talk*. Semua data kajian ini dikumpul dengan menggunakan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk kajian penyelidikan ini boleh dilihat pada Rajah 3.1.



Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian Permodifikasian Dan Perbandingan Kesan *'Sinding Pimato'* Terhadap Pencapaian Sebutan Bahasa Kadazandusun Bagi Murid Tahun Satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengkaji memilih kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian dan boleh menjawab persoalan kajian. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif bercirikan kajian eksperimen berasaskan disiplin sains di mana dapatan selalunya dinyatakan dalam bentuk angka-angka (Jonathan Anderson, 2011). Manakala, reka bentuk penyelidikan kualitatif bercirikan etnografi dan kajian sejarah di mana dapatan selalunya dijelaskan dalam perkataan dan bukan angka.

Dalam konteks pendekatan kualitatif, pengkaji telah menemu ramah guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Berdasarkan pembacaan pengkaji, kaedah ini berupaya untuk memberikan maklumat yang tepat dan jelas serta berguna untuk memenuhi objektif dan soalan kajian yang telah dibuat. Berikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan Rajah 3.2 yang memaparkan reka bentuk perbandingan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.



Rajah 3.2. Perbandingan reka bentuk antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi reka bentuk kajian kuantitatif pula memfokuskan kepada analisis deskriptif dan inferensi. Menurut Hamidah Yusof (2015), keseluruhan data yang dikutip dalam sesuatu penyelidikan dapat dirumuskan dengan menggunakan analisis deskriptif. Sehubungan itu, hal ini sejajar dengan sifatnya yang boleh mengumpulkan maklumat demografi responden dan menunjukkan data-data pembolehubah dalam bentuk yang mudah, iaitu dalam bentuk peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai.

Dengan data ini, pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian menggunakan kaedah statistik deskriptif. Fokus huraian yang akan didedahkan oleh pengkaji berkaitan rawatan pengajaran dan pembelajaran setiap kumpulan murid ialah bilangan, sisihan piawai dan kadar peratusan skor min. Bagi kajian ini, satu garis panduan atau *cut-off* bagi skor min telah ditetapkan. Untuk mendapatkan tiga tahap selang skor min, dengan mengira julat antara skor min tertinggi dengan skor min terendah dibahagi dengan tiga tahap (tinggi, sederhana dan rendah). Berikut adalah formula cara pengiraan julat,

$$\text{Selang Skala Skor Min} = \frac{\text{Nilai tertinggi} - \text{Nilai Terendah}}{\text{Bilangan Selang}}$$

Rajah 3.3. Formula pengiraan julat (diadaptasi daripada Hamidah Yusof, Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan, 2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, pengkaji memilih analisis inferensi untuk memastikan data kajian dapat diterima. Analisis secara inferensi dalam reka bentuk kajian kuantitatif ini penting untuk mentafsir data. Analisis inferensi dibuat dengan menetapkan andaian statistik (*statistical assumptions)* pada awal kajian. Menurut Hamidah Yusof (2015), analisis inferensi dapat mengaitkan ciri-ciri responden kajian dengan hubungan antara pemboleh ubah kajian.

Selain itu, sebelum analisis dijalankan, pengkaji perlu memenuhi andaian statistikal iaitu pemboleh ubah haruslah dalam bentuk taburan normal dan sampel perlu dipilih dari ciri populasi sebenar (Hamidah Yusof, 2015). Berikut merupakan empat andaian statistikal yang wajib dibuat sebelum sesuatu penganalisisan dilakukan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Semua data daripada populasi perlu dibuat dalam bentuk pensampelan rawak *(random sampeling)*.
2. Setiap pembolehubah mesti diukur menggunakan skala pengukuran dalam bentuk nisbah atau sela.
3. Pembolehubah yang dipilih perlu dalam bentuk taburan normal *(normal distribution)*
4. Pemilihan sampel hendaklah memaparkan ciri-ciri populasi yang sebenar.

Seterusnya, penyelidik menggunakan data skor min bagi dua set data dari dua kumpulan yang mempunyai sampel yang sama untuk dibandingkan menggunakan Ujian *t*. Ujian *t* telah dijalankan untuk mendapatkan perbezaan skor min antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Hasil daripada analisis Ujian *t* tersebut akan menampilkan ketidakberadaan perbezaan skor min antara kedua-dua kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan pengajaran dan pembelajaran yang telah dilalui oleh murid-murid. Ini bermakna, dalam setiap sampel kajian akan mengandungi dua skor yang perlu dibuat perbandingan antara satu sama lain. Manurut Hamidah Yusof (2015), bagi melaksanakan Ujian *t*, pengkaji perlu mengikuti semua syarat dan andaian di bawah,

1. Skala pengukuran (selang atau nisbah) – skala data selanjar adalah semua skor dan nilai yang kontinum.
2. Persampelan rawak (subjek dalam sampel mesti dipilih secara rawak)
3. Normaliti (skor dalam populasi mempunyai taburan normal)

Seterusnya, pengkaji juga telah memilih kaedah temu bual untuk mengumpulkan maklumat kualitatif dalam kajian ini. Kahn dan Cannell (Marshall dan Rossman, 1957) mendefinisikan temu bual sebagai 'perbualan dengan bertujuan' *(conversation with a purpose*). Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus (Othman Lebar, 2017). Mengikut Patton (1990), penyelidik hendak mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Beliau menjelaskan, *"We interview people to find out from them those things we cannot directly observe.. We cannot observe feelings, thought, and intentions. We cannot observe behaviors that took place at some previous point in time. We cannot observe situations that preclude the presence of an observer. We cannot observe how people have organized the world and the meanings they attach to what goes on in the world. We have to ask people questions about those things. The purpose of interviewing, then, is to allow us to enter into the other person's perspective"* (hal. 196).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temu bual sangat diperlukan dalam kajian ini untuk menghuraikan objektif ketiga iaitu menjelaskan kesan *'Sinding Pimato'* terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di dalam bilik darjah. Jenis temu bual yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah temu bual separa struktur. Pada asasnya temu bual separa struktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual separa berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan responden. Bagi Schensul et al. (1999), temu bual separa berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor. Bagi mereka, temu bual separa struktur digunakan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Menjelaskan lebih lanjut domain utama dan faktor-faktor dalam kajian.
2. Mengoperasikan faktor-faktor kepada pemboleh ubah.
3. Membina hipotesis awalan.
4. Membina asas kualitatif untuk pembentukan kajian lanjutan etnogtafi.

Membina soalan bagi temu bual separa struktur boleh dibuat dengan pelbagai cara. Antaranya ialah berasaskan data daripada temu bual dan pemerhatian berstruktur yang biasanya data tersebut tidak dapat memberikan maklumat yang begitu mencukupi untuk menentukan dengan tepat tentang kepentingan sesuatu faktor, apakah maksudnya yang sebenar dan berapa tersebarnya faktor-faktor tersebut dalam populasi yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan temu bual separa struktur boleh dibentuk untuk menjelaskan lagi faktor-faktor tersebut. Terdapat panduan yang boleh dijadikan asas dalam membina soalan temu bual separa struktur seperti berikut :

1. Pastikan soalan-soalan menggunakan terma dan frasa yang boleh difahami oleh responden.
2. Minimumkan panjang soalan dan banyakkan soalan mencungkil bagi mendapatkan penjelasan tentang sesuatu faktor atau subfaktor.
3. Gunakan istilah yang sesuai dengan kemampuan berbahasa, latar belakang budaya, umur, jantina dan tahap pengetahuan responden.
4. Elakkan soalan yang membayangkan jawapan atau yang menunjukkan bias penemu bual.
5. Elakkan soalan yang menggunakan sama ada asosiasi negatif atau positif.
6. Elakkan soalan yang sebenarnya bertanyakan dua soalan dalam satu soalan.
7. Cuba elakkan soalan yang dibentuk secara negatif.
8. Elakkan soalan yang memerlukan responden melakukan beberapa tugasan dalam masa yang sama.
9. Jangan bertanya soalan yang memerlukan hanya jawapa Ya atau Tidak, sedangkan yang diutamakan adalah deskripsi yang terperinci.
10. Perlu sensitif kepada konteks budaya atau makna-makna sosial yang terlibat dalam soalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam mengemukakan soalan juga perlu dipertimbangkan daripada segi urutan soalan. Pada umumnya soalan boleh disusun mengikut urutan seperti berikut:

1. Mengikut urutan masa – daripada kejadian yang awal kepada kejadian yang mutakhir.
2. Mengikut kompleksiti – daripada topik yang mudah kepada topik yang lebih kompleks.
3. Mengikut topik atau domain – kumpulkan soalan mengikut topik yang sama atau serupa.
4. Mengikut tahap abstraksi – daripada isu yang lebih konkrit kepada yang lebih abstrak.
5. Mengikut tahap ancaman – daripada yang kurang sensitif atau mengancam kepada yang paling sensitif atau mengancam.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, penemu bual perlulah sensitif kepada konteks budaya di mana temu bual tersebut dijalankan. Soal sensitif atau tidak, mengancam atau tidak adalah bergantung pada budaya serta norma sosial sesuatu masyarakat. Soal kepercayaan agama mungkin sesuatu yang sensitif bagi sesuatu kumpulan dan mungkin tidak sensitif kepada kumpulan yang lain.

Kesimpulannya, bagi soalan kajian ketiga, iaitu penganalisisan data bagi mengetahui kesan *'Sinding Pimato'* terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di dalam bilik darjah dibuat menggunakan analisis dan interprestasi data kualitatif berdasarkan kaedah temu bual separa struktur dengan cara analisis tematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan transkrip hasil jawapan temu bual yang diterima daripada guru-guru Bahasa Kadazandusun.

3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini dilakukan di salah satu sekolah rendah kebangsaan yang terletak di daerah Tambunan Sabah, iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Kiawayan. Sekolah ini telah beroperasi sejak tahun 1980 an. Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan latar masyarakat yang tinggal di sekitar sekolah ini. Latar masyarakat yang tinggal di sekitar sekolah ini terdiri daripada masyarakat yang berbangsa Dusun. Sekolah rendah ini terletak kira-kira 15 km dari Pekan Tambunan dan dikategorikan dalam sekolah pedalaman luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik memilih untuk melaksanakan kajian di sekolah ini kerana telah melaksanakan kurikulum Bahasa Kadazandusun dalam tempoh yang lama, iaitu selama 12 tahun sejak dari tahun 2004 hingga tahun 2018. Menurut Penolong Kanan 1, yang juga merupakan penduduk asal daerah ini, sekolah rendah ini sangat memerlukan pendidikan Bahasa Kadazandusun kerana murid-murid yang bersekolah di sekolah tersebut tidak menggunakan Bahasa Dusun sebagai bahasa pertuturan utama malahan bahasa ini semakin hilang dan ramai murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun walaupun bangsa semua murid di sekolah itu adalah Dusun.

Menurut beliau juga, walaupun sekolah ini adalah antara sekolah yang terawal melaksanakan Bahasa Kadazandusun, namun masih terdapat banyak lompong dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu untuk dibantu agar Bahasa Kadazandusun tidak lenyap ditelan zaman. Kesimpulannya, walaupun pemilihan lokasi kajian ini adalah di sekolah pedalaman namun inilah sekolah yang tepat untuk menjalankan kajian ini kerana latar masyarakat murid-murid di sekolah ini adalah masyarakat Dusun dan sekolah ini telah lama melaksanakan kurikulum Bahasa Kadazandusun.

3.4 Populasi dan Sampel

Manurut Azizi Yahaya (2017), mentakrifkan populasi sebagai sekumpulan unsur atau eleman yang menjadi subjek penyelidikan. Populasi bermaksud keseluruhan satu unit analisis yang mempunyai ciri-ciri yang bakal diduga. Manakala sampel kajian pula bermaksud satu unit yang lebih kecil daripada populasi dan dipilih daripada populasi. Sampel kajian bermaksud sampel yang dipilih untuk mendapatkan data dan merupakan sebahagian daripada satu unit keseluruhan populasi.

Menurut Azizi Yahaya (2017), penggunaan sampel dalam sesuatu kajian adalah penting untuk memastikan penyelidikan lebih mudah dan berkesan, teliti dan cermat terutamanya semasa proses pengumpulan data. Sehubungan itu, penyelidikan ini dijalankan di sebuah sekolah rendah kebangsaan yang terletak di daerah Tambunan, Sabah. Dalam penyelidikan ini populasi adalah terdiri daripada murid-murid yang menjalani kurikulum Bahasa Kadazandusun secara formal dan mempunyai latar masyarakat yang sama iaitu berbangsa Dusun. Semua populasi adalah sihat dan tidak mempunyai sebarang kecacatan ataupun tergolong kepada murid bermasalah pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih *purposive sampling,* iaitu pemilihan sampel secara bertujuan. Menurut Deming, W. Edwards (1990), persampelan bertujuan ialah sampel yang bukan dipilih secara rawak dan pemilihannya berdasarkan pendapat daripada pakar. Menurutnya juga, kekurangan bagi persampelan bertujuan ialah kebimbangan terhadap unsur bias kerana sifatnya yang subjektif. Namun demikian, menurut Hamidah Yusof (2015), persampelan bertujuan ini merupakan teknik yang mencirikan satu prosedur persampelan berdasarkan ciri-ciri tertentu dan responden kajian yang dipilih adalah selaras dengan kehendak kajian, iaitu perlu mempunyai pengetahuan dan tujuan khusus.

Sampel kajian yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini ialah murid Tahun Satu yang baru tamat pendidikan di Pra Sekolah dan memasuki tahap satu aliran perdana. Seramai 30 orang murid akan dijadikan sebagai sampel kajian dan murid ini dipilih daripada dua buah kelas tahun satu yang terdiri daripada murid yang berbangsa Dusun namun mempunyai pelbagai latar belakang dan jantina. 30 sampel ini juga dipilih berdasarkan keputusan pencapaian yang setara semasa peperiksaan Ujian Bulan Mac 2018 bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun.

Sampel ini dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut kelas. Kumpulan A merupakan kumpulan eksperimen dan menggunakan pengajaran berbantukan perisian *'Sinding Pimato'* dan kumpulan B merupakan kumpulan kawalan yang diajar mernggunakan pengajaran tradisional *chalk and talk*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Instrumen Pengumpulan Data

3.5.1 Rancangan Pengajaran Harian

Rancangan Pengajaran Harian atau juga dikenali sebagai RPH merupakan alat kajian yang digunakan dalam kajian ini. Objektif sesuatu pengajaran dapat direalisasikan dengan adanya pengaplikasian kaedah dan model pengajaran. Guru perlu bijak memilih model pengajaran yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran bagi memastikan maklumat yang disalurkan kepada murid lebih jelas dan difahami murid. Selain itu, guru juga perlu tahu cara memilih bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan padan dengan konsep yang ingin disampaikan kepada murid.

Dengan adanya perancangan pengajaran yang sistematik dan memenuhi keperluan pengajaran, maka proses pengajaran akan lebih sistematik dan objektif pengajaran dapat dicapai dengan jayanya. Oleh itu, guru perlu memastikan Rancangan Pengajaran Harian lengkap, sistematik dan sesuai dengan murid. Dengan ini, proses pengajaran dan pembelajaran lebih sistematik, efisien dan berkesan.


Dalam kajian ini, pengkaji memilih model ASSURE sebagai reka bentuk pengajaran bagi kumpulan eksperimen dan rancangan pengajaran biasa bagi kumpulan kawalan. Model ASSURE yang telah digubal oleh Heinich (1982) digunakan dalam mereka bentuk pengajaran untuk membantu dalam merancang pemilihan dan penggunaan media secara teratur dan berkesan. Perancangan pengajaran bagi model ASSURE adalah berfokuskan kepada situasi dalam bilik darjah dan mementingkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlakunya proses pembelajaran. Terdapat enam langkah yang terdapat dalam model ASSURE seperti berikut;

.



Rajah 3.4. Langkah-langkah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan Model ASSURE (Heinich, 1982).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menggunakan model ASSURE untuk merancang Rancangan Pengajaran Harian bagi kumpulan eksperimen yang menggunakan pengajaran berbantukan perisian *'Sinding Pimato'*. Manakala bagi kumpulan kawalan, pengkaji hanya menyediakan Rancangan Pengajaran Harian yang biasa sahaja sesuai dengan kaedah pengajaran tradisional, iaitu *Chalk and Talk*.

Pengkaji menyediakan Rancangan Pengajaran Harian selama lapan minggu iaitu sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan bagi kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan. Akhir sekali, Rancangan Pengajaran Harian yang disediakan oleh pengkaji juga disemak oleh Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun bagi meningkatkan kesahan perancangan pengajaran yang disediakan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Perisian Pembelajaran '*Sinding Pimato*'

Perisian pembelajaran ini direka dengan tapak utamanya berkonsepkan papan cerita. Selain itu, perisian ini direka khas untuk mengembangkan beberapa kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid tahun satu bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun.

Antara kemahiran yang difokuskan dalam perisian ini ialah kemahiran mengenal huruf, mengenal bunyi huruf, mengenal sebutan kata, menggabungkan bunyi huruf dan bunyi suku terbuka dan tertutup. Pengkaji telah memilih a, i, o, u sebagai huruf vokal dan b, d, g, h, j, k, l, m, n, p, q, r, s, t, v, w, x, y dan z bagi bunyi konsonan. Selain itu, pengkaji turut memasukkan huruf b, d dan m sebagai huruf tambahan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini kerana didapati murid sering mempunyai masalah semasa menyebut kata bagi huruf ini.

Dalam aspek kesahan kandungan dan perisian perisian ini, pengkaji telah meminta guru mata pelajaran Bahasa Kadazandusun, Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun, pensyarah penyelia, pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI dan pensyarah dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi IPG Kampus Sultan Abdul Halim serta dua orang guru akses komputer sekolah rendah untuk memeriksa dan memastikan kesahan kandungan perisian adalah selaras dengan kehendak kurikulum mata pelajaran Bahasa Kadazandusun tahun satu.

3.5.3 Bahan Bercetak

Bahan bercetak merupakan media pengajaran yang konkrit dan tidak bersifat abstrak. Salah satu kelebihannya ialah boleh disentuh dan dilihat. Maka, bahan bercetak ini dikategorikan sebagai rangsangan luar kepada murid. Rangsangan luar penting untuk meningkatkan pemahaman murid melalui tafsiran maklumat dan kemudiannya diproses dan disimpan dalam stor ingatan. Semakin berkesan rangsangan luar iaitu bahan bercetak yang digunakan untuk mengajar sesuatu perkara, maka semakin lama maklumat tersebut disimpan dalam stor ingatan. Hal ini juga dikenali sebagai ingatan jangka pendek dan jangka panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian, ingatan jangka panjang dapat ditingkatkan dengan adanya pengalaman atau pengetahuan sedia ada murid yang mempunyai perkaitan dengan bahan bercetak dan pengajaran. Terdapat pelbagai bahan bercetak yang boleh digunakan dalam pengajaran seperti buku rujukan, buku teks, majalah, surat khabar, risalah dan banyak lagi (Mook Soon Sang, 2000). Jelas bahawa, bahan bercetak ini membenarkan murid untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu topik pengajaran mengikut tahap kebolehan masing-masing. Bukan itu sahaja, murid juga boleh memahaminya sesuatu konsep dengan lebih mendalam kerana murid boleh menggunakan bahan bercetak tanpa had masa.

Kesimpulannya, bahan bercetak yang diaplikasikan dalam kajian penyelidikan ini adalah seperti kad huruf, kad gambar dan papan tulis. Semua bahan bercetak yang digunakan ini telah diperiksa oleh pensyarah penyelia dan Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun sekolah tersebut. Akhir sekali, semua bahan-bahan ini mengandungi isi pembelajaran yang sama dengan isi pembelajaran yang terdapat dalam perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.4 Set Ujian

Ujian merupakan satu langkah yang teratur dan tersusun yang digunakan untuk membuat pemerhatian terhadap perlakuan seseorang individu dan rekod pemerhatian dihuraikan dalam bentuk skala bernombor atau sistem yang berkategori (Cronbach, 1970). Jelas bahawa, set ujian diperlukan untuk mengukur perubahan-perubahan yang ditunjukkan oleh tingkah laku murid. Hal ini penting untuk mengukur pencapaian murid dan boleh dilaksanakan dalam pelbagai cara seperti ujian bertulis, ujian lisan atau pemerhatian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih ujian Pra dan ujian Pasca sebagai set ujian yang digunakan untuk mengumpulkan data-data sampel kajian.

Kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan akan diuji menggunakan ujian Pra sebelum pengajaran yang pertama dilakukan. Hal ini penting untuk menilai tahap pengetahuan sedia ada murid terhadap kemahiran sebutan membaca. Kemudian, ujian Pasca digunakan untuk menilai pencapaian murid selepas proses pengajaran dan pembelajaran yang berbantukan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* (kumpulan eksperimen) dan kaedah pengajaran *Chalk and Talk* (kumpulan kawalan).

Dengan cara ini, pengkaji dapat mengetahui perbezaan kelakuan murid sebelum dan selepas kajian. Maka itu, pemilihan soalan bagi kedua-dua set ujian Pra dan ujian Pasca adalah sama bagi kedua-dua kumpulan agar perbandingan kemajuan murid dapat direkodkan. Berikut merupakan isi kandungan bagi soalan ujian Pra dan ujian Pasca yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3,

Kandungan Ujian Pra Dan Ujian Pasca

Konstruk	Konstruk Sebutan Membaca	Bilangan Soalan	Markah
1	Keupayaan menyebut Pimato Vokal dan Pimato Konsonan.	4	5
2	Keupayaan menyebut suku kata terbuka.	4	5
3	Keupayaan menyebut perkataan suku kata terbuka.	4	5
4	Keupayaan menyebut suku kata tertutup.	5	5
5	Keupayaan menyebut perkataan yang mengandungi suku kata tertutup.	5	5
6	Keupayaan menyebut perkataan yang mengandungi suku kata tertutup ‘ng’.	5	5
7	Keupayaan menyebut perkataan yang mengandungi vokal bergandingan.	5	5
8	Keupayaan menyebut perkataan yang mengandungi konsonan bergabung.	5	5
9	Keupayaan menyebut perkataan berimbuhan awalan dan akhiran.	5	5
10	Keupayaan menyebut dan membaca ayat pendek.	4	5
	Jumlah	50	50

Bagi menjayakan ujian Pra dan ujian Pasca, pengkaji telah menggunakan instrumen ujian lisan bagi sebutan membaca. Hal ini bersesuaian dengan data yang ingin dikutip, iaitu tahap pencapaian murid tahun satu bagi kemahiran sebutan membaca. Menurut Abdull Sukor Shaari (2012), ujian lisan merupakan instrumen yang paling sinonim dan sesuai untuk mengukur dan menilai tahap kemahiran membaca murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih instrumen ini untuk digunakan dalam ujian Pra dan Pasca untuk mengesan kelemahan dan kekurangan kemahiran membaca murid dalam aspek sebutan membaca bahasa Kadazandusun. Bukan itu sahaja, ujian lisan ini juga dapat membantu pengkaji mengkaji keberkesanan perisian *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pengkaji telah membahagikan instrumen kepada beberapa konstruk ujian lisan sebutan untuk melaksanakan pengesanan tahap peningkatan pencapaian sebutan membaca.

Pengkaji telah mengadaptasikan instrumen yang telah digunakan oleh guru mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dalam literasi membaca Bahasa Kadazandusun tahun satu yang diajar semasa peringkat awal membaca. Kemudian, soalan ujian lisan ini digunakan bagi kedua-dua ujian Pra dan ujian Pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak dinafikan, kesahan soalan ujian adalah penting. Oleh itu, pengkaji telah memilih dua orang guru yang telah mengajar mata pelajaran Bahasa Kadazandusun melebihi tempoh lima tahun untuk menyemak dan memastikan soalan ujian lisan yang digunakan dalam kajian ini sesuai dengan kebolehan murid tahun satu. Tambahan, instrumen tersebut juga telah disemak oleh dua orang pakar dalam Bahasa Kadazandusun dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI. Selain itu, pengkaji turut menyediakan manual pentadbiran ujian lisan sebutan membaca dan skema pemberian markah bagi penguasaan tahap minimum bagi literasi sebutan. Hal ini penting untuk memastikan kajian berjalan dengan sistematik dan mengelakkan kekeliruan. Kesimpulannya, kajian ini menggunakan set ujian yang terdiri daripada ujian Pra dan Pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.5 Protokol Temu Bual

Menurut Merriam (2001), kaedah temu bual membolehkan pengkaji untuk mengumpulkan data dengan tujuan untuk mengetahui dan memahami sesuatu fenomena yang ingin dikaji. Selain itu, kaedah temu bual juga memerlukan pengkaji untuk mengumpulkan maklumat melalui perbualan dengan mendekati responden kajian secara individu atau berkumpulan (Merriam, 2001).

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah temu bual separa berstruktur. Oleh itu, pengkaji telah menyediakan prokotol temu bual untuk kaedah temu bual separa berstruktur. Pengkaji juga telah menggariskan kata kunci bagi setiap soalan yang ingin ditanya oleh pengkaji supaya proses temu bual berjalan dengan lancar. Hal ini selaras dengan cadangan yang dinyatakan oleh Creswell (2008). Berikut merupakan tema-tema soalan temu bual dalam kajian ini,

1. Keberkesanan kaedah pembelajaran *Jolly Phonic* dimodifikasi dalam perisian *'Sinding Pimato'*.
2. Keberkesanan modifikasi *Jolly Phonic* kepada *'Sinding Pimato'* dalam pembelajaran sebutan Bahasa Kadazandusun.
3. Keberkesanan penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* dalam bilik darjah.
4. Penggunaan bahasa dalam kandungan perisian *'Sinding Pimato'*.
5. Keberkesanan penyampaian huruf vokal dan huruf konsonan dalam perisian *'Sinding Pimato'*.
6. Unsur didik hibur dalam *'Sinding Pimato'*.
7. Kandungan eleman multimedia dalam perisian *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Keinteraktifan perisian *'Sinding Pimato'*.
9. Keberkesanan teknik pembelajaran *'Sinding Pimato'* bagi meningkatkan tahap sebutan murid.
10. Penggunaan *'Sinding Pimato'* dapat mengintegrasikan kurikulum Bahasa Kadazandusun dengan kurikulum mata pelajaran lain.

3.6 Kajian Rintis

Gay (2003), menyatakan bahawa kajian rintis perlu dilakukan sebelum sesuatu kajian itu dijalankan kepada beberapa responden yang mewakili kumpulan kajian secara keseluruhan, ini penting untuk mengenal pasti kelemahan dalam reka bentuk. Masalah yang timbul semasa kajian rintis akan dapat dikenal pasti dan diatasi seterusnya akan menjimatkan masa apabila kajian sebenar dilakukan kelak. Fraenkel dan Wallen (2008), turut berkata kajian rintis juga penting untuk menguji instrumen dan prosedur supaya boleh dibaiki sebelum kajian sebenar dijalankan. Ini juga merupakan peluang terbaik kepada penyelidik untuk memperbaiki perancangan dan pengurusan kajian. Kajian rintis juga penting untuk mengukur kesahan luaran (*faca validity*) dan kebolehpercayaan dan ketekalan instrumen kajian yang telah diambil (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002. Dipetik daripada Julita Norjietta Taisin, 2017).

Kajian rintis bagi sesuatu penyelidikan adalah penting untuk memastikan pengkaji dapat memperkemaskan perancangan atau prosedur kajian dari aspek pengumpulan data dan prosedur selanjutnya (Yin, 1989). Menurut Glesne (2011), kajian rintis juga perlu untuk menyemak kesahan intrumen yang digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian selain mengenal pasti halangan dan kekangan yang kemungkinan timbul semasa proses pengumpulan data dilaksanakan. Bukan itu sahaja, kepentingan kajian rintis turut dipertekankan oleh Maxwell (2005) yang menyatakan bahawa kajian rintis perlu untuk menguji idea dan mendapatkan maklumat demografi responden yang dikaji.

Yin (1989) turut menegaskan bahawa aspek konseptual yang terdapat dalam penyelidikan dapat dikaji dan disahkan oleh pengkaji melalui kajian rintis. Hal ini seterusnya memboleh pengkaji untuk menduga implikasi yang berkemungkinan wujud setelah sesuatu penyelidikan dilaksanakan. Bukan itu sahaja, kajian rintis juga sangat penting untuk menilai kesahan item-item yang terdapat dalam soal selidik dan temu bual. Walau bagaimanapun, kajian rintis ini hanya boleh dilakukan kepada sampel yang berkongsikan ciri-ciri yang sama dengan populasi yang ingin dikaji oleh pengkaji. Semasa kajian rintis dijalankan, sampel kajian dipilih dengan pemilihan ciri-ciri subjek yang sama dari aspek umur, latar belakang pendidikan, tahap penguasaan Bahasa Kadazandusun dan sebagainya. Pengkaji telah memilih lima orang responden yang merupakan murid tahun satu dengan tujuan untuk memeriksa dan memastikan laras bahasa dan kandungan set ujian pra dan pasca boleh ditadbir semasa kajian lapangan berlangsung. Berikut merupakan hasil dapatan kajian rintis sebelum dan selepas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4


Peratus pencapaian sebutan membaca sebelum dan selepas murid menjalani rawatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian 'Sinding Pimato'

Responden	**Sebelum**		**Selepas**	
	Markah (%)	Gred	Markah (%)	Gred
1	65%	B	74%	B
2	68%	B	78%	B
3	70%	B	80%	A
4	64%	C	70%	B
5	67%	B	75%	B

Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan terdapat peningkatan peratus sebutan membaca bagi responden satu hingga responden kelima. Hal ini sebagai penanda aras awal kajian bahawa murid-murid tahun satu sesuai dengan perisian pembelajaran ini berserta instrumen ujian pra dan pasca. Justeru, berikut merupakan graf yang menunjukkan peningkatan peratus murid-murid dalam kajian rintis terhadap pencapaian sebutan membaca sebelum dan selepas murid menjalani eksperimen pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.5. Peratus pencapaian sebutan membaca sebelum dan selepas murid menjalani rawatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian *'Sinding Pimato'*

Kajian rintis ini bukan sahaja dapat menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen namun juga membolehkan pengkaji untuk mentadbir sesi ujian dengan lebih sistematik melalui pelarasan masa hasil pengalaman semasa mentadbir ujian untuk kajian rintis. Pengkaji juga boleh mengubah suai soalan ujian yang tidak sesuai atau tidak jelas (Julita Norjietta Taisin, 2017). Namun demikian, pengkaji perlu terlebih dahulu merujuk item tersebut dengan kaedah pengajaran yang berkaitan. Hal ini penting untuk memastikan soalan mudah difahami, jelas, tekal dan dipercayai.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati sampel tampil yakin semasa memberi maklum balas kepada soalan instrumen ujian. Apatah lagi, kesahan kandungan bagi instrumen ini telah disemak oleh guru Bahasa Kadazandusun tahun satu, pensyarah penyelia (Dr. Julita @ Norjietta binti Taisin pakar dalam bidang bahasa), pengesahan pakar (Dr. Minah Sintian yang pakar dalam kurikulum Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kadazandusun dan set ujian serta Puan Ruby yang juga pakar dalam penggunaan kaedah temu bual). Semakan yang dilakukan memfokuskan isi kandungan persediaan mengajar selaras dengan kurikulum bahasa Kadazandusun tahun satu. Aspek laras bahasa, struktur ayat dan ujian lisan yang dilaksanakan turut disemak kesahannya.

Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan, pengkaji telah mendapat maklum balas seperti berikut,

1. Murid memahami isi kandungan soalan ujian lisan pra dan pasca. Responden berupaya membaca dan menjawab dengan jelas setiap soalan (konstruk 1 hingga 10) dan tidak berlaku kekeliruan.
2. Masa yang diperuntukkan untuk setiap murid menduduki ujian lisan pra dan pasca adalah mencukupi dan sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, pengkaji telah memeriksa semula kejelasan bahasa yang digunakan bagi memudah pemahaman murid tahun satu. Selain itu, pengkaji turut meminta saranan penyelia untuk item yang telah diubah selepas kajian rintis dilakukan. Tuntasnya, instrumen kajian ini boleh ditadbir kepada responden atau sampel sebenar bagi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Prosedur Pengumpulan Data

Setiap kajian mempunyai cara dan proses pengendalian yang tersendiri (Julita Norjietta Taisin, 2017). Pengumpulan data bagi kajian ini dijalankan selama lapan minggu. Ujian Pra dan Pasca telah dijalankan sepanjang tempoh lapan minggu ini. Ujian Pra dilaksanakan pada minggu pertama bagi mengukur lima literasi untuk ujian membaca bagi kedua-dua kumpulan, iaitu eksperimen dan kawalan. Literasi pertama ialah keupayaan murid untuk menyebut *Pimato Vokal, Pimato Konsonan Poinsandan* dan, *Pimato Konsonan Nolos*.

Seterusnya ialah keupayaan membunyikan suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Keupayaan murid membaca perkataan yang mempunyai suku kata terbuka merupakan literasi keempat dan diakhiri dengan keupayaan murid untuk membaca perkataan yang suku katanya tertutup. Kesemua literasi ini dinilai setelah perisian *'Sinding Pimato'* telah digunakan sebagai bahan pengajaran agar keberkesanannya dapat diukur.

Pengkaji mentadbir instrumen ini semasa mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dan dilaksanakan secara ujian lisan. Murid dikehendaki duduk bersebelahan dengan pentaksir secara individu atau berkumpulan (kurang daripada tiga orang murid) sesuai dengan tahap kesediaan murid. Murid juga dibenarkan untuk memberi respons secara membaca terus atau mengeja semasa memberi maklum balas terhadap pentaksiran yang dijalankan. Kemudian, pengajaran selama lapan minggu dilaksanakan berdasarkan kumpulan murid masing-masing, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Bagi kumpulan eksperimen, kaedah pengajaran yang digunakan ialah pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbantukan perisian *'Sinding Pimato'*. Seterusnya bagi kumpulan kawalan, pengkaji menggunakan pengajaran tradisional *chalk and talk*. Proses pengajaran ini dilaksanakan selama lapan minggu. Walaupun begitu, mata pelajaran Bahasa Kadazandusun hanyalah dua waktu dalam seminggu. Secara keseluruhannya, pengajaran mata pelajaran Bahasa Kadazandusun bagi satu minggu hanya 60 minit. Jadual 3.5 di bawah memaparkan prosedur bagi kajian ini.

Jadual 3.5

Prosedur Pengumpulan Data

Bil	Prosedur
1	Pengkaji memohon surat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan Februari 2018 dan mendapat surat rasmi kelulusan untuk menjalankan kajian lapangan di Sekolah Kebangsaan Kiawayan Tambunan pada 5 Mac 2018. Seterusnya, pengkaji memohon kelulusan dari pihak sekolah dan telah diluluskan untuk menjalankan kajian selama lapan minggu.
2	Pengkaji mengenal pasti populasi dan sampel bagi kajian ini dengan mendapatkan maklumat murid dan maklumat kurikulum mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dari Sekolah Kebangsaan Kiawayan.
3	Item-item soalan ujian pra dan pasca (ujian lisan) telah mendapat kesahan kandungan dari Guru Panitia Bahasa Kadazandusun dan guru mata pelajaran Bahasa Kadazandusun Tahun Satu. Selain itu, instrumen ini juga telah mendapat kesahan kandungan dari penyelia kajian ini.
4	Kumpulan eksperimen diajar menggunakan kaedah pengajaran berbantukan perisian *'Sinding Pimato'* dan kumpulan kawalan hanya *Chalk and Talk.* Tempoh pengajaran adalah selama lapan minggu berterusan dan dilaksanakan hanya dua waktu dalam seminggu.
5	Ujian pra dijalankan kepada kumpulan eksperimen pada hari pertama dalam minggu pertama sebelum pengajaran dan pembelajaran *'Sinding Pimato'* digunakan dan ujian pasca dijalankan pada minggu kelapan selepas pengajaran dan pembelajaran *'Sinding Pimato'* digunakan secara menyeluruh kepada kumpulan eksperimen. Manakala, Kumpulan Kawalan juga diberikan Ujian Pra dilaksanakan pada minggu pertama dan ujian Pasca dilakukan selepas pengajaran dan pembelajaran dijalankan pada minggu kelapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual prosedur di atas, penyelidik telah mengolah jadual langkah-langkah pelaksanaan pengumpulan data di sekolah kajian. Jadual 3.6 di bawah adalah jadual langkah-langkah yang telah digunakan untuk kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan selama lapan minggu.

Jadual 3.6

Langkah-Langkah Pelaksanaan Pengumpulan Data Kajian Lapangan

Pemerhatian awal (Ujian Bulan Mac)				
Minggu 1-2				
Hari	**Masa**	**Perkara**	**Kumpulan Eksperimen**	**Kumpulan Kawalan**
Isnin	7 pagi	Pengkaji datang ke sekolah (hari pertama) dan bertemu dengan para pentadbir sekolah dan berbincang tentang waktu mengajar untuk mengutip data kajian lapangan.	Sesi pengenalan	Sesi pengenalan
	8.30 pagi-9.30 pagi	Ujian Pra	✓	
	10.30 pagi-11.30 pagi	Ujian Pra		✓
Selasa	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	
	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rabu	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓
	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	

Minggu 3-4

Hari	Masa	Perkara	Kumpulan Eksperimen	Kumpulan Kawalan
Selasa	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	
	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓
Rabu	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓
	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minggu 5-6

Hari	Masa	Perkara	Kumpulan Eksperimen	Kumpulan Kawalan
Selasa	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	
	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓
Rabu	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓
	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	

Minggu 7-8

Hari	Masa	Perkara	Kumpulan Eksperimen	Kumpulan Kawalan
Selasa	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	
	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓
Rabu	8.30 pagi-9.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan pendekatan pengajaran tradisional 'Chalk and Talk'.		✓

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	10.30 pagi-11.30 pagi	Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan pengajaran *'Sinding Pimato'*.	✓	
Khamis	8.30 pagi-9.30 pagi	Ujian Pasca	✓	
	10.30 pagi-11.30 pagi	Ujian Pasca		✓

Bagi memastikan prosedur pengumpulan data dilaksanakan sacara teratur dan sistematik, pengkaji telah menggunakan Carta Gantt yang dipelopori oleh Hendry L. yang menyatakan Carta Gantt perlu digunakan untuk memastikan jadual tugasan memaparkan perincian bidang tugas yang perlu dilaksanakan sebelum tarikh akhir perlaksanaan tamat. Menurut Chuck Williams (2010), Carta Gantt ini telah digunakan sejak tahun 1901. Maka jelas bahawa Carta Gantt adalah perlu digunakan sebagai panduan kepada pengkaji semasa melaksanakan prosedur pengumpulan data. Carta Gantt bagi kajian ini boleh dilihat di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Carta Gantt Kajian

Carta Gantt Penyelidikan Kesan Penggunaan *'Sinding Pimato'* Terhadap Pencapaian Aspek Sebutan Bahasa Kadazandusun Murid Tahun Satu.

Tahun	**2017**				**2018**												**2019**	
Bulan	**9**	**10**	**11**	**12**	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**1**	**2**	**3**
Perkara																			
Proposal kajian	■	■																	
Bab 1 Pengenalan		■	■																
Bab 2 Tinjauan Literatur			■	■															
Bab 3 Metodologi Kajian				■	■														
Pembentangan Proposal						■													
Kajian Lapangan							■	■											
Bab 4 Dapatan Kajian								■	■										
Bab 5 Perbincangan dan Kesimpulan									■	■									
Pembentangan Dapatan Kajian										■	■								
Menghantar Tesis Penuh											■	■	■						
VIVA														■					
Penjilidan Kajian																		■	■

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kaedah Dan Teknik Menganalisis Data

Semua data yang diperolehi untuk mencapai objektif satu dan objektif kedua daripada ujian sebutan membaca adalah berbentuk kuantitatif. Data-data ini dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan *The Statistical Package For The Social Science* atau SPSS. Untuk melihat tahap pencapaian sebutan membaca murid-murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca pada objektif pertama, analisis deskriptif kekerapan digunakan.

Analisis deskriptif melibatkan usaha mengorganisasikan atau meringkaskan data yang diperolehi daripada pemprosesan data. Penyajian data deskriptif pula dilakukan dalam bentuk peratusan, jadual, kekerapan, gambar rajah atau seumpamanya. Manakala, bagi objektif kedua pula akan dianalisis secara inferensi yang menggunakan ujian *t* untuk melihat perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian sebelum dan selepas murid didedahkan kepada *'Sinding Pimato'*.

Statistik inferensi ujian *t* sampel tak bersandar dan ujian *t* sampel berpasangan digunakan untuk membandingkan tahap min pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pasca kemahiran asas membaca bagi kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan. Aras kesignifikanan untuk kesemua ujian ini ialah 0.05.

Manakala, bagi objektif ketiga pula dijelaskan dengan kaedah temu bual yang berbentuk kualitatif. Teknik menganalisis data temu bual telah dilaksanakan menggunakan teknik analisis tematik. Menurut Heriyanto (2018), analisis tematik merupakan salah satu cara untuk menganalisa data dengan tujuan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengidentifikasi pola atau untuk menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji (Braun & Clarke, 2006). Cara ini merupakan kaedah yang sangat efektif apabila suatu penyelidikan berhasrat untuk mengupas secara terperinci data-data kualitatif yang telah ditemukan dalam kajian dan untuk menjelaskan sejauhmana kesan yang berlaku dalam suatu kajian (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Holoway & Todres (2003) turut mengatakan bahawa analisis tematik ini merupakan dasar atau panduan untuk kepentingan menganalisa dalam penelitian kualitatif.

Heriyanto (2018), berkata terdapat beberapa kaedah yang dapat digunakan dalam penelitian kualitatif dan analisis tematik ini sangat penting untuk dipelajari kerana dianggap sebagai *core skills* atau pengetahuan dasar untuk membuat analisis dalam kajian kualitatif. Selain itu, salah satu generic skills dalam kaedah analisis tematik ialah pengidentifikasian tema yang akan menjadi ciri khusus dalam suatu analisis kualitatif (Holloway & Todres, 2003).

Tahap-tahap dalam melakukan analisis data secara tematik lebih kurang sama dengan teknik analisis data kualitatif yang lain, iaitu tahap yang pertama ialah memahami data yang diperolehi selepas temu bual separa struktur dijalankan. Justeru, dalam kaedah analisis tematik pengkaji perlu ‘mengenal lebih mendalam’ data yang telah ada sebelum melakukan tahap seterusnya. Berikut merupakan tahap-tahap yang diperlukan untuk menganalisis data temu bual secara analisis tematik Heriyanto (2018),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Memahami Data

    - Dalam tahap pertama menganalisis secara tematik, pengkaji perlu membaca transkrip dan menyatukan data temu bual yang diperolehi secara terperinci.
    - Pengkaji harus membuat catatan isi penting semasa mendengar rakaman temu bual berkenaan agar semua maklumat yang diingini jelas dan difahami sepenuhnya.

2. Menyusun Kod

    - Bagi tahap kedua, pengkaji mula membuat kod *(coding)* yang boleh diibaratkan sebagai label dalam data yang berkait dengan soalan pengkaji.
    - Pada tahap ini, pengkaji berkuasa sepenuhnya untuk menentukan kod-kod dalam transkripsi data temu bual yang diperolehi.
    - Kod boleh dibuat secara semantik (menggambarkan keseluruhan data).
    - Kaedah pengkodan ini juga dikenali sebagai kod *in vivo* dalam perisian Atlas.ti.
    - Kod juga dapat dibuat berdasarkan makna yang terkandung dalam data temu bual.
    - Kod perlu jelas, ringkas dan mudah difahami.

3. Menentukan Tema

    - Tahap terakhir pengkaji perlu merujuk kod-kod yang telah dibuat bagi mencari tema yang sesuai dengan objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Pengkaji bebas untuk menginterprestasikan data temu bual bagi menentukan tema yang berupaya meliterasikan maklumat untuk memenuhi objektif kajian.

Selanjutnya, analisis tematik adalah kaedah yang unggul untuk menganalisis data temu bual separa struktur (Heriyanto, 2018). Teknik penganalisisan data ini sangat tepat dilakukan apabila suatu kajian bertujuan untuk menghurai suatu fenomena. Justeru, secara khusus analisis tematik berupaya untuk mengeluarkan pola dalam sebuah peristiwa yang menjadi objek penyelidikan. Oleh itu, berikut merupakan jadual kaedah menganalisis data bagi kajian penyeldidikan ini,

Jadual 3.8

Kaedah Menganalisis Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	***Soalan Kajian***	***Reka bentuk kajian***	***Kaedah Menganalisis***
1	Mengenal pasti peratus pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas guru menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran.	Kuantitatif	Analisis Deskriptif
2	Menjelaskan perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran.	Kuantitatif	Analisis Inferensi Ujian *t*
3	Menjelaskan kesan *'Sinding Pimato'* terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di dalam bilik darjah.	Kualitatif	Analisis Tematik *(coading)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian yang telah digunakan di dalam kajian ini. Dua kaedah kajian dikemukakan iaitu kajian berbentuk kuantitatif dan kajian berbentuk kualitatif. Secara dasarnya, kajian kaedah campuran adalah untuk saling menguatkan hujah antara keduanya. Adakala, penyelidikan kuantitatif tidak mampu menyampaikan secara terperinci berkenaan persekitaran yang dikaji. Begitulah juga penyelidikan kualitatif, ianya tidak mampu menerangkan secara generalisasi berkenaan isu yang dibangkitkan.

Gabungan kedua-dua kaedah ini mampu menerangkan secara terperinci masalah kajian dan dalam masa yang sama mampu mengeneralisasikan isu yang dikaji. Justeru, kajian berbentuk kuantitatif telah dilakukan kepada 30 orang murid tahun satu bertujuan untuk mengkaji peratus pencapaian sebutan murid-murid dan mengkaji perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian sebelum dan selepas murid didedahkan kepada *'Sinding Pimato'*.

Manakala kajian berbentuk kualitatif telah dilakukan kepada 5 orang guru Bahasa Kadazandusun yang mengajar di sekolah tersebut yang bertujuan untuk mengkaji pendapat mereka tentang kesesuaian dan keberkesanaan permodifikasian *Jolly Phonic* kepada bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'*. Konklusinya, dapatan kajian akan menyokong dapatan kajian kuantitatif mahupun kualitatif. Sehubungan dengan itu, analisis dapatan kajian akan dibincangkan di dalam bab empat dan bab lima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini memberi fokus terhadap huraian yang dibuat secara terperinci mengenai dapatan kajian. Data diperoleh melalui dua sumber iaitu ujian pra dan pasca dan temu bual. Seramai 30 orang murid terlibat dalam ujian dan lima orang guru Bahasa Kadazandusun terlibat dalam temu bual separa struktur. Dalam bab ini juga, pengkaji membentangkan semua dapatan kajian yang dilaksanakan terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Analisis ini berdasarkan kepada markah ujian murid yang telah dijalankan.

Kajian ini melibatkan dua buah kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan ini ditempatkan pada kelas yang berlainan. Kumpulan eksperimen didedahkan kepada pengajaran menggunakan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*, manakala kumpulan kawalan tidak diberi sebarang rawatan. Ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pra diberikan untuk melihat kebolehan mereka sebelum proses rawatan diketengahkan. Proses rawatan untuk kumpulan eksperimen memakan masa selama lapan minggu dengan menggunakan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*. Selepas tamat tempoh rawatan, ujian pasca diberikan untuk melihat keberkesanan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*.

Penganalisisan ini bertujuan untuk melihat perbezaan pencapaian murid dengan menggunakan dua kaedah pembelajaran yang berbeza serta mempengaruhi kesesuaian modifikasi *Jolly Phonic* kepada *'Sinding Pimato'* untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Sampel kajian ini terdiri daripada murid-murid tahun satu seramai 30 orang yang terdiri dari sebuah sekolah di negeri Sabah, iaitu Kelas 1 Zuhal (Kumpulan Eksperimen – 15 orang) dan Kelas 1 Marikh (Kumpulan Kawalan – 15 orang).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menggunakan prosedur persampelan bertujuan dalam kajian ini untuk mendapatkan kumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu mengikut kehendak penyelidik. Responden-responden telah diberi set ujian pra dan ujian pasca (sebutan membaca) serta set temu bual kepada lima orang guru Bahasa Kadazandusun menerusi kajian lapangan dalam kawasan kajian. Dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu analisis latar belakang respondan, analisis ujian pra (ujian lisan-sebutan membaca) dan analisis ujian pasca (ujian lisan-sebutan membaca), serta analisis temu bual guru-guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini dibincangkan menurut susunan objektif kajian, iaitu;

1. Mengenal pasti peratus pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas guru menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Menjelaskan perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Menjelaskan kesan *'Sinding Pimato'* terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di dalam bilik darjah.

Setiap objektif dikemukakan mengikut langkah-langkah berikut, iaitu analisis serta dapatan data, rumusan dan perbincangan. Kajian ini menggunakan dua jenis statistik ketika menganalisis data, iaitu bagi objektif pertama menggunakan statistik deskriptif dan objektif kedua menggunakan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data yang berkaitan dengan markah peratus pencapaian sebutan membaca murid dalam Bahasa Kadazandusun dalam bentuk peratusan (%) dan frekuensi (f), min dan sisihan piawai.

Statistik Inferensi pula dianalisis menggunakan ujian *t* untuk melihat perbezaan skor min dan sisihan piawai bagi pencapaian sebelum dan selepas murid didedahkan kepada rawatan. Bagi objektif ketiga pula, data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan atau menjawab setiap persoalan kajian yang telah diutarakan sebelum ini. Dapatan kajian menunjukkan kajian ini mencapai matlamat dalam melihat keberkesanan permodifikasian *Jolly Phonic* kepada *'Sinding Pimato'* untuk meningkatkan tahap pencapaian sebutan membaca murid-murid tahun satu.

4.2 Maklumat Latar Belakang Responden

Keningau, Sabah. Beliau pernah mengikuti kursus komputer sebelum melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Keningau dan pernah menghadiri Kursus Kurikulum Bahasa Kadazandusun pada bulan Julai 2016. Beliau telah menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* ini selama dua minggu untuk diri sendiri dan telah menggunakan perisian ini sebanyak dua kali dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun (Induksi Set) bagi murid tahun 2.

Responden temu bual 4

Tarikh: Mei 2018

Tempat: Pejabat AM

Tempoh: 1 jam 35 minit

Responden 4 berusia 35 tahun berasal dari dearah Ranau, Sabah. Beliau berpengalaman mengajar Bahasa Kadazandusun selama 2 tahun dan pengalaman menggunakan komputer selama 11 tahun dan berkelulusan dari Universiti Malaysia Sabah dalam bidang Pendidikan Jasmani. Beliau juga telah menyertai beberapa bengkel dan kursus kurikulum Bahasa Kadazandusun di Pejabat Pendidikan Daerah Tambunan yang telah dianjurkan oleh Unit *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+). Beliau telah menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* ini selama dua minggu untuk diri sendiri dan telah menggunakan perisian ini sebanyak tiga kali dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun (Induksi Set) bagi murid tahun 3 .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden temu bual 5

Tarikh: Mei 2018

Tempat: Bilik Pemulihan

Tempoh: 1 jam 30 minit

Responden 5 berusia 26 tahun berasal dari Penampang, Sabah. Beliau berpengalaman mengajar Bahasa Kadazandusun selama 5 bulan dan mempunyai pengalaman menggunakan komputer selama l8 tahun. Tempat pengajian beliau ialah Institusi Pendidikan Guru (IPG) Kent Tuaran, Sabah dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Beliau juga ada menyertai beberapa bengkel dan kursus kurikulum Bahasa Kadazandusun di Pejabat Pendidikan Daerah Tambunan bersama responden 4 yang telah dianjurkan oleh Unit *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+). Beliau telah menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* ini selama dua minggu untuk diri sendiri dan telah menggunakan perisian ini sebanyak tiga kali dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun (Induksi set) bagi murid tahun 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.3 Analisis Temu Bual Keberkesanan Penggunaan Bahan Pembelajaran Perisian *'Sinding Pimato'*.

Dalam bahagian ini, kelima-lima responden telah memberikan pandangan terhadap keberkesanan modifikasi *Jolly Phonic* kepada perisian *'Sinding Pimato'*. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa responden 1 mendapati kaedah *Jolly Phonic* membawa impak yang berguna dalam pengajaran dan pembelajaran bahan pembelajaran perisian *'Sinding Pimato'*. Responden 1 ini merupakan Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru berpengalaman di sekolah ini. Responden ini juga telah menggunakan perisian ini selama dua minggu di sekolah untuk mengajar kelas tahun 6. Berdasarkan pengajarannya, beliau turut menyatakan bahawa Bahasa Kadazandusun memerlukan bahan-bahan pembelajaran seperti ini untuk memudahkan guru-guru mengajar murid dalam bilik darjah. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1:

"..selepas saya menggunakan perisian Sinding Pimato ini, saya sedar bahawa Bahasa Kadazandusun ini memerlukan perisian-perisian baharu seperti ini untuk memudahkan warga guru-guru Bahasa Kadazandusun mendidik anak-anak yang berbangsa Dusun dalam bilik darjah." (Responden 1)

Menurut responden 1 juga, modifikasi ini sangat penting supaya Bahasa Kadazandusun dapat bergerak seiringan dengan bahasa-bahasa lain yang diajar di sekolah kebangsaan mahupun sekolah jenis kebangsaan. Hal ini kerana, setelah lebih 20 tahun Bahasa Kadazandusun diajarkan di sekolah rendah masih terdapat banyak kekurangan dari aspek bahan bantu mengajar. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1:

"...modifikasi Jolly Phonic ini sangat penting untuk Bahasa Kadazandusun. Sebabnya ini akan membuka mata guru-guru Bahasa Kadazandusun untuk menghasilkan bahan pembelajaran yang inovatif untuk kegunaan pengajaran dalam bilik darjah.." (Responden 1)

Menurut responden 2, modifikasi kaedah pengajaran Bahasa Inggeris iaitu Jolly Phonic ini berkesan untuk dimodifikasi dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Beliau berkata,

"..kaedah pembelajaran Jolly Phonic ini banyak diaplikasikan dalam bahasa Inggeris dan keberkesanannya jelas. Ia amat berkesan dan sesuai untuk diadaptasi dalam Bahasa Kadazandusun.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini kerana, beliau juga menggunakan kaedah pengajaran ini untuk mengajar Bahasa Melayu tetapi tidak pernah menggunakan dalam Bahasa Kadazandusun. Setelah penyelidik datang ke sekolah ini, dan beliau mengetahui tentang penghasilan perisian ini, dia berasa sangat teruja. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 2:

"..bagi saya, 'Sinding Pimato' yang dihasilkan ini sangat bermanfaat dan berkesan untuk Bahasa Kadazandusun selaras dengan kemajuan TMK dalam pendidikan.."

Responden 3 seorang guru major dalam mata pelajaran Matematik, namun sudah mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Kadazandusun selama 3 tahun memberi pandangan bahawa permodifikasian *Jolly Phonic* ini kepada *'Sinding Pimato'* adalah idea yang bernas dan akan membawa kesan dan manfaat yang efektif kepada generasi bangsa Kadazandusun. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 3:

"..Idea untuk memodifikasikan Jolly Phonic kepada bahan pembelajaran Bahasa Kadazandusun adalah idea yang sangat berguna untuk bangsa Kadazandusun pengajaran dan pembelajaran.."

Menurut responden 4, modifikasi yang sebeginilah diperlukan untuk meningkatkan keberhasilan murid-murid yang mempelajari Bahasa Kadazandusun. Beliau berkata demikian kerana beliau sempat menggunakan perisian ini untuk melihat isi-isi kandungannya. Isi kandungan tersebut mengandungi maklumat untuk mendedahkan murid cara menyebut perkataan dalam Bahasa Kadazandusun. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..berdasarkan penggunaan saya terhadap perisian 'Sinding Pimato' ini, saya berasa permodifikasian Jolly Phonic amat berkesan untuk kegunaan dalam Bahasa Kadazandusun..ia juga sangat berfaedah terutama untuk membantu murid meningkatkan sebutan Bahasa Kadazandusun.."

Bagi responden 5, permodifikasian *Jolly Phonic* kepada *'Sinding Pimato'* berkesan dan sesuai. Hal ini kerana menurut beliau *Jolly Phonic* adalah kaedah pembelajaran yang berjaya dan jelas keberkesanannya dalam Bahasa Inggeris. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responen 5:

"..Jolly Phonic ini adalah suatu kaedah pembelajaran yang berkesam untuk digunakan bagi mengajar kanak-kanak dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, permodifikasian kaedah ini kepada 'Sinding Pimato' bagi Bahasa Kadazandusun juga akan membawa kesan yang baik kepada kanak-kanak dari segi pembelajaran.."

Berdasarkan soalan temu bual yang pertama, iaitu keberkesanan kaedah pembelajaran *Jolly Phonic* dimodifikasi dalam perisian *'Sinding Pimato'*., berikut merupakan analisis yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Analisis Temu Bual Keberkesanan Kaedah Pembelajaran *Jolly Phonic* Dimodifikasi Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.4 Keberkesanan Modifikasi *Jolly Phonic* Kepada *'Sinding Pimato'* Dalam Pembelajaran Sebutan Bahasa Kadazandusun.

Bagi soalan temu bual yang kedua ini, para responden telah memberikan pendapat tentang keberkesanan modifikasi *Jolly Phonic* kepada *'Sinding Pimato'* dalam pembelajaran sebutan Bahasa Kadazandusun. Soalan kedua ini bertujuan untuk mendapatkan respon para responden tentang keberkesanan pembelajaran sebutan dalam perisian *'Sinding Pimato'* hasil permodifikasian daripada *Jolly Phonic*. Hasil daripada analisis temu bual bersama responden 1 menyatakan bahawa ,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..perisian 'Sinding Pimato' berkesan untuk digunakan bagi membantu meningkatkan sebutan murid-murid tahun 1 kerana perisian ini mengandungi cara menyebut sesuatu huruf dan perkataan.."

Responden 1 ini memberikan pendapat sedemikian kerana beliau juga telah mencuba menggunakan perisian ini untuk kelasnya semasa penyelidik melakukan kajian lapangan. Responden pertama ini adalah guru berpengalaman dalam mata pelajaran bahasa, maka penilaiannya ini dipengaruhi oleh majornya dalam bidang bahasa. Justeru, pendapatnya ini menunjukkan perisian *'Sinding Pimato'* ini sesuai untuk pengajaran sebutan Bahasa Kadazandusun. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1:

"..saya sudah 10 tahun ajar Bahasa Kadazandusun ni, tapi asyik mengajar budak tahun satu sebut huruf tulis di papan putih saja, sekarang sudah ada ini perisian jadi bolehlah... bagus ni, boleh ajar murid sebutan yang betul dengan 'Sinding Pimato'.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi responden 2 pula, beliau berkata, *"..Bahasa Kadazandusun adalah bahasa yang agak sukar untuk murid tahun 1.."*. Beliau berkata sedemikian kerana Bahasa Kadazandusun ini bagaikan bahasa asing bagi mereka kerana semua murid-murid tahun satu tidak didedahkan dengan bahasa ini di rumah. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 2:

"..saya hairan.. murid-murid tahun 1 ni susah betul mahu belajar bercakap Bahasa Dusun.. dorang mahu sebut pun susah.. macam lah bahasa ni bahasa asing.. padahal ini bahasa dorang bah..".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut responden 2 ini, pemodifikasian *Jolly Phonic* kepada *'Sinding Pimato'* untuk mengajar sebutan amat efektif. Murid-murid boleh belajar menyebut dengan sebutan yang tepat dari segi jeda, panjang pendek, tekanan dan intonasi. Berikut juga antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 2,

"..jadi, saya dapati perisian 'Sinding Pimato' ini berupaya membantu mereka untuk mempelajari sebutan yang tepat.tepat dari aspek intonasi, jeda, tekanan dan panjang-pendek suatu sebutan huruf atau perkataam."

Responden 3 juga berpendapat untuk menguasai sebutan membaca, murid-murid haruslah didedahkan dengan asas sebutan membaca yang betul. Asas sebutan membaca yang betul ada terkandung dalam perisian *'Sinding Pimato'* ini, contohnya, cara menyebut suatu perkataan dalam Bahasa Kadazandusun, membantu murid untuk memahami penggunaan panjang dan pendek sebutan suatu kata agar tidak berlaku kesalahan sebutan kerana jika tersalah, perkataan yang disebut itu boleh membawa maksud yang berbeza. Berikut juga antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 3,

..Bagi saya 'Sinding Pimato' ini sangat berkesan untuk Bahasa Kadazandusun, terutamanya untuk membantu murid-murid belajar asas sebutan yang tepat seperti asas sebutan membaca dalam aspek panjang pendek suatu sebutan.

Responden 4 berkata, terdapat perkataan yang sukar untuk disebut oleh murid-murid dan memerlukan bimbingan. Beliau juga berkata, modifikasi *'Sinding Pimato'* ini sangat berkesan untuk mengajar murid dalam aspek sebutan kerana mempunyai audio yang berupaya membimbing murid-murid untuk menyebut perkataan yang sukar. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

".. berkesan dan sesuai bah idea modifikasi yang cikgu buat ni, ada audio.. melalui audio murid boleh belajar menyebut perkataan yang sukar disebut..contohnya paparan gambar huruf diiringi dengan audio bunyi huruf yang terdapat dalam 'Sinding Pimato' ini boleh membantu murid Bahasa Kadazandusun menguasi asas sebutan yang betul.."


Menurut responden 5, melatih murid-murid tahun 1 untuk membaca secara mekanis perlu dilakukan agar mereka terlatih untuk membaca dengan sebutan yang betul. Membaca secara mekanis bermaksud membaca dengan bacaan bersuara. Menurutnya lagi, modifikasi *'Sinding Pimato'* ini berkesan untuk pembelajaran sebutan membaca kerana dalam perisian ini mempunyai bahagian latih tubi. Menurutnya lagi, modifikasi yang dilakukan ini sesuai untuk pembelajaran sebutan. Responden 5 berkata,

"..wah, ada bahagian 'minluda' (latih tubi) dalam perisian yang cikgu Bella buat ni.. ini berkesan untuk melatih budak-budak tahun 1 untuk belajar membaca dengan sebutan yang betul... Jolly Phonic itu sangat berkesan dimodifikasikan kepada 'Sinding Pimato' untuk membantu pengajaran dan pembelajaran sebutan Bahasa Kadazandusun ya.."

Berdasarkan soalan temu bual yang kedua, berikut merupakan analisis yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.8. Analisis Temu Bual Keberkesanan Modifikasi *Jolly Phonic* Kepada *'Sinding Pimato'* Dalam Pembelajaran Sebutan Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.5 Keberkesanan Penggunaan Perisian *'Sinding Pimato'* Dalam Bilik Darjah.

Perkembangan pesat dalam bidang teknologi terutama Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) membawa banyak perubahan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Soalan ketiga dalam penyelidikan ini tentang keberkesanan penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* dalam bilik darjah. Responden 1 berkata, era ini guru perlu mengamalkan Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK21) dalam pengajaran dan pembelajaran. Salah satu aspek PAK21 adalah melakukan aktiviti nyanyian dan pergerakan kreatif. Menurut beliau, *'Sinding Pimato'* ini mengandungi aktiviti nyanyian dan terdapat ajaran pergerakan kreatif. Ini memudahkan guru untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan PAK21 sewaktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Beliau berkata,

"..bila sy tengo perisian ni, saya rasa siok bah guna ini dalam pengajaran saya, sebab nda susah-susah lagi mau fikir aktiviti PAK 21.. bahan pembelajaran perisian 'Sinding Pimato' ini berkesan bah digunakan dalam bilik darjah kerana terdapat unsur-unsur PAK 21 iaitu nyanyian dan pergerakan kreatif.."

Responden 2 pula berpendapat, perisian ini berkesan digunakan dalam bilik darjah untuk mengelakkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang membosankan. Malah, berupaya membantu guru untuk mewujudkan suasana bilik darjah yang menarik contohnya, aktiviti permainan *'spelling bee'* dalam perisian ini boleh menggalakkan lagi penglibatan murid dalam pembelajaran. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 2,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..apabila saya cek perisian ini saya dapati 'Sinding Pimato' ini sangat berkesan digunakan dalam bilik darjah kerana perisian ini mengandungi permainan spelling bee, ia dapat mewujudkan sesi PdP yang menarik dan tidak membosankan murid.."

Responden 3 telah memberikan jawapan yang berkaitan dengan kognitif murid. Menurutnya, cara sebutan sesorang murid sukar untuk diukur, namun sebutan murid dapat dilihat melalui perkembangan kognitif bahasa murid. Melalui perkembangan ini, murid-murid dapat merangsang pemikiran kognitif yang aktif dalam pembelajaran sebutan. Tambahan, beliau turut berkata, *'Sinding Pimato'* ini berkesan untuk digunakan dalam bilik darjah kerana inilah yang akan membantu perkembangan kognitif bahasa mereka. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 3,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..seseorang guru harus berusaha mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang aktif dalam bilik darjah barulah murid-murid suka mengambil bahagian untuk belajar.. perisian 'Sinding Pimato' ini berkesan digunakan dalam bilik darjah untuk membantu guru merangsang pemikiran kognitif murid agar lebih aktif.

Responden 4 menyatakan bahawa, beliau selalu mengalami sesi penyampaian pengajaran yang suram, katanya, dia sukar untuk mewujudkan suasana pembelajaran dalam bilik darjah yang kondusif dan menarik minat murid untuk belajar. Hal ini kerana, beliau merupakan seorang guru major Pendidikan Jasmani dan sudah terbiasa dengan sesi pengajaran dan pembelajaran luar bilik darjah. Baginya, untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun agar sukar. Beliau berkata, *'Sinding Pimato'* ini sangat berkesan untuk digunakan dalam bilik darjah kerana perisian ini boleh membantunya mewujudkan bilik darjah yang kondusif dan menarik minat murid untuk belajar terutamanya untuk belajar sebutan membaca. Katanya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..saya sudah terbiasa bah buat pengajaran di luar bilik darjah.. saya kan major PJ, jadi sukar untuk saya mengajar bahasa ni.. tapi bila saya lihat perisian 'Sinding Pimato' ini saya pasti ia berkesan untuk saya gunakan dalam bilik darjah supaya lebih kondusif dan menarik minat murid untuk belajar, terutama aspek sebutan.. ia boleh membantu saya, kerana saya baru 3 tahun mengajar Bahasa Kadazandusun, masih kurang pengalaman.."

Akhir sekali, jawapan yang diberikan oleh Responden 5 hampir sependapat dengan responden 3. Responden 5 berkata, *"..perisian ini sangat berkesan kerana 'Sinding Pimato' boleh membantu guru menjalankan sesi PdP dalam bilik darjah dengan lebih aktif dengan adanya games dalam perisian ini.."*. Berdasarkan soalan temu bual yang ketiga, berikut merupakan analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.9. Analisis Temu Bual Keberkesanan Penggunaan Perisian *'Sinding Pimato'* Dalam Bilik Darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.6 Penggunaan Bahasa Dalam Kandungan Perisian *'Sinding Pimato'*.

Soalan temu bual yang keempat adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa yang terdapat dalam perisian bahan pembelajaran *'Sinding Pimato'*. Menurut responden 1, penggunaan bahasa dalam *'Sinding Pimato'* mudah difahami oleh murid. Hal ini kerana, menurutnya aras bahasa dalam *'Sinding Pimato'* ini selaras dengan tahap pembelajaran murid-murid tahun satu. Beliau berkata,

".. saya sudah 10 tahun mengajar Bahasa Kadazandusun, saya pegang kelas tahun 1 dan tahun 6. Saya dapati 'Sinding Pimato' ini menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh murid-murid tahun 1 kerana bahasa yang digunakan selaras dengan tahap umur mereka.."

Bagi responden 2 pula, beliau juga berkata bahawa bahasa dalam setiap item *'Sinding Pimato'* mudah difahami kerana bahasa tersebut bersesuaian dengan tahap pemikiran kanak-kanak. Setiap murid mempunyai keupayaan pemikiran yang berbeza-beza mengikut tahap pemikiran kognitif mereka. Oleh itu, penyelerasan penggunaan bahasa harusalah selari dengan tahap murid agar mereka boleh memahami suatu pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 2,

"..setiap murid yang berada dalam bilik darjah mempunyai tahap kognitif bahasa yang berbeza.. oleh itu, guru perlu selaraskan penggunaan bahasa supaya semua murid faham ilmu yang cuba disampaikan oleh guru.. pada pendapat saya penggunaan bahasa dalam setiap item perisian SP mudah difahami kerana ia bersesuaian dengan pemikiran murid.. contohnya, ayat-ayat pendek dalam lirik lagu mudah untuk difahami.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden 3 berkata, seseorang guru perlu menyampaikan penggunaan bahasa yang tepat agar murid-murid mudah menguasai cara penggunaan sesuatu perkataan. Menurutnya, penggunaan Bahasa Kadazandusun dalam perisian ini tepat dan perisian ini akan memberikan pendedahan awal cara menggunakan bahasa dengan betul. Beliau berkata,

"..guru perlu mengajar cara penggunaan bahasa yang betul.. Bahasa Kadazandusun yang digunakan dalam perisian ini akan mendedahkan cara penggunaan bahasa yang tepat kepada murid-murid.."

Responden 4 menyatakan bahawa penggunaan bahasa dalam *'Sinding Pimato'* ini sangat gramatis. Beliau menilai kegramatisan bahasa melalui susunan lirik lagu yang terkandung dalam perisian ini. Penggunaan bahasa yang gramatis perlu diutamakan dalam pembinaan ayat. Ayat yang gramatis akan memudahkan pemahaman seseorang murid. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4,


"..pada pendapat saya..penggunaan bahasa dalam 'Sinding Pimato' sangat gramatis. Contohnya dalam susunan lirik lagu yang dinyanyikan oleh murid..bahasa yang gramatis akan memudahkan murid untuk memahami mesej yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut.."

Hasil perbualan bersama responden 5 pula, beliau juga berkata bahasa yang digunakan dalam *'Sinding Pimato'* adalah praktikal. Bahasa yang digunakan berupaya membantu guru untuk menyampaikan pengajaran yang mudah difahami dan guru juga dapat meningkatkan penakulan bahasa murid-murid. Contohnya, susunan bahasa dalam lirik lagu sangat praktikal dan mudah diterangkan oleh guru. Beliau berkata, *"..bahasa yang terkandung dalam SP sangat praktikal. Maksud saya, susunan bahasa dalam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perisian ini mudah untuk difahami oleh murid dan membantu guru meningkatkan penakulan bahasa..". Kesimpulannya, berikut merupakan rajah analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden bagi soalan 4,



Rajah 4.10. Analisis Temu Bual Penggunaan Bahasa Dalam Kandungan Perisian *'Sinding Pimato'.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.7 Keberkesanan Penyampaian Huruf Abjad Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.

Soalan temu bual yang kelima ini berkaitan dengan keberkesanan penyampaian huruf-huruf dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Keberkesanan pemaparan grafik huruf vokal dan huruf konsonan sangat penting untuk memastikan perisian ini dapat menarik minat murid untuk mempelajari asas Bahasa Kadazandusun. Menurut responden 1, paparan huruf-huruf yang menarik dan diiringi dengan audio bunyi sebutan vokal dapat menarik minat murid untuk belajar. Contohnya, grafik huruf vokal yang cantik dalam perisian ini membuatkan seseorang murid lebih fokus dengan penyampaian pengajaran guru. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1,

"..Pada pandangan saya, huruf-huruf vokal dalam perisian dipaparkan dengan menarik diiringi dengan audio bunyi vokal tersebut. Murid sangat suka dan akan lebih fokus semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung..."

Melalui temu bual bersama responden 2, beliau berkata agak sukar untuk menarik perhatian murid untuk belajar. Guru perlu menggunakan sesuatu benda untuk menarik perhatian murid. Menurutnya, penyampaian huruf vokal dan konsonan dalam perisian ini jelas dan berkesan untuk membantu guru menarik perhatian murid-murid untuk fokus kepada pengajaran. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 2,

"..cantik huruf-huruf yang cikgu Bella pilih dan masukkan dalam perisian ini..huruf vokal dan konsonan yang dipaparkan dalam perisian ini juga jelas dan sesuai untuk menarik perhatian murid-murid untuk belajar.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi responden 3, sesi pengajaran dan pembelajaran memerlukan penerangan dan penjelasan agar murid-murid memahami ilmu yang disampaikan oleh guru. Menurutnya, huruf vokal, konsonan dan huruf pinjaman dalam Bahasa Kadazandusun ada dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Pemaparan huruf-huruf tersebut boleh membantu guru untuk memberikan penerangan dan penjelasan cara membunyikan huruf tersebut dan menjelaskan huruf besar dan huruf kecil. Ini bermaksud, penggunaan huruf-huruf dalam *'Sinding Pimato'* ini adalah sesuai. Beliau berkata,

"..sesuai bah grafik cikgu Bella masukkan huruf dalam perisian ini..ada huruf kecil dan ada juga huruf besar.. Huruf vokal, konsonan dan huruf pinjaman pun ada dalam perisian SP.. ini akan membantu saya untuk memberikan penerangan yang lebih jelas kepada murid-murid tentang cara penggunaan huruf tersebut.."

Responden 4 pula memberikan pandangan berkaitan saiz huruf-huruf dalam perisian ini. Menurutnya, huruf abjad dalam perisian ini dipaparkan dengan saiz yang jelas dan tidak mengelirukan murid. Responden 4 juga berkata, jenis fon tulis juga sesuai untuk pengguna. Ini menunjukkan huruf-huruf yang dipaparkan dalam perisian *'Sinding Pimato'* ini sesuai. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4,

"..Huruf-huruf abjad yang terpapar dalam 'Sinding Pimato' mempunyai saiz yang sesuai dan jelas untuk dilihat.. Jika dipancarkan menggunakan LCD Projector tidak akan menimbulkan masalah kurang jelas.. Jenis fon yang digunakan juga sesuai untuk mereka.."

Dalam soalan kelima ini, jawapan responden 5 adalah sependapat dengan responden 3. Beliau menyentuh penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Menurut beliau, pemaparan huruf besar dan huruf kecil untuk memperkenalkan huruf vokal, konsonan dan huruf pinjaman adalah sesuai dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berupaya untuk mengukuhkan pengetahuan murid tentang bentuk huruf besar dan huruf kecil. Beliau berkata, *"..Penggunaan huruf besar dan huruf kecil untuk meperkenalkan huruf vokal, konsonan dan huruf pinjaman sesuai untuk mengukuhkan pengetahuan murid untuk lebih mengenali bentuk-bentuk huruf.."*. Hal ini menunjukkan penyampaian huruf-huruf vokal dan konsonan dalam *'Sinding Pimato'* adalah sesuai. Justeru, berikut merupakan rajah analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden bagi soalan 5,



Rajah 4.11. Analisis temu bual keberkesanan penyampaian huruf abjad dalam perisian *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.8 Unsur Didik Hibur *(Fun Learning)* Dalam *'Sinding Pimato'*.

Soalan temu bual yang keenam ini bertujuan untuk mengetahui pandangan responden tentang unsur didik hibur yang terdapat dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Didik hibur adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan murid-murid. Responden 1 berkata, suatu pengajaran yang berkesan disampaikan dengan menyelitkan unsur didik hibur. Walaupun murid seronok tetapi objektif pengajaran dan pembelajaran masih dapat dicapai seperti yang ditetapkan. Menurutnya, *'Sinding Pimato'* yang dihasilkan ini sebenarnya mengandungi unsur didik hibur atau lebih dikenali sebagai *fun learning*. Apabila murid-murid belajar Bahasa Kadazandusun dengan selitan didik hibur, murid akan lebih seronok untuk belajar. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..ya ada, perisian ini membantu pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan kerana terkandung unsur kelakar dan kecindan dalam lirik lagu.. murid juga akan seronok ketika menyanyikan lagu bersama rakan-rakan sekelasnya.."

Responden 2 pula berkata, unsur didik hibur yang terkandung dalam *'Sinding Pimato'* berupaya membantu murid untuk membuat apresiasi bahasa melalui nyanyian dan tarian. Tambahan, menurut beliau, unsur didik hibur dalam perisian ini akan mewujudkan suasana pembelajaran aktif dan mengurangkan tahap kebimbangan serta ketakutan murid kepada guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Responden 2 berkata,

"..'Sinding Pimato' mempunyai unsur didik hibur, saya melihat perisian ini boleh membantu murid membuat apresiasi bahasa. Selain itu, saya dapati penggunaan perisian ini dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi responden 3 pula, beliau berkata unsur didik hibur amat menonjol dalam perisian *'Sinding Pimato'* ini. Beliau berkata sedemikan kerana beliau telah cuba menggunakan perisian ini dalam set indukasi pengajarannya. Menurut responden 3, beliau juga tidak pernah mendengar lagu-lagu dalam Bahasa Kadazandusun yang berunsurkan pendidikan. Beliau sangat teruja dengan adanya perisian *'Sinding Pimato'* ini. Beliau berkata,

"..wah cikgu Bella..selama ini saya tidak pernah menjumpai atau mendengar lagu Bahasa Kadazandusun yang berunsurkan pendidikan… yang ada hanyalah lagu-lagu karamaian (lagu pesta). Bagi saya, unsur didik hibur sangat menonjol dalam perisian 'Sinding Pimato' sehinggakan semua murid amat terhibur dalam set indukasi pengajaran saya.."

Bagi responden 4 pula, beliau berkata perisian *'Sinding Pimato'* ini mengandungi unsur didik hibur kerana mengandungi elemen nyanyian. Menurut beliau, teknik nyanyian dalam pengajaran dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menghiburkan murid-murid. Beliau berkata sedemikian kerana beliau juga ada mencuba menyelitkan *'Sinding Pimato'* ini dalam pengajarannya. Beliau mendapati sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan santai namun objektif yang dirancang telah tercapai. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4,

"..pada pandangan saya, didik hibur memang ada dalam 'Sinding Pimato'.. contohnya perisian ini mengandungi elemen nyanyian sehingga berjaya menghiburkan semua murid dan aktivitinya bersahaja dan santai..namun, objektif adalah tercapai..murid-murid juga amat terhibur.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Responden 5 berkata, beliau dapat melihat unsur didik hibur dalam *'Sinding Pimato'* ketika murid-murid menari sambil menyanyikan lagu yang dimainkan dari perisian ini. Beliau juga berkata, ketika murid-murid menyanyi dan menari mereka kelihatan sangat gembira. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 5,

"..saya melihat unsur didik hibur terkandung dalam 'Sinding Pimato'.. hal ini terbukti ketika murid-murid saya melakukan aktiviti komunikasi melalui bahasa tubuh ketika mereka menari sambil menyanyi lagu yang dimainkan daripada perisian ini.."

Kesimpulannya, berikut merupakan rajah analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden bagi soalan 6,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.12. Analisis Temu Bual Unsur Didik Hibur Dalam *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.9 Kandungan Eleman Multimedia Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.

Soalan temu bual yang ketujuh berkaitan elemen multimedia dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Soalan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan para responden tentang penggunaan eleman multimedia dalam *'Sinding Pimato'*. Responden 1 berkata, perisian *'Sinding Pimato'* mengandungi elemen teks. Menurutnya, teks yang digunakan dalam perisian ini jelas. Hal ini kerana teks tersebut kontra dengan latar belakang. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1,

"saya dapati terdapat elemen multimedia teks dalam 'Sinding Pimato'.. teks yang digunakan dalam perisian ini jelas kerana warna yang digunakan kontra dengan latar belakang..ini akan meningkatkan keberkesanan penyampian isi pengajaran sebab teks yang dipaparkan dapat dilihat dengan jelas.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden 2 pula berkata, perisian *'Sinding Pimato'* mengandungi elemen grafik. Menurutnya, elemen ini dapat dilihat dengan penggunaan gambar-gambar dalam *'Sinding Pimato'*. Beliau turut berkata grafik yang digunakan *'Sinding Pimato'* mampu membantu menerangkan maklmat dalam perisian ini dengan tepat dan berkesan. Beliau berkata,

".. Elemen multimedia daripada aspek grafik dalam perisian 'Sinding Pimato' dapat dilihat melalui gambar-gambar yang digunakan. Grafik dalam perisian ini mampu membantu menerangkan sesuatu maklumat dengan tepat dan berkesan kepada murid-murid.."

Bagi responden 3 pula, beliau menyentuh elemen audio. Menurut beliau elemen audio dalam perisian *'Sinding Pimato'* ini berbentuk rakaman suara dan muzik. Menurutnya, elemen audio dalam perisian ini adalah salah satu daya tarikan yang berkesan untuk menarik perhatian murid-murid belajar. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 3,

"..saya akan menyentuh elemen multimedia audio. Elemen audio dalam perisian ini berbentuk rakaman suara dan muzik. Penggunaan elemen audio dalam 'Sinding Pimato' adalah salah satu daya penarik yang berkesan untuk menarik perhatian murid.."

Responden 4 dalam soalan ini sependapat dengan responden 2 yang menyentuh elemen grafik. Menurut responden 4, grafik yang digunakan dalam *'Sinding Pimato'* menjadikan persembahan perisian ini lebih menarik. Hal ini mampu menarik fokus murid terhadap pengajaran yang ingin disampaikan oleh guru. Pendapat beliau ini menyokong pendapat responden 2. Beliau berkata,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..Grafik yang digunakan dalam 'Sinding Pimato'menjadikan persembahan perisian ini lebih menarik dan mampu memfokuskan perhatian murid terhadap maklumat yang ingin disampaikan guru.."

Akhir sekali, responden 5 telah memberikan pandangan yang agak menyeluruh bagi soalan ketujuh ini. Menurut beliau, *'Sinding Pimato'* ini mengandungi elemen teks, grafik dan audio. Penggunaan ketiga-tiga elemen multimedia dalam perisian ini meningkatkan daya tarikan seseorang guru untuk menggunakannya sebagai bahan pembelajaran dalam Bahasa Kadazandusun. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 5,


"..Saya ada cuba menggunakan perisian 'Sinding Pimato' ini dan saya dapati ada elemen multimedia seperti mempunyai teks, gambar dan audio.. elemen-elemen ini dapat menarik minat guru Bahasa Kadazandusun untuk menggunakannya sebagai bahan pembelajaran dalam bilik darjah.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, berikut merupakan rajah analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden bagi soalan 7,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.13. Analisis temu bual Kandungan eleman multimedia dalam perisian *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.10 Keinteraktifan Perisian *'Sinding Pimato'*.

Soalan temu bual yang kelapan berkaitan sifat interaktif perisian *'Sinding Pimato'*. Soal ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan para responden tentang keinteraktifan *'Sinding Pimato'* terhadap pengguna. Responden 1 berkata, perisian ini bersifat interaktif kerana maklumat dipersembahkan melalui komputer. Hal ini membolehkan murid mendengar, membolehkan murid bertindak balas dan membolehkan pengguna mengawal persembahan maklumat dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..perisian 'Sinding Pimato' ini bersifat interaktif kerana maklumat-maklumat yang dipersembahkan melalui komputer membolehkan murid melihat isi pengajaran, mendengar audio-audio sebutan dan nyanyian, boleh bertindakbalas dan murid juga boleh mengawal persembahan maklumat daripada perisian ini.."

Responden 2 pula berkata, perisian *'Sinding Pimato'* bersifat interaktif kerana beliau boleh mengawal keseluruhan isi kandungan aplikasi perisian ini. Menurutnya, beliau dapat mengawal berdasarkan kesesuaian dan minatnya dengan mengklik ikon, hyperteks atau hypermedia yang ada dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Beliau berkata,

"..ya, 'Sinding Pimato' ini pada pandangan saya bersifat interaktif kerana saya boleh mengawal keseluruhan isi kandungan aplikasi multimedia ini berdasarkan kesesuaian dan minat saya dengan mengklik butang, hyperteks atau hypermedia yang ada.."

Menurut responden 3 pula, perisian pembelajaran ini bersifat interaktif kerana ia membenarkannya untuk berinteraksi secara aktif. Contohnya, beliau boleh mengawal apa yang dilihat dan didengar serta boleh menentukan hala tuju semasa menggunakan perisian ini. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 3,

".. 'Sinding Pimato' imi bersifat interaktif kerana ia membenarkan guru atau pengguna untuk berinteraksi secara aktif contohnya cikgu boleh mengawal apa yang dilihat dan didengar bagi menentukan hala tuju semasa berinteraksi.."

Bagi responden 4 pula, *'Sinding Pimato'* ini memiliki sifat Navigasi *(Navigation Tools),* contohnya navigasi ikon, butang, dan peralatan dalam perisian ini adalah aktif. Menurut beliau, keaktifan bermaksud ikon ataupun butang dalam perisian ini berupaya untuk menghubungkan pengguna dalam perisian berkenaan. Berikut juga adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4 bagi soalan 7 ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..pada pendapat saya, 'Sinding Pimato' ini memiliki sifat Navigasi (Navigation Tools), dimana navigasi ikon, butang, dan peralatan adalah aktif. Aktif disini bermaksud ikon ataupun butang tersebut berupaya untuk menghubungkan saya semasa menggunakan perisian ini.."

Responden 5 pula berpendapat, perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* bersifat interaktif kerana terdapat hubungan (links) yang membenarkannya bergerak daripada satu antaramuka ke antaramuka yang lain. Menurutnya, melalui links ini beliau dapat bergerak bila-bila masa dengan dibantu oleh struktur dan dimensi latar perisian *'Sinding Pimato'*. Beliau berkata,


" melalui penggunaan saya terhadap perisian pembelajaran ini dan saya dapati 'Sinding Pimato' ini terdapat hubungan (links). Ia membenarkan saya bergerak daripada satu antaramuka ke satu antaramuka yang lain pada bila-bila masa dengan dibantu oleh struktur dan dimensinya perisan ini.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, berikut merupakan rajah analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden bagi soalan 8,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.14. Analisis temu bual Keinteraktifan perisian *'Sinding Pimato'*.

4.4.3.11 Keberkesanan Teknik pengajaran *'Sinding Pimato'* bagi pembelajaran murid tahun satu.

Soalan temu bual yang kesembilan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan responden tentang keberkesanan teknik pembelajaran *'Sinding Pimato'* sama ada berkesan meningkatkan tahap sebutan murid tahun 1 atau sebaliknya. Responden 1 berkata, sebutan ialah bunyi ketika seseorang murid bercakap dalam Bahasa Kadazandusun. Melalui penggunan perisian ini, beliau mendapati huruf-huruf abjad mempunyai butang bunyi yang mengajar cara menyebut bunyi suatu huruf. Beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkata, ini adalah teknik pembelajaran sebutan yang betul iaitu murid meniru bunyi sebutan yang terdapat dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 1 bagi soalan 9 ini,

"..bagi saya sebutan ialah bunyi ketika seseorang berbahasa Kadazandusun. Saya telah gunakan perisian ini dan saya dapati huruf-huruf abjad dalam perisian ini mempunyai butang bunyi yang mengajar cara menyebut bunyi huruf tersebut. Murid dapat membuat sebutan yang betul dengan meniru bunyi sebutan pada perisian 'Sinding Pimato'. Ini adalah teknik pembelajaran sebutan yang betul.."

Bagi responden 2 pula, beliau mendapati *'Sinding Pimato'* mengandungi fonem-fonem vokal dan konsonan. Fonem-fonem tersebut mengajar cara-cara untuk membunyikan huruf tersebut. Kaedah ini akan mengajar murid menyebut dengan tepat. Beliau juga berkata, bahagian ini penting untuk melatih murid menyebut fonem huruf dengan betul. Responden 2 berkata,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..saya mendapati perisian ini mengandungi fonem-fonem vokal dan konsonan yang mengajar cara-cara untuk membunyikan huruf tersebut. Ini adalah bagaian yang penting untuk melatih murid-murid cara sebutan abjad yang betul.."

Sebutan seseorang manusia berkait dengan alat artikulasi. Menurut responden 3, beliau mendapati perisian *'Sinding Pimato'* ini dapat melatih alat artikulasi murid-murid untuk lebih aktif. Hal ini akan membolehkan seseorang murid berupaya menyebut perkataan-perkataan Bahasa kadazandusun dengan tepat. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 3 bagi soalan 9 ini,

"..saya dapati 'Sinding Pimato' yang dihasilkan ini dapat melatih alat artikulasi murid-murid untuk lebih aktif agar boleh menyebut perkataan-perkataan Bahasa Kadazandusun.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi responden 4 pula, beliau berkata dalam Bahasa Kadazandusun, sebutan bahasa juga mempunyai tekanan, nada, jeda dan panjang-pendek sesuatu sebutan perkataan. Beliau mendapati perisian ini mengajar cara menyebut suatu perkataan dengan tekanan, nada, jeda dan panjang pendek sesuatu perkataan. Hal ini akan memberikan pendedahan awal kepada murid-murid tahun 1 tentang aspek sebutan yang betul. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4 bagi soalan 9 ini,

"..dalam Bahasa Kadazandusun, sebutan bahasa juga ada tekanan, nada, jeda dan panjang-pendek sesuatu sebutan perkataan. Saya dapati, perisian ini mengajar cara menyebut suatu bunyi huruf atau perkataan dengan tekanan, nada, jeda dan panjang pendek sesuatu perkataan. Ini memberikan pendedahkan awal kepada murid tahun satu.."


Akhir sekali, responden 5 pula memberikan pendapat bahawa, *'Sinding Pimato'* ini mengandungi ilmu asas pembelajaran fonetik dan fonologi yang baik untuk peringkat awal pembelajaran murd tahun 1. Beliau berkata, asas fonetik dan fonologi ini dapat memudahkan murid untuk mempelajari cara menghasilkan bunyi dengan sebutan yang betul. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 5 bagi soalan 9 ini,

"..pada pendapat saya, perisian 'Sinding Pimato' ini mengandungi serba sedikit ilmu asas fonetik dan fonologi yang dapat memudahkan murid untuk mempelajari cara menghasilkan bunyi dengan sebutan yang betul..".

Kesimpulannya, berikut merupakan rajah analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden bagi soalan 9,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.15. Analisis Temu Bual Keberkesanan Teknik pengajaran *'Sinding Pimato'* bagi pembelajaran murid tahun satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.12 Integrasi Kurikulum Bahasa Kadazandusun Dengan Kurikulum Mata Pelajaran Lain.

Soalan temu bual yang terakhir ini bertujuan melihat keupayaan perisian *'Sinding Pimato'* berupaya untuk mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dengan kurikulum mata pelajaran lain. Menurut responden 1, *'Sinding Pimato'* dapat mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Hal ini kerana, perisian ini berteraskan penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar dalam bilik darjah. Beliau berkata,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"..apabila saya menggunakan 'Sinding Pimato' memang ada integrasi dengan kurikulum mata pelajaran TMK, kerana 'Sinding Pimato' ini adalah perisian komputer, malahan perisian ini juga boleh dibuka pada telefon pintar.. tiada pertikaian, perisian ini berupaya mengintegrasikan bidang bahasa dan bidang TMK.."

Bagi responden 2 pula, beliau menyentuh penggabungjalinan dalam kemahiran Bahasa Kadazandusun. Menurut beliau, *'Sinding Pimato'* ini akan menggabungjalinkan kemahiran membaca dan kemahiran dengar tutur dalam suatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, pembelajaran sebutan saling berkait rapat dengan pendengaran dan pertuturan seseorang murid. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 2,

"..Penggunaan 'Sinding Pimato' ini dapat menggabungjalinkan pelbagai kemahiran dalam Bahasa Kadazandusun. Contohnya, sebutan membaca ini mengabungjalinakan kemahiran membaca dan kemahiran mendengar tutur.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi responden 3 pula, beliau berkata penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* dapat mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan Pendidikan Muzik. Hal ini kerana, dalam *'Sinding Pimato'* terdapat lagu dan muzik untuk dinyanyikan dalam pengajaran. Integrasi dua mata pelajaran ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif untuk murid-murid. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 3,

"..'Sinding Pimato' ini mengandugi lagu-lagu yang sesuai dengan tahap kanak-kanak. Lagu-lagu tersebut sangat menghiburkan murid. Ini bermakna terdapat integrasi Pendidikan Muzik dalam Bahasa Kadazandusun..integrasi dua mata pelajaran ini akan mewujudkan pengajaran yang efektif.."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden 4 juga sependapat dengan responden 3. Responden 4 juga berkata *'Sinding Pimato'* ini dapat mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan Pendidikan Muzik. Ini kerana dalam perisian ini terdapat lagu-lagu dan muzik bagi setiap huruf-huruf abjad. Hal ini membuktikan perisian *'Sinding Pimato'* ini mampu mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan Pendidikan Muzik. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 4,

"..pada pendapat saya, 'Sinding Pimato' ini dapat mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dengan Pendidikan Muzik sebab perisian ini ada lagu-lagu dan muzik bagi setiap huruf abjad.."

Responden 5 pula mengatakan *'Sinding Pimato'* ini dapat mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan Pendidikan Jasmani. Hal ini kerana setiap bahagian huruf mempunyai 'laang momonsoi' (langkah pergerakan) untuk melalukan pergerakan kreatif sambil menyanyikan lagu abjad. Menurut responden 5, integrasi antara dua mata pelajaran ini akan melahirkan murid-murid yang cerdas dan cergas. Berikut adalah antara perbualan sokongan yang diperolehi daripada responden 5,

"..ketika saya mencuba menggunakan 'Sinding Pimato', saya dapati terdapat lirik-lirik lagu dan cara-cara melakukan pergerakan lagu itu. Melalui pergerakan yang dilakukan oleh murid ketika menyanyi dapat membantu motor-motor badan murid untuk lebih cergas. Pemikiran murid juga akan menjadi cerdas. Ini bermakna, dengan penggunaan 'Sinding Pimato' ini akan mengintegerasikan Bahasa Kadazandusun dan Pendidikan Jasmani.."

Kesimpulannya, berikut merupakan rajah analisis jawapan yang telah dimasukkan ke dalam *In-Vivo* untuk menjelaskan kod-kod hasil temu bual bersama 5 orang responden bagi soalan 10,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.16. Analisis Temu Bual Integrasi Kurikulum Bahasa Kadazandusun Dengan Kurikulum Mata Pelajaran Lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Rumusan

Dapatan kajian dalam bab 4 ini telah dihuraikan melalui latar belakang responden, membuat analisis ujian pra dan pasca dan analisis temu bual untuk mengenal pasti peratus pencapaian sebelum dan selepas murid didedahkan kepada pengajaran dan pembelajaran *'Sinding Pimato',* menjelaskan perbezaan skor min dan sisihan piawai pencapaian sebelum dan selepas murid didedahkan kepada *'Sinding Pimato'* dan menjelaskan keberkesanan modifikasi *Jolly Phonic* kepada perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* untuk pembelajaran dalam Bahasa Kadazandusun. Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* ini mampu meningk pencapaian sebutan murid tahun 1 dalam Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan, mengupas dan merumuskan dapatan kajian seperti yang telah dihuraikan dalam bab 4 serta mengulas kaitannya dengan kajian-kajian lalu sama ada menyokong kajian ini atau sebaliknya. Bab ini menghuraikan rumusan dapatan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi dan cadangan penambahbaikan untuk kajian lanjutan. Perbincangan berkisar pada persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah peratus pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran ?
2. Adakah terdapat perbezaan min dan sisihan piawai pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Apakah kesan *'Sinding Pimato'* terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di dalam bilik darjah ?

Pengkaji juga turut meletakkan cadangan bagi memantapkan lagi kajian ini pada masa hadapan. Seterusnya yang akhir adalah penutup yang merumuskan keseluruhan kajian ini dari awal hingga akhir kajian.

5.2 Perbincangan Analisis Kajian Deskriptif peratus pencapaian sebutan Bahasa Kadazandusun murid tahun satu sebelum dan selepas guru menggunakan *'Sinding Pimato'* dalam pengajaran dan pembelajaran (Soalan Kajian 1)

Analisis kajian menunjukkan terdapat kajian lalu sama ada dari dalam mahupun dari luar negara yang selari, menyokong atau menyanggah dapatan kajian ini. Perbincangan daripada analisis kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga fasa utama, iaitu,

1. Fasa pertama ialah perbincangan tentang analisis pencapaian peratus sebutan sebelum dan selepas terhadap kedua-dua kumpulan murid melalui perbandingan peratusan markah pada peringkat ujian pra dan pasca. Analisis fasa ini menunjukkan keberkesanan aplikasi perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* terhadap kumpulan murid eksperimen.

2. Fasa kedua ialah perbincangan tentang analisis perbezaan min dan sisihan piawai pencapaian sebelum dan selepas murid didedahkan kepada *'Sinding Pimato'* bagi murid kumpulan eksperimen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Fasa ketiga ialah perbincangan daripada analisis temu bual separa struktur terhadap guru-guru Bahasa Kadazandusun tentang keberkesanan permodifikasian kaedah pengajaran *Jolly Phonic* kepada perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*.


5.2.1 Analisis deskriptif peratus pencapaian sebelum dan selepas

5.2.1.1 Kumpulan Eksperimen

Berdasarkan dapatan peratus pencapaian bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca, pengkaji mendapati peratus pencapaian sebutan bagi kumpulan eksperimen telah meningkat dengan banyak dalam ujian pasca selepas mengikuti rawatan pembelajaran sebutan menggunakan perisian *'Sinding Pimato'*. Berikut merupakan graf pencapaian peratus markah sebutan membaca bagi kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.1. Peratus peningkatan markah pencapaian ujian pra dan pasca bagi kumpulan eksperimen.

Melalui rajah 5.1, dapat dilihat kesemua responden dalam kumpulan eksperimen telah mencapai tahap penguasaan cemerlang dengan memperolehi markah 80% hingga 100% selepas menjalani rawatan pembelajaran menggunakan perisian *'Sinding Pimato'*. Peningkatan peratus markah ini menunjukkan pembelajaran kaedah fonik dalam perisian *'Sinding Pimato'* berkesan untuk meningkatkan pencapaian sebutan bagi kumpulan eksperimen. Hal ini selari dengan pendapat Yahya Othman (2012) bahawa kaedah fonik merupakan satu kaedah mengajar asas sebutan membaca yang sesuai diaplikasikan pada peringkat kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penyelidikan ini para responden ujian adalah murid-murid yang berusia 7 tahun. Mereka masih tergolong dalam kategori kanak-kanak. Sehubungan itu, kaedah fonik sangat sesuai untuk menguasai asas membaca iaitu melalui sebutan. Jika dilihat pada rajah 5.1 menunjukkan peratus pencapaian sebutan dalam ujian pra adalah rendah. Iaitu sekitar 60% hingga 78%. Ini menunjukkan murid-murid kumpulan eksperimen tidak menguasai asas membaca, iaitu sebutan dengan efektif. Oleh itu, penyelidik menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* ini untuk membantu murid-murid kumpulan eksperimen meningkatkan peratus pencapaian sebutan dengan mudah melalui kaedah fonik.

Hal ini kerana, menurut Yahyah Othman (2012), kaedah fonik harus digunakan kerana kaedah ini memudahkan lagi penguasaan asas membaca kanak-kanak. Sehubungan itu, kurikulum Bahasa Kadazandun haruslah menitikberatkan kaedah fonik untuk melahirkan murid-murid tahun 1 yang boleh menguasai asas membaca. Ini kerana, penguasaan asas membaca sangat penting untuk memastikan kognitif bahasa mereka berkembang mengikut tahap yang sepatutnya. (Yahya, Roselan & Naffi, 2009).

Peningkatan peratus sebutan membaca murid juga berkait rapat dengan keaktifan alat-alat artikulasi murid yang telah dilatih oleh pengkaji dengan bantuan aplikasi perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2008: 93), alat artikulasi ialah organ dalam mulut yang berfungsi untuk mengeluarkan bunyi bahasa. Indirawati Zahid, Mardian Shah Omar (2006:30) dalam buku fonetik dan fonologi, alat artikulasi adalah alat yang digunakan bagi menghasilkan bunyi dan perlu dilatih dengan kaedah fonik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, alat-alat artikulasi murid-murid dalam kumpulan eksperimen adalah aktif kerana telah dilatih semasa menjalani sesi rawatan menggunakan perisian *'Sinding Pimato'*. Hal ini mempengaruhi peningkatan peratus pencapaian sebutan bagi kumpulan eksperimen. Goswani dan Byrant (1990) dalam Campbell (2015) telah mengkaji kesedaran fonemik dan menyimpulkan kesedaran fonem membawa kemajuan dalam belajar membaca.

Dalam hal ini, guru-guru Bahasa Kadazandusun haruslah menyedari kaedah pembelajaran fonik sangat penting untuk membantu murid-murid di awal persekolahan menguasai sebutan membaca. Perisian *'Sinding Pimato'* telah dimodifikasikan daripada *Jolly Phonic* mengandungi kaedah pembelajaran fonik berupaya membantu guru-guru meningkatkan kemahiran sebutan membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, kegiatan sebutan membaca penting agar murid yang terlibat dengan bahasa menjadi aktif dalam membina pengetahuan mereka tentang kaitan huruf dan bunyi dalam Bahasa Kadazandusun. Tuntasnya, Kementerian Pendidikan Malaysia haruslah melihat keupayaan kaedah fonik mampu memberi impak terhadap penguasaan membaca tahap awal.

Dalam hal ini juga, peningkatan peratus sebutan membaca bagi kumpulan eksperimen turut dipengaruhi dengan model pembelajaran ASSURE yang diterapkan dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran sebutan membaca. Penyelidik menggunakan model ASSURE ini dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran kerana perisian *'Sinding Pimato'* ini adalah berasaskan perisian multimedia. Model ASSURE yang telah digunakan terdiri daripada enam langkah iaitu bermula dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langkah menganalisis murid, menyatakan objektif, memilih kaedah, media dan bahan, menggunakan media dan bahan, mendorong penglibatan murid dan langkah terakhir menilai dan menyemak (Heinich, 1982).

Berdasarkan enam langkah tersebut, pengkaji telah menghasilkan rancangan pengajaran dan pembelajaran dengan penerapan perisian *'Sinding Pimato'* sebagai bahan pembelajaran berbentuk perisian multimedia dengan tujuan membantu murid meningkatkan penguasaan sebutan dalam Bahasa Kadazandusun. Dalam hal ini, pengkaji telah berjaya menggunakan bahan multimedia dalam bidang bahasa untuk meningkatkan asas kemahiran sebutan membaca. Kejayaan ini jelas dengan keputusan peningkatan pencapaian murid-murid kumpulan eksperimen setelah selesai mengikuti sesi rawatan dengan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kejayaan ini dipengaruhi oleh penggunaan Model ASSURE dalam pengajaran dan pembelajara. Hal ini selaras dengan kajian Zamri & Nur Aisyah (2012) yang turut membangunkan perisian pembelajaran berbantukan komputer dalam kajiannya dengan menggunakan model ASSURE dan digabungkan dengan model Hanaffin & Peck. Hasilnya perisian yang dibangunkannya berjaya membantu proses pengajaran guru di dalam bilik darjah menjadi lebih fleksibel dan efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1.2 Kumpulan Kawalan

Bagi kumpulan kawalan peningkatan peratus dalam ujian pasca tidak menonjol dalam ujian pasca selepas mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran biasa dengan kaedah *chalk and talk* atau lebih dikenali sebagai kaedah pengajaran tradisional. Berikut merupakan graf pencapaian peratus markah sebutan membaca bagi kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca.



Rajah 5.2. Peratus peningkatan markah pencapaian ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan rajah 5.2, peratus peningkatan markah pencapaian sebutan selepas ujian pasca menunjukkan peningkatan yang rendah, iaitu sekitar 0% hingga 4% sahaja. Ini menunjukkan pencapaian kumpulan kawalan jauh ketinggalan dengan markah pencapaian bagi kumpulan eksperimen. Hal ini menunjukkan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional adalah tidak berkesan untuk meningkatkan tahap sebutan membaca murid kumpulan kawalan. Kaedah pengajaran tradisional merupakan kaedah yang sering digunakan oleh guru-guru Bahasa Kadazandusun di sekolah ini.

Hal ini menunjukkan, kaedah ini tidak lagi releven digunakan pada masa ini. Perkara ini terbukti dengan pencapaian sebutan membaca kumpulan tidak meningkat. Ini selaras dengan pendapat Caine & Caine (1994) bahawa pendekatan corak tradisional dan *chalk and talk* juga kurang relevan dengan keperluan murid hari ini. Oleh itu, dalam bilik darjah, murid lebih berminat jika dilibatkan sama dalam pengajaran dan pembelajaran guru.

Ini akan memberi impak yang lebih berkesan ke arah mencapai matlamat pendidikan Bahasa Kadazandusun sendiri. Pembelajaran akan berlaku apabila apa yang diajar itu memberi makna kepada murid (Caine & Caine, 1994). Guru-guru Bahasa Kadazandusun yang menggunakan kaedah tradisional ini hanya menyampaikan pengajaran sehala tanpa penglibatan murid-murid. Kaedah ini adalah dalam kategori pembelajaran berpusatkan guru di mana guru hanya memberikan info dan murid pula hanya menerima apa yang telah disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pernyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Lei Yong (2005) yang menyatakan kebanyakan teknik pengajaran tradisional adalah berpusatkan guru di mana murid hanya mendengar setiap pengetahuan yang disampaikan, membuat beberapa soalan biasa untuk kerja rumah sebagai rutin harian dan menghafal semua fakta sebelum peperiksaan dijalankan.

Tuntas murid kumpulan eksperimen yang telah menjalani rawatan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* mendapat pencapaian peratus markah sebutan yang lebih tinggi berbanding pencapaian murid kumpulan kawalan yang hanya menjalani sesi pembelajaran *chalk and talk* untuk mempelajari asas membaca iaitu sebutan. Justeru, ini menunjukkan penggunaan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* adalah berkesan untuk meningkatkan tahap pencapaian sebutan membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, kaedah pengajaran *Chalk and Talk* tidak berjaya untuk meningkatkan sebutan membaca dalam Bahasa Kadazandusun. Kesimpulannya, penggunaan multimedia sebagai bahan bantu mengajar lebih berkesan berbanding kaedah pengajaran tradisional. Hal ini selari dengan pendapat Bennet (1996), yang menyarankan bahawa aplikasi komputer perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mempunyai kelebihan berbanding dengan pendekatan tradisional kerana kandungannya tidak statik oleh sebab perisian komputer sentiasa berubah dan dapat diadaptasikan bagi memenuhi perkembangan dan keperluan pendidikan semasa.

Ini disokong oleh Hee Jee Mei dan Norahidah (2001) menyatakan bahawa pembelajaran yang berasaskan komputer adalah sebagai satu strategi atau bentuk pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan komputer untuk menyampaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seluruh atau sebahagian dari isi kandungan mata pelajaran. Oleh itu, penggunaan dan pemilihan pembelajaran berasaskan komputer yang sesuai dapat membantu guru dan murid mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

5.3 Perbincangan Analisis Kajian Inferensi Ujian *t* Perbezaan Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Sebutan Bahasa Kadazandusun Murid Tahun Satu Sebelum Dan Selepas Guru Menggunakan *'Sinding Pimato'* Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Soalan kajian 2)

5.3.1 Perbincangan Dapatan Ujian *T* Perbezaan Skor Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Sebelum Dan Selepas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum sesi pengajaran dimulakan, kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan telah diberikan ujian pra dan ujian pasca sebutan membaca dalam Bahasa Kadazandusun. Kemudian data ini dianalisis bagi menentukan skor min dan sisihan piawai pencapaian bagi kedua-dua kumpulan.

Seterusnya, data-data tersebut telah dianalisis menggunakan Ujian *t (t-test)* untuk melihat perbezaan pencapaian murid bagi kaedah pengajaran perisian *'Sinding Pimato'* terhadap kumpulan eksperimen dan kaedah pengajaran tradisional bagi kumpulan kawalan yang digunakan dalam pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Dapatan kajian ukuran perbezaan skor min dan sisihan piawai bagi kedua-dua kumpulan ini dapat dilihat dalam Jadual 5 di bawah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1

Analisis ujian t pencapaian keseluruhan sebutan membaca Bahasa Kadazandusun antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum dan selepas.

Nilai perbezaan skor min antara dua kumpulan	Nilai t-kiraan	Darjah kebebasan (N-1)	Nilai Signifikan P<.05
-.56333	-5.785	29	.000

Berdasarkan jadual 5.1, menunjukkan perbezaan pencapaian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Keputusan statistik ujian *t* menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu (t= -5.785, p > .001). Perbezaan ini menunjukkan terdapat peningkatan bagi pencapaian murid kumpulan eksperimen setelah dilaksanakan kaedah pembelajaran menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* sebagai bahan pembelajaran bagi kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, analisis ujian *t* ini menunjukkan skor min dan sisihan piawai yang diperolehi oleh murid-murid kumpulan eksperimen adalah berbeza sebelum dan selepas didedahkan kepada *'Sinding Pimato'*. Perbezaan yang tinggi ini menunjukkan pencapaian markah murid dalam kumpulan eksperimen adalah meningkat selepas mereka menjalani rawatan. Kajian ini selaras dengan kajian Abdullah (2012) bahawa penggunaan teknologi, terutamanya komputer memang terbukti boleh meningkatkan pencapaian murid. Abdallah (2012) telah menjalankan kajian untuk melihat kesan penggunaan komputer dalam pengajaran tatabahasa Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Jordan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada kajian ini didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid yang menggunakan Pengajaran Bahasa Berbantukan Komputer (PBBK) dengan kaedah tradisional dalam pembelajaran tatabahasa. Selain itu, Beechler & Williams (2012) pula dalam kajiannya terhadap *sight words* menunjukkan bahawa wujud peningkatan dalam kemahiran pengecaman perkataan apabila pengajaran berbantukan komputer dijalankan selama sepuluh minit setiap hari dalam tempoh dua minggu terhadap murid sekolah rendah.

Justeru, penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* yang berbantukan komputer juga berkesan untuk merangsang kognitif bahasa dan meningkatkan pencapaian sebutan membaca murid kumpulan eksperimen. Oleh itu, untuk merangsang minda murid terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru perlulah menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia. Guru Bahasa Kadazandusun perlu menggunakan kaedah terkini seperti penggunaan multimedia interaktif untuk mewujudkan suasana pengajaran yang menarik (Norjietta Taisin, 2012).

Melalui pendekatan ini, murid akan dapat belajar dalam suasana yang menghiburkan dan suasana tersebut dapat merangsang minda mereka khususnya dalam pembelajaran kemahiran membaca. Bagi kumpulan kawalan, skor min dan sisihan piawai yang telah dicapai sebelum dan selepas menunjukkan perbezaan yang rendah. Nilai perbezaan skor min dan sisihan piawai dalam kumpulan kawalan menunjukkan murid-murid dalam kumpulan ini tidak menunjukkan peningkatan pencapaian markah sebutan membaca selepas mereka menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran kaedah tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini menunjukkan perubahan kognitif yang berlaku terhadap murid kumpulan kawalan adalah tidak aktif. Menurut Vygotsky, perkembangan kognitif peringkat individu berkaitan dengan kebolehan menukar maklumat dan pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman berinteraksi sosial kepada kefahaman maklumat.

Justeru, ini menggambarkan murid-murid kumpulan kawalan tidak dapat menukarkan pengalaman berinteraksi sosial dalam pembelajaran sebutan kepada maklumat dan pengetahuan sebutan secara aktif. Hal ini kerana, pemahaman bacaan bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan pengalaman membaca (Ku Fatahiyah Ku Azizan, 2014).

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah melihat perubahan pencapaian sebutan membaca murid-murid tahun satu dari aspek kognitif sebutan membaca dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun dengan kaedah pembelajaran *'Sinding Pimato'*. Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihanmin Zakariya (2005), ahli psikologi kognitif menyatakan bahawa pembelajaran ialah satu proses dalaman dan tidak dapat diperhatikan secara langsung.

Pembelajaran menyebabkan perubahan tingkah laku seseorang terhadap sesuatu situasi yang khusus. Sehubungan itu, dalam kajian ini sesi rawatan adalah sangat penting bagi mengubah tingkah laku murid-murid tahun satu untuk lebih aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Perubahan tingkah laku dianggap mencerminkan perubahan dalaman yang sukar untuk diperhatikan seperti pengetahuan, perasaan, harapan dan pemikiran (Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihanmin Zakariya, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, perbezaan skor min dan sisihan piawaian penyelidikan ini menunjukkan penggunaan perisian multimedia (Perisian *'Sinding Pimato'*) lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dalam sebutan membaca.


5.4 Perbincangan Analisis Temu Bual Kesan *'Sinding Pimato'* Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun Di Dalam Bilik Darjah (soalan kajian 3)

Bagi perbincangan analisis keberkesanan permodifikasian kaedah pengajaran *Jolly Phonic* kepada perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* pengkaji mengupas 10 skop soalan temu bual separa struktur yang dijalankan bersama lima orang responden yang terdiri daripada guru-guru Bahasa Kadazandusun di sekolah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Keberkesanan Perisian *'Sinding Pimato'* terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) Bahasa Kadazandusun



Rajah 5.3. Kod dan Rumusan Keberkesanan Kaedah Pembelajaran *Jolly Phonic* Dimodifikasi Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.


Berdasarkan rajah 5.3, kelima-lima responden mengatakan bahawa permodifikasian *Jolly Phonic* kepada perisian *'Sinding Pimato'* adalah berkesan. Pendapat kelima-lima responden ini disokong oleh Certo (1986), bahawa modifikasi sangat diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan iaitu sejauh mana organisasi dapat mencapai tujuan dan sasarannya. Sehubungan itu, keberkesanan permodifikasian ini akan membawa impak positif kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini kerana, permodifikasian yang diinovatifkan kepada perisian multimedia ini mempunyai strategi baharu untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Ini juga selaras dengan Certo (1986), bahawa modifikasi dilakukan biasanya untuk menyesuaikan perkembangan dalam lingkungan luaran dengan adanya strategi yang baharu. Sehubungan itu, permodifikasian *'Sinding Pimato'* daripada kaedah pembelajaran *Jolly Phonic* adalah berkesan untuk digunakan para murid.

5.4.2 Keberkesanan *'Sinding Pimato'* Dalam Pembelajaran Sebutan Bahasa Kadazandusun.



Rajah 5.4. Kod dan Rumusan Keberkesanan modifikasi *Jolly Phonic* kepada *'Sinding Pimato'* dalam pembelajaran sebutan Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan rajah 5.4, kesemua responden memberikan pandangan bahawa modifikasi *'Sinding Pimato'* berkesan untuk meningkatkan pembelajaran sebutan dalam Bahasa Kadazandusun. Dalam kajian ini, sebutan bererti persepsi murid-murid terhadap bunyi fonem dalam Bahasa Kadazandusun dan cara mereka menyebutnya. (Richards, J.C, 2011). Menurut responden 1, "*..Perisian 'Sinding Pimato' berkesan untuk digunakan bagi membantu meningkatkan sebutan murid-murid tahun 1 kerana perisian ini mengandungi cara menyebut sesuatu huruf dan perkataan.*.".

Ini sangat jelas dalam perisian ini kerana *'Sinding Pimato'* adalah hasil adaptasi kaedah pengajaran *Jolly Phonic*. Kaedah pengajaran *'Sinding Pimato'* merangkumi bunyi-bunyi sebutan fonem yang boleh membantu murid-murid menguasai asas kemahiran membaca aspek sebutan. Kesimpulannya, kaedah ini selari dengan pendapat Yahyah Otham (2012), bahawa kaedah fonik digunakan untuk memudahkan lagi penguasaan asas membaca murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.3 Keberkesanan Penggunaan Perisian *'Sinding Pimato'* Dalam Bilik Darjah.



Rajah 5.5. Kod dan Rumusan Keberkesanan penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Mok Soon Sang (2014) suasana fizikal tempat belajar yang kondusif menjadi faktor penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam tempat belajar. Faktor fizikal tempat belajar merangkumi suasana fizikal di dalam tempat belajar dan kawasan sekitarnya. Tabatabaei & Gui (2011) berkata teknologi telah membantu meningkatkan aktiviti bilik darjah, memberi motivasi kepada murid, dan melibatkan mereka dalam aktiviti bilik darjah. Perkara ini selaras dengan dapatan kajian ini iaitu, penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* berkesan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sebutan membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan rajah 5.5, menunjukkan kelima-lima responden menyatakan bahawa penggunaan *'Sinding Pimato'* ini berkesan kerana mengandungi penerapan PAK21 (responden 1), perisian ini menarik dan tidak membosankan (responden 2), penggunaan perisian ini berupaya untuk merangsang pemikiran kognitif murid dalam bilik darjah (responden 3), *'Sinding Pimato'* menjadikan bilik darjah lebih kondusif (responden 4) dan dapat mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang aktif (responden 5).


Hal ini membuktikan bahawa pembelajaran secara formal dalam bilik darjah boleh ditingkatkan dengan pembelajaran secara tidak formal melalui teknologi. Ciri-ciri ini amat sesuai untuk pembelajaran bahasa kerana memerlukan lebih banyak interaksi semasa pengajaran bahasa di dalam kelas. Ini selaras dengan pendapat Laghos dan Zaphiris (2005) iaitu perkembangan multimedia dapat memberikan kesan yang positif dalam pengajaran dengan adanya integrasi grafik, teks dan bunyi dalam pengajaran.

Kesimpulannya, Tabatabaei dan Gui, (2011) sependapat dengan Laghos dan Zaphiris (2005) yang berpandangan bahawa perkembangan multimedia dan kemajuan teknologi telah membolehkan sistem PBBK diintegrasikan sepenuhnya dengan grafik, teks dan bunyi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.4 Penggunaan bahasa dalam Isi kandungan perisian *'Sinding Pimato'*.



Rajah 5.6. Kod dan Rumusan Penggunaan bahasa dalam isi kandungan perisian *'Sinding Pimato'*.


Bahasa adalah satu medium untuk manusia berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain. Perkembangan bahasa merupakan satu proses di mana ia bermula sejak seseorang dilahirkan dan setiap insan akan menguasai bahasa melalui belajar (Azfarhah, 2009). Berdasarkan temu bual, kelima-lima responden menyatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam *'Sinding Pimato'* adalah mudah difahami (responden 1), penggunaan bahasa sesuai dengan pemikiran murid (responden 2), penggunaan bahasa yang tepat (responden 3), penggunaan bahasa gramatis (responden 4) dan bersifat praktikal (responden 5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, bahasa yang digunakan dalam perisian *'Sinding Pimato'* ini adalah selaras dengan aras pengetahuan bahasa menurut Taksonomi Bloom murid tahun 1. Hal ini selaras dengan kajian Kamaruzaman Moidunny yang bertajuk "Taksonomi Bloom: Perubahan Yang Diperlukan?". Dalam kajiannya ini beliau berkata taksonomi ini sesuai digunakan bagi murid di peringkat awal persekolahan mereka iaitu dari usia 7 tahun (murid tahun 1).

5.4.5 Penyampaian Huruf Abjad Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.



Rajah 5.7. Kod dan Rumusan Keberkesanan penyampaian huruf abjad dalam perisian *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temu bual yang kelima ini berkaitan penggunaan huruf dalam perisian yang bertujuan untuk mengetahui keberkesanan penyampaian teks bagi perisian ini. Menurut Jamalludin & Zaidatun (2003), teks sesuai digunakan untuk mempersembahkan sesuatu konsep yang abstrak dan tidak dapat digambarkan melalui penggunaan grafik atau media visual yang lain.

Sehubungan itu, berdasarkan analisis temu bual bagi soalan ini, semua responden memyatakan bahawa huruf-huruf yang digunakan dalam perisian ini menarik kerana diiringi audio bunyi huruf tersebut (responden 1), pemaparan huruf abjad jelas (responden 2), huruf yang digunakan dapat membantu guru menjelaskan jenis huruf (responden 3), saiz huruf jelas dan kontra (responden 4) dan huruf yang digunakan dalam perisian ini berkesan untuk menerangkan huruf besar dan huruf kecil (responden 5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, semua pendapat yang dikemukakan oleh para responden adalah selaras dengan panduan menggunakan teks dalam mempersembahkan sesuatu informasi dalam sesebuah aplikasi multimedia yang dikemukan oleh Jamalludin dan Zaidatun (2003), iaitu teks yang digunakan ringkas tetapi padat, menggunakan muka taip dan fon yang bersesuaian dan pastikan saiz teks tersebut boleh dibaca oleh pengguna perisian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.6 Unsur Didik Hibur (Fun Learning) Dalam '*Sinding Pimato'*.



Rajah 5.8. Kod dan Rumusan Unsur didik hibur dalam *'Sinding Pimato'*

Bagi soalan temu bual yang keenam ini bertujuan untuk melihat unsur didik hibur yang terkandung dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Responden 1 mengatakan bahawa perisian ini menyeronokkan dan responden 2 pula mengatakan perisian ini berupaya untuk mengurangkan kebimbangan murid terhadap guru. Manakala, responden 3 pula mengatakan bahawa unsur didik hibur sangat menonjol dalam perisian *'Sinding Pimato'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bagi responden 4 pula, beliau berkata unsur didik hibur iaitu nyanyian ada dalam perisian ini dan responden 5 juga berkata unsur didik hibur tarian untuk lagu-lagu huruf ada dalam perisian ini. Tuntasnya, berdasarkan jawapan-jawapan responden dalam rajah di atas, menunjukkan semua responden memberikan pendapat bahawa unsur didik hibur terkandung dalam perisian ini. Penerapan unsur didik hibur dalam perisian ini bertujuan untuk mengelakkan timbul rasa bosan dan agar murid-murid lebih meminati mata pelajaran Bahasa Kadazandusun.

Kajian ini selaras dengan dapatan kajian Ismail Affero (2016) yang bertajuk Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid Di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang Kaedah. Beliau menyatakan bahawa didik hibur amat berkesan memberi motivasi belajar di kalangan murid-murid sekolah rendah. Kesan motivasi belajar tersebut merupakan pengalaman bermakna yang akan menjadikan murid tersebut meminati sesuatu mata muridan khasnya matematik. Konklusinya, hal ini juga bersesuaian dengan dapatan kajian ini iaitu unsur didik hibur mengurangkan kebimbangan murid terhadap guru malah meningkatkan motivasi mereka untuk belajar dengan seronok dalam Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.7 Kandungan Eleman Multimedia Dalam Perisian *'Sinding Pimato'*.



Rajah 5.9. Kod dan Rumusan Kandungan eleman multimedia dalam perisian *'Sinding Pimato'*

Berdasarkan rajah 5.9, semua responden memberikan pendapat berkaitan dengan elemen multimedia yang ada dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Dalam kajian ini, elemen multimedia menjadi keutamaan dalam perisian *'Sinding Pimato'*. Ini bertujuan untuk merangsang pemikiran murid-murid dalam pembelajaran. Ini disokong oleh responden 4 bahawa, grafik dalam *'Sinding Pimato'* dipersembahkan dengan menarik.


Hal ini akan menjadi perangsang pemikiran dan meningkatkan minat murid untuk belajar. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian Latifah Abdul Majid et al. (2012) yang mengatakan bahawa kaedah pembelajaran berbantukan multimedia dapat meningkatkan minat dan prestasi pembelajaran kanak-kanak. Kesimpulannya, dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini menyokong hasil kajian oleh Ronaldi Saleh et al., (2011) di mana majoriti murid berpendapat bahawa grafik adalah menarik serta dapat mengekalkan fokus mereka terhadap bahan pembelajaran.

5.4.8 Keinteraktifan Perisian *'Sinding Pimato'*.



Rajah 5.10. Kod dan Rumusan *Keinteraktifan perisian 'Sinding Pimato'*

Rajah 5.10 menunjukkan, pendapat para responden tentang sifat interaktif perisian *'Sinding Pimato'*. Berdasarkan respon semua responden, dapat disimpulkan bahawa perisian *'Sinding Pimato'* ini mengandungi ciri-ciri interaktif yang efektif untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Sifat interaktif perisian *'Sinding*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pimato' dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian pengajaran sebutan contohnya murid-murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan mengembangkan kognitif bahasa mereka (responden 3).


Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Robiatul A'dawiah Jamaluddin & Halimah Badioze Zaman (2011) bahawa perisian multimedia membolehkan kanak-kanak melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan perkembangan kognitif.

Di samping itu, dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Sawsan Nusir (2012) yang menyatakan bahawa pembelajaran menerusi media interaktif dapat meningkatkan kemahiran pembelajaran kanak-kanak melalui aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam perisian tersebut. Kesimpulannya, sifat interaktif perisian *'Sinding Pimato'* ini meningkatkan keberkesanan minat murid untuk mempelajari asas kemahiran membaca sebutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.9 Teknik pengajaran yang tedapat dalam perisian *'Sinding Pimato'*



Rajah 5.11. Kod dan Rumusan Keberkesanan teknik pengajaran *'Sinding Pimato'* bagi pembelajaran murid tahun satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Hafizah (2011), Sebutan merupakan satu elemen yang penting dalam pembelajaran bahasa. Berdasarkan rajah di atas, teknik pembelajaran fonik yang terdapat dalam perisian *'Sinding Pimato'* adalah berkesan untuk kegunaan guru mengajar asas kemahiran membaca sebutan. Hal ini disimpulkan daripada 5 pandangan guru-guru yang hampir sama berkaiatan teknik pembelajaran yang terdapat dalam perisian *'Sinding Pimato'*.

Sebutan seseorang murid ketika membaca haruslah jelas kerana ia mempengaruhi pembawaan makna sebutan tersebut. Kajian ini selaras dengan kajian Hafizah (2011) bahawa seseorang murid itu mungkin boleh menguasai tatabahasa dengan baik, tetapi apabila menyebut sesuatu perkataan dengan sebutan yang salah,


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkataan tersebut mungkin tidak dapat difahami. Sedangkan sebutan sangat mempengaruhi keseluruhan proses komunikasi yang menggunakan sesuatu bahasa.

Kesimpulannya, guru-guru boleh menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* ini untuk mendedahkan asas kemahiran membaca sebutan kepada murid tahun 1 agar murid tersebut dapat mengembangkan tahap penguasaan sebutan.

5.4.10 Integrasi Kurikulum Bahasa Kadazandusun Dengan Kurikulum Mata Pelajaran Lain.



Rajah 5.12. Kod dan Rumusan Penggunaan *'Sinding Pimato'* mengintegrasikan kurikulum Bahasa Kadazandusun dengan kurikulum mata pelajaran lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amalan pendidikan tradisional tidak lagi dapat membekalkan murid dengan semua pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk membolehkan mereka bersaing dalam senario pekerjaan masa kini (Wan Suhaimi, 2017). Oleh itu, untuk terus bersaing, guru perlu mengaplikasi strategi penyelesaian masalah, menggunakan alat yang sesuai, serta bertindak secara kolaboratif dan berkomunikasi untuk belajar.

Sehubungan itu, persekitaran pembelajaran masa kini perlu melibatkan pelbagai strategi-strategi, media, perisian dan alat yang berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi khususnya yang bakal menyediakan murid untuk masa depan mereka seperti mengintegrasikan mata pelajaran (Wan Suhaimi, 2017). Oleh itu, brdasarkan rajah di atas, semua responden memberikan pandangan bahawa dengan perisian *'Sinding Pimato'* dapat mengintegrasikan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dengan mata pelajaran lain. Contohnya, responden 1 mengatakan bahawa penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* ini dapat mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan TMK.

Sehubungan itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun perlulah mahir dalam menggunakan TMK untuk menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Ini selaras dengan kajian Firdaus (2010), bahawa elemen yang penting dalam mengintegrasi teknologi ialah pemahaman guru terhadap isi pengajaran dan implikasi berhubung dengan teknologi.

Holmes (1999), juga berkata integrasi teknologi dalam PdP memerlukan guru yang bersedia dan fleksibel dalam menggunakan teknologi dalam kaedah pengajaran harian dengan mata pelajaran yang diajar. Kesimpulannya, penggunaan *'Sinding*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pimato' ini dapat mengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan mata pelajaran lain. Ini akan meningkatkan lagi kemenjadian murid dalam pembelajaran sebutan.

5.5 Implikasi Dapatan Kajian

Setelah melihat kepada rumusan penemuan dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa bahan pembelajaran perisian *'Sinding Pimato'* telah memberi kesan utama kepada murid-murid dan para guru. Hal ini demikian kerana murid-murid dan para guru adalah perintis kepada keberkesanan pengajaran berbantukan komputer, khususnya di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.1 Implikasi Terhadap Murid

Implikasi kajian ini terhadap murid-murid ialah murid-murid dapat menguasai kemahiran asas membaca dalam aspek sebutan di awal usia 7 tahuan (tahun 1). Hal ini dapat dicapai oleh murid-murid melalui pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* yang menerapkan pengajaran kaedah fonik dengan matlamat dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun, iaitu memperbaiki kesantunan bahasa dan memberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran pengetahuan tentang warisan tradisi bangsa Kadazan dan Dusun yang perlu diterapkan kepada murid-murid. (Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Kadazandusun Tahun 1, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pembinaan bahan pembelajaran perisian *'Sinding Pimato'* ini akan membantu murid memperoleh gaya pembelajaran sebutan membaca yang lengkap dengan aspek multimedia. Murid mempunyai peluang memperoleh suasana belajar yang berlainan daripada sedia ada. Selain itu, murid dapat memahami pembelajaran sebutan membaca yang lebih berkesan dan menarik dengan adanya aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Bahasa Kadazandusun.

Ini selaras bahawa penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah lebih memuaskan kerana adanya kaedah penyampaian yang lebih menyeronokkan dan bahan-bahan mudah difahami (Ramlah Mailok, 2003). Hal ini penting untuk menonjolkan kaedah pembelajaran yang menyoronokkan iaitu mempelajari sebutan bunyi-bunyi abjad Bahasa Kadazandusun melalui teknik fonem, nyanyian, muzik dan pergerakan kreatif.

Menurut Teori Kognitif Lev Vygotsky pula, beliau menekankan peranan sosial dan budaya dalam perkembangan kanak-kanak. Menurut beliau kebanyakan daripada kemahiran kognitif terhasil daripada interaksi sosial kanak-kanak dengan ibu bapa, guru, rakan-rakan dan orang dewasa. Lev Vygotsky (1896-1934) berpendapat bahwa perkembangan kognitif dan bahasa anak-anak tidak berkembang dalam suatu situasi sosial yang hampa.

Hal ini bermaksud, apabila kanak-kanak boleh memahami sesuatu, pemahaman ini akan mendoroang keinginan mereka untuk mempelajari perkara-perkara baharu pula. Vygotsky tidak setuju dengan pandangan Piaget bahawa anak menjelajahi dunianya sendiri dan membentuk gambaran realiti batinnya sendiri. Vygotsky

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menekankan bagaimana proses-proses perkembangan mental seperti ingatan, perhatian, dan penalaran melibatkan pembelajaran menggunakan penemuan-penemuan masyarakat seperti bahasa, sistem matematik, dan alat-alat ingatan. Ini bermakna, penglibatan aktif murid dalam pembelajaran dianggap penting oleh Vygotsky. Sekiranya murid boleh mengikuti apa-apa yang diajar, hal ini secara sendirinya akan menjadi motivasi intrinsik kepada murid untuk terus melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. (Abd. Aziz Abd. Talib, 2000).

Selain itu, dengan adanya cadangan proses pengajaran terancang (model pengajaran ASSURE) di sekolah rendah, murid-murid akan lebih memahami, menghayati dan mengaplikasi penggunaan perisian multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, di rumah dan di persekitaran mereka. Hal ini secara tidak langsung membolehkan warisan Kadazandusun tidak pupus ditelan perubahan zaman yang semakin moden dan mempunyai pengaruh luar yang begitu besar.

5.5.2 Implikasi Terhadap Guru dan Sekolah

Melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), perkembangan potensi murid dari segi rohani mestilah meliputi unsur-unsur bagi memperkukuh kepercayaan dari segi rohani, memperkembang keyakinan murid-murid terhadap pencipta, membina kepekaan terhadap nilai dan norma masyarakat dan membentuk perlakuan dan peribadi berlandaskan nilai murni masyarakat di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, para guru Bahasa Kadazandusun mesti menyedari tentang adanya perubahan yang berlaku dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Kadazandusun dan para guru haruslah mencari ikthibar untuk memghasilkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia serta melaksanakan pengajaran yang lebih terancang. Ini bermaksud, aspek teoritis, hukum-hukum dan prinsip-prinsip tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa perlu diketahui oleh guru Bahasa Kadazandusun.

Selain itu, kaedah dan teknik pengajaran perlu dibaca dan difahami. Aspek ini perlu kerana kesemuanya itu merupakan pengetahuan penting atau ilmu dalam perguruan bahasa selain kebolehan guru sendiri dalam Bahasa Kadazandusun. Kesimpulannya, penyelidikan ini akan membantu para guru menambah bahan bantu mengajar di dalam kelas khasnya untuk Bahasa Kadazandusun. Ini akan membantu pendidik menyampaikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan meningkatkan minat murid untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun.

Latifah Abdul Majid et al. (2012) yang mengatakan bahawa kaedah pembelajaran berbantukan multimedia dapat meningkatkan minat dan prestasi pembelajaran kanak-kanak. Tambahan, perisian ini dapat membantu mengurangkan kos penyediaan lembaran nota dan membantu para pendidik menjimatkan masa untuk menyediakan bahan pengajaran. Hal ini turut disokong oleh Doni Erizal (2003), bahawa dengan pengaplikasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan bahan bercetak untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dikurangkan dan menjimatkan masa pendidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.3 Implikasi Terhadap Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun

Transformasi kurikulum persekolahan merupakan usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikan mruid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Hal ini membuktikan, kurikulum amat penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam proses transformasi kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat penanda arasan dengan kurikulum negara maju bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan standing dengan pendidikan global. (Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Sehubungan itu, kajian ini akan membawa impak penting kepada penggubal kurikulum Bahasa Kadazandusun kerana dengan adanya perisian *'Sinding Pimato'* ini, para penggubal akan dapat meningkatkan kualiti kurikulum yang digubal dan signifikan dengan murid tahun satu. Hal ini kerana, perisian *'Sinding Pimato'* menyediakan aplikasi pembelajaran yang efektif iaitu merangkumi pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang terkini.

Ini turut disokong oleh Mastura (2008), bahawa kurikulum pendidikan merupakan satu wadah penting dalam menjana anjakan paradigma dalam diri setiap individu dan ia juga memainkan peranan penting untuk melahirkan insan deduktif yang dinamik dalam semua aspek kehidupan. Kesimpulannya, bahan pembelajaran ' *'Sinding Pimato"* ini merupakan transformasi baru dalam bidang pendidikan Bahasa Kadazandusun di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.4 Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pihak kerajaan Malaysia telah memperkenalkan perkakasan komputer di sekolah-sekolah seluruh negara. Dijangka pada tahun 2015, semua sekolah seluruh negara ini akan menerapkan pembelajaran berkonsepkan "Sekolah Bestari" iaitu proses PdP berteraskan TMK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Pengaplikasian bahan pembelajaran perisian *'Sinding Pimato'* untuk murid-murid tahun 1 di sekolah rendah merupakan inovasi baru dalam bidang pendidikan di Malaysia.

Hal ini bersesuaian dengan saranan Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu asas kemahiran membaca (sebutan) hendaklah dijadikan asas kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016) Kurikulum Standard Sekolah Rendah – Bahasa Kadazandusun).

Memandangkan kerajaan mengambil berat tentang penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di peringkat sekolah, dengan itu kajian ini juga membawa impak kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan sesuatu dasar yang berkaitan dengan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di peringkat sekolah secara menyeluruh terutamanya dalam bahasa Kadazandusun yang kurang mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran kerana kekurangan perisian yang boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memberi saranan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga pembangun perisian agar membuat kajian terhadap kesesuaian dan kebolehgunaan perisian multimedia yang dibangunkan. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat membantu memartabatkan sistem pendidikan negara mengikut peredaran masa dan teknologi.

Maka kepimpinan pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi selain melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan celik Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan berkemahiran tinggi. (Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.5 Implikasi Terhadap Kajian Lanjutan

Kajian lanjutan untuk Bahasa Kadazandusun sangat diperlukan. Penyelidikan ini membawa impak yang penting untuk kegunaan dan rujukan bakal-bakal penyelidik. Penggunaan perisian multimedia perisian *'Sinding Pimato'* perlu diluaskan agar generasi bangsa Kadazandusun mempunyai pelbagai bahan rujukan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian ini, jelas menunjukkan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran membaca menggunakan perisian *'Sinding Pimato'* adalah positif. Namun, masih terdapat berberapa kekurangan yang harus diberi perhatian iaitu kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah rendah maka hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah yang melaksanakan kurikulum Bahasa Kadazandusun secara formal di Malaysia.

Sehubungan itu, dalam ketiga-tiga objektif kajian yang diuji bagi mengenal pasti keberkesanan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* terhadap peningkatan pencapaian sebutan membaca murid, pengkaji ingin mengutarakan beberapa cadangan sebagai penyokong untuk mengatasi kekurangan dan kekangan yang berlaku agar perkara tersebut dapat dielakkan pada masa hadapan. Oleh itu, sebagai rentetan kepada kajian ini, penyelidik ingin mengemukakan usul khas untuk guru-guru Bahasa Kadazandusun, Pihak Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri/Kementerian Pendidikan Malaysia dan cadangan lanjutan khas untuk penyelidik masa hadapan. Pengkaji mencadangkan kajian seperti ini boleh dikembangkan lagi dengan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6.1 Cadangan Kepada Guru Bahasa Kadazandusun Dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

1. Guru Bahasa Kadazandusun dicadangkan mengaplikasikan kaedah pengajaran fonik semasa peringkat awal pembelajaran membaca murid agar murid-murid lebih mudah menguasi kemahiran membaca dengan sebutan yang tepat.
2. Pengkaji mencadangkan supaya Guru Bahasa Kadazandusun menitikberatkan pengajaran membaca secara mekanis agar murid-murid terlatih untuk membaca secara lantang. Teknik ini akan membantu guru menyelesaikan masalah sebutan tidak tepat secara langsung dan murid berpeluang menyebut sesuatu perkataan dengan sebutan yang betul dengan bimbingan guru.
3. Guru perlu mempelbagaikan strategi dan kaedah pengajaran Bahasa Kadazandusun seperti melaksanakan kaedah pengajaran secara didik hibur (menyanyi/bercerita) agar dapat mengelakkan suasana kebosanan dalam bilik darjah.
4. Mengaktifkan aktiviti bertutur dan berkomunikasi antara murid-murid semasa pembelajaran bagi meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Kadazandusun. (Guru boleh mengaplikasikan aktiviti berdialog dalam bilik darjah)
5. Guru perlu mahir menggunakan Teknologi Multimedia bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran seiring dengan perkembangan semasa. (Aplikasikan Elemen Multimedia dalam pengajaran iaitu Animasi, Video, Grafik, Teks, Audio)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6.2 Cadangan Kepada Pihak Sekolah untuk Melaksanakan Kurikulum Bahasa Kadazandusun.

1. Pihak sekolah perlu mengamalkan pembangunan profesional, iaitu Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dalam kalangan guru-guru yang diarahkan untuk mengajar Bahasa Kadazandusun. Hal ini kerana, berdasarkan kajian pengkaji guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut adalah guru yang asalnya bukan major Bahasa Kadazandusun (terdiri daripada guru major Bahasa Melayu, Sains, Matematik dan sebagainya). Latihan dalam perkhidmatan sangat penting bagi guru-guru tersebut agar mereka berupaya menyampaikan pengajaran Bahasa Kadazandusun selaras dengan kurikulum yang sebenar.
2. Pentadbir sekolah perlu menyuarakan kepentingan mengadakan bengkel kepada Ketua Panitia Bahasa Kadazandusun agar takwim aktiviti tahunan panitia tersebut dapat menyelitkan aktiviti Bengkel Bahasa Kadazandusun untuk diadakan di sekolah. Dalam hal ini, pihak sekolah berpeluang untuk menjemput penceramah dari luar untuk berkongsi ilmu pengajaran Bahasa Kadazandusun kepada guru-guru mata pelajaran.
3. Pihak sekolah boleh mengadakan program pameran khas untuk Bahasa Kadazandusun semasa bulan akademik sekolah. Guru-guru boleh mempamerkan bahan-bahan pembelajaran Bahasa Kadazandusun untuk dilihat dan dibaca oleh murid-murid sekolah.
4. Ketua Panitia Teknologi Maklumat dan Komunikasi perlu mengadakan hari istimewa dalam setiap minggu yang memerlukan semua guru Bahasa Kadazandusun mengaplikasi teknologi multimedia sebagai bahan bantu mengajar sepenuhnya pada hari tersebut. Ini akan memotivasikan guru-guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Kadazandusun untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam makmal komputer.

5. Pihak pusat sumber perlu memperbanyakkan buku bacaan Bahasa Kadazandusun agar murid-murid dapat meningkatkan pengetahuan bahasa mereka melalui pembacaan. Guru pusat sumber juga perlu menyediakan Kamus Bahasa Kadazandusun untuk rujukan guru dan murid supaya mereka lebih memahami maksud suatu perkataan yang sukar difahami.

5.6.3 Cadangan Kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS)/Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

1. Pihak Kementerian Pendidikan perlu menyalurkan kewangan dan membekal bantuan (seperti buku bacaan, kamus elektronik) yang mencukupi kepada pihak sekolah, guru-guru, murid dan penggubal kurikulum Bahasa Kadazandusun.
2. Kementerian Pendidikan dicadangkan mengadakan pertandingan menghasilkan bahan pengajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi khasnya untuk Bahasa Kadazandusun bagi menggalakkan guru memandang tinggi kepada kaedah pengajaran berbantukan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Pihak kementerian pendidikan perlu memastikan Kaedah Fonik diletakkan dalam kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun 1 agar masalah sebutan membaca dapat diatasi semasa peringkat awal pembelajaran membaca murid-murid. Sehubungan itu, pihak yang bertanggungjawab dalam menggubal silibus Bahasa Kadazandusun perlu menitikberatkan kaedah pengajaran tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Mengadakan bengkel, kursus atau seminar menghasilkan bahan bantu mengajar (BBM) khas untuk Bahasa Kadazandusun. Hal ini kerana bahan bantu mengajar bagi mata pelajaran ini adalah terhad dan kurang. Bengkel tersebut boleh dilaksanakan dengan penggabungjalinan bersama pihak NGO (seperti persatuan KDCA) untuk menjamin keberkesanan bengkel.
5. Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memastikan Institusi Pendidikan Guru (IPG) melahirkan lebih ramai guru major Bahasa Kadazandusun supaya guru-guru major tersebut menjadi agen peningkatan mutu pengajaran bahasa ini bermula di peringkat sekolah rendah singgah ke pengajian yang lebih tinggi.

5.6.4 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Memperluaskan populasi kajian kepada semua murid tahun satu di sekolah rendah yang melaksanakan kurikulum Bahasa Kadazandusun. Selain itu, kajian seperti ini juga boleh dijalankan prasekolah untuk meningkatkan asas kemahiran membaca (sebutan) murid-murid di awal pembelajaran.
2. Kajian ini hanya tertumpu kepada murid-murid tahun 1 sahaja. Oleh itu, dicadangkan agar kajian seumpama ini dapat diperluaskan lagi sehingga kepada murid-murid tahun 6. Bagi peringkat yang lebih tinggi, pengkaji seterusnya boleh menghasilkan perisian berbentuk permainan (games) khas untuk Bahasa Kadazandusun untuk menarik minat pelajar-pelajar mempelajari bahasa ini dalam suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan.
3. Penyelidikan yang dilakukan pada kali ini terbatas kepada sebutan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Pada masa hadapan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidik boleh memperluaskan penyelidikan ini dengan mengkaji keberkesanan penggunaan perisian pembelajaran ini untuk meningkatkan minat murid-murid untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun.

4. Pengkaji seterusnya boleh mengaplikasi Model ADDIE dalam kajiannya untuk membangunkan model pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Model ADDIE ini berupaya menjadi landasan yang baik kepada penyelidik untuk menghasilkan sebuah perisian pembelajaran yang berkualiti, bermutu dan boleh ditadbir untuk murid-murid sekolah rendah dan pelajar-pelajar sekolah menengah.
5. Penyelidik juga ingin mencadangkan kepada pengkaji akan datang untuk menggunakan Teori Pembelajaran Behavior. Melalui teori pembelajaran ini pengkaji seterusnya dapat mengkaji tingkah laku murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Jika tingkah laku tersebut adalah negatif, pengkaji perlulah mencari kaedah pengajaran yang dapat memurnikan tingkah laku tersebut menjadi lebih baik dan bermakna untuk memastikan murid berbangsa Dusun yang mempelajari bahasa ini berkembang menjadi insan yang mencintai bahasa ibundanya.
6. Bagi penyelidik akan datang boleh memasukkan Elemen Multimedia (Video) dalam perisian '*Sinding Pimato*' tersebut agar perisian ini dapat bergerak mengikut arus kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Namun penyelidik haruslah memastikan penggunaan elemen ini sesuai dengan tahap murid yang dipilih. Ini kerana, menurut Ahmad Zamzuri (2018), pembangunan perisian pendidikan perlu memahami had dan batasan kemampuan kognitif seseorang murid bagi sesuatu tujuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Rumusan

Hasil kajian ini, penyelidik mendapati bahawa perisian *'Sinding Pimato'* berupaya meningkatkan pencapaian sebutan dan berguna sebagai satu alternatif untuk melahirkan murid-murid yang cekap membaca dalam Bahasa Kadazandusun. Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun haruslah dipertingkatkan daripada kaedah pengajaran tradisional kepada pengajaran dan pembelajaran berbantukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Hal ini kerana, pengintegrasikan Bahasa Kadazandusun dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi berupaya untuk melahirkan murid-murid yang holistik dalam aspek kognitif bahasa. Sesungguhnya, bahan pengajaran seperti perisian multimedia tidak boleh menggantikan tempat guru tetapi ia boleh digunakan sebagai satu cara menarik minat murid untuk belajar dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, guru-guru Bahasa Kadazandusun haruslah berusaha untuk meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan perisian multimedia kerana ini akan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran serta memotivasikan mereka. Penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran memang dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dalam sesuatu subjek terutamanya subjek bahasa. Sehubungan itu, pengkaji merumuskan penggunaan perisian teknologi multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran harus diperkaya dengan pengajaran bahasa berbantukan komputer agar murid mendapat manfaat daripada Teknologi Multimedia dan Komunikasi dan guru-guru dapat menambah baik strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Kesimpulannya, penggunaan perisian *'Sinding Pimato'* sebagai bahan pembelajaran Bahasa Kadazandusun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membawa kesan efektif dengan adanya elemen multimedia. Implikasi kajian menunjukkan perisian pembelajaran *'Sinding Pimato'* menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran kurikulum membaca Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Aziz Abd Talib (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah Dan Teknik.* Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Aziz Abdul Talib (1990). *Pedagogi Bahasa Melayu : Prinsip Kaedah Dan Teknik.* Kuala Lumpur : Utusan Publications.

Abdul Rasid Jamian (2012). Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid Probim, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – Jpbm (Malay Language Education Journal – Mylej)* Vol, 2, Hlm. 46-53

Abdul Rasid Jamian, and Norhashimah Hashim, and Shamsudin Othman, (2012) Abdull Sukor Shaari (2012). Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihan Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – Mylej).* Vol. 2, Bil. 2 (Nov. 2012): 94-105

Adams, M. J. (1990). *Beginning to read: Thinking and learning about print.* Cambridge, MA: Harvard University.

Agus Sachari (2002). *Estetika :Makna , Simbol Dan Daya*. Bandung: Penerbit ITB. Dayu

Ahmad Esa Et.Al (2007). Peranan Multimedia Di Dalam Pembelajaran Kanak-Kanak. *Seminar Kebangsaan JPPG 2007: Teknologi Dalam Pendidikan*, 18-20 November 2007, Hotel Royal Adelphi, Seremban.

Ahmad Jaffni H. M. Hassan. (1996). Peranan Multimedia Dalam Menghadapi Cabaran Perubahan Pengajaran Dalam Masyarakat Pelajar Bermultimedia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad Ke-21.*

Ahmad Khair, Mohd. Nor (2012). *Pembentukan Kata Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Ahmad Zamzuri Mohammad Ali (2018). *Multimedia Dan Perisian Pendidikan. Panduan Praktikal Reka Bentuk Dan Penyelidikan*. Penerbitan Univerisiti Pendidikan Sultan Idris.

Azizi Yahaya (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.

Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihanmin Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif.* UTM : Cetak Ratu Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip dan Mohd Dahlan A. Malek (2017). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Azizi, Et Al. (2005). *Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing. Kuala Lumpur.

Azwan Bin Abidin & Rozita Bt. Nawi (2002) *E-Learning: Penerokaan Media Pembelajaran Terkini Atas Talian*. Http:// Www.Elearning. Unimas. My/ Articles/Archives/000002. Html.15 Julai 2018

Baharom Mohamad, Widad Othman & Yee Mei Hong (2010). Kepentingan Peta Minda Sebagai Alat Berfikir Dalam Mengambil Nota Kuliah. *Proceeding I.C.E.15th International Conference On Education*. Universiti Brunei Darussalam : Brunei Darussalam.

Benjamin S.Bloom Dalam Abdullah Yunus (1989). *Taksonomi Objektif Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Bennett &Frederick (1999). *Computers As Tutors: Solving The Crisis In Education.* Faben Inc. Httpi/Www.Cns.Com: 80/~Fabenl/Fullbook. Html

Bennett, F (1996). Prologue: Computers As Tutors. Solving The Crisis In Education. Poland: Sarasota Pub; Dalam *Artikel Potensi Pembangunan Komputer Dan Internet Sebagai Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran.* (Dr. Muhammad Hassan Abdul Rahman, 2001).

Campbell, S. (2015). Feeling The Pressure: Early Childhood Educators' Reported Views About Learning And Teaching Phonics In Australian Prior-To-School Settings. *Australian Journal Of Language & Literacy,* 38(1): 12-26. Retrieved From Http://Www.Alea.Au

Chuck Williams (2010). *Managing Effectively, 4th Edition*. South Western Cengage Learning.

Creswell, J. W. (2014). Educational Research: *Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research (4th Ed.).* London: Pearson.

Doni Erizal, Salpidin . (2003). *Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan multimedia interaktif untuk subjek kejuruteraan jalan raya.* Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

Doyle. M. (2007). Learning Language Through Information Technology. *Educational Technology*, 30 (7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Emran bin Yunus (2012). Keberkasanan Penggunaan Perisian Permainan Komputer Gostrans dalam Pembelajaran Matematik Pelajar Tingkatan Dua. *Tesis Sarjana*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Esah Sulaiman. (2004). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Universiti Teknologi Multimedia Malaysia. Skudai.

Faridah Salam, and Ramlah Mailok, and Norhasbiah Ubaidullah. (2015). Perubahan pencapaian mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi Maklumat dan Komunikasi. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40 (1)., pp. 29-41. ISSN 0126-6020 / 2180-0782.

Faridah Yunus (2013). *Teknik Multisensori Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Literasi Huruf Kanak-Kanak Prasekolah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Floyd,S.(1991).*The IBM Multimedia Handbook*. New York:Brady Publishing.

Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2008). *How To Design And Evaluate Research In Education (7th Ed.).* Avenue Of The Americas, NY: Mcgraw-Hill Higher Education.

Glesne, C. (2011). *Becoming Qualitative Researchers (4th Ed.).* Boston, MA: Pearson.

Goswami U. (2005) Educational Psychology In Practice, Synthetic Phonics And Learning To Read: *A Cross-Language Perspective*, Vol. 21, No. 4, Pp. 273-282, Routledge, London.

Goswami, U. (2007). Learning To Read Across Languages: The Role Of Phonics And Synthetic Phonics. In Goouch, K., & Lambirth, A. (Eds.) (2007). *Understanding Phonics And Teaching Of Reading: Critical Perspective (Pp. 124-143).* England: Open University Press.

Goswami, U., & Bryant, E. (1990). Phonological Skill And Learning To Read. Hove, UK: Erlbaum.

Hakkinen, P. (2006). Learning Together: *Understanding The Process Of Computer-Based Collaborative Learning.* Elsevier Science Ltd.

Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa. (2014). *Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Hamzah Dollah. (2004). *Pembangunan Perisian P & P Berbantukan Computer Bertajuk 'Puisi Dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Menengah Rendah.'* Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Hassan, A. (1980). *Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia*. University of California: Fajar Bakti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hee Jee Mei, Norahidah Mamat & Abdul Rashid. (2001). Penilaian Penggunaan Perisian Kursus Di Sekolah Bestari : Satu Kajian Di Negeri Trengganu. *Pembentangan Kertas Ke Rja Konven.Syen Persatuan Teknologi Multimedia Pendidikan Malaysia* Kali Ke 14. Hotel Goldcourse, Kelang. 1 1 -14 September

Heinich R., Molenda M., Russell J. D., Smaldino S.E. (2002). *Instruction Media And Technologies For Learning*. Coloumbus: Merrill Prentice Hall.

Heinich, R. , Molenda, M. & Russell, J.D. (1996). *Instnlctional Media Arid Technologies For Learning.* New Jersey : Prentice Hall.

Henry Bating. (2014). Karya Cerpen Kadazandusun Dalam Konteks Kurikulum. *Procedia - Social And Behavioral Sciences.* Vol. 134. Hlm. 350-363

Heri Achmadil (2014). Penerapan Model Assure Dengan Menggunakan Media Power Point Dalam Pembelajaran Bahasa Inggris Sebagai Usaha Peningkatan Motivasi Dan Prestasi Belajar Siswa Kelas X Man Sukoharjo Tahun Pelajaran 2012/2013. *Jurnal Teknologi Pendidikan Dan Pembelajaran.* Vol.2. Hlm. 35-48.*in education*. The McGraw Hill Company, Inc. New York.

Indirawati Zahid Dan Mardian Shah Omar (2006). *Fonetik Dan Fonologi.* Batu Caves :PTS Proffesional

Ismail Affero (2016). Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid Di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang. *Seminar Pendidikan Johor 2016.* Https://Www.Researchgate. Net/Publication /3135 652 17

Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir.(2003). *Multimedia Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication And Distributions.

Julita@Norjietta Binti Taisin, (2017). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun dalam Kalangan Guru BahasaKadazandusun Sekolah Rendah di Daerah Ranau Sabah: Tinjauan Awal.* Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kamus Dewan. (2013). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Puralan Boros Kadazandusun Id Sikul. Putrajaya:* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Ku Fatahiyah Ku Azizan1, Awatif Abd Rahman2, Hairun Najuwah Jamali3. (2014). Tahap kemahiran asas bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, (Volume 1, No. 2, 2014, Pages 20 to 32).

Kumaran A/L Sekar (2017). Hubungan Sikap Afektif, Kognitif dan Tingkah Laku Terhadap Penguasaan dan Penggunaan TMK dalam Kalangan Murid Orang Asli. *Tesis Sarjana*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ladefoged, P. & Johnson, P. (2011). *A Course In Phonetics.* Boston: Cengage Learning.

Lai, K.L., Khaw, A.H & Seah, A. K., (2002). *Satu Kajian Mengenai Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Pembelajaran Matematik Di Sekolah Rendah*. Jabatan Matematik. Maktab Perguruan Batu Lintang.

Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah dan Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan Nilai Murni Dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Journal Hadhari Special Edition, 51-65.*

Low, Kok On (2005). *Membaca Mitos Dan Legenda Kadazandusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lydia Tumin (2008). *Language Attitudes Of Kadazandusun People Toward Their Mother Tongue.* Universiti Malaysia Sarawak.

Magdeline Anak Nor (2008). Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Iban Dan Pertaliannya Dengan Gaya Pengajaran Guru. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Magdeline Anak Nor.(2012). Pengetahuan Pedagogi Kandungan Dan Masalah Pengajaran Guru Bahasa Iban Sekolah Menengah Di Sarawak. *Jurnal Teknologi*. Vol. 58. Hlm. 71-78.

Mastura Bazdis. (2008). Pendidikan Anak-Anak Di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaankurikulum Yang Integratif. *Jurnal Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC).* Universiti Pendidikan Sultan Idris. Malaysia.

Mat Som.H. (2005). Guru Dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum : Sorotan Dan Perbincangan. *Masalah Pendidikan Jilid 27*. Universiti Malaya.

Maxwell, J.A. (2005). *Qualitative Research Design: An Interactive Approach (2nd Ed.).* Thousand Oaks, CA: Sage.

Minah Sintian (2015). *Kopointutunan Sintaksis Boros Kadazandusun (Pengenalan Sintaksis Bahasa Kadazandusun).* Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Merriam, J.A. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.

Mohamad Said, M.M & Yunos,N. (2008). Peranan Guru Dalam Memupuk Kreativiti Pelajar. *Jurnal Pengajian Umum Bil.9.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad, T. B. (2014). *Keberkesanan Modul Bacaan Bergred Bagi Membantu Murid Linus Tegar Dalam Kemahiran Membaca KVkV*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mok Soon Sang. (2010). *Bimbingan Dan Kaunseling Kanak-Kanak.* Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Morrow, L., Gambrell, L., & Pressley, M. (2003). *Best Practices In Literacy Instruction* (2nd Ed.). New York: Guilford Press.

Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu ;Malay Language Education (MyLEJ),* 2 (2). pp. 46-53. ISSN 2180-484

Naimah Yussof, Nor Hashimah Hashim & Hashim Othman (2011). *Kemahiran Bacaan Awal Bahasa Melayu Prasekolah.* Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Nik Eliani Nik Nawi & Othman Ahmad (2009). *Buku Panduan Siri Cepat Membaca Bacalah Bacalah Anakku.* Kuala Lumpur: Maju Jaya Sdn. Bhd.

Noor Aini Ahmad, Nor Siti Rokiah Abdul Razak, Rohaizah Abdul Wahid & Marzita Mansor. (2011). *Terapi Pertuturan Augmentatif Dan Alternatif Bagi Murid-Murid Bermasalah Pembelajaran Teruk*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim, Perak.

Nur Aisyah Mohamad Noor, Zamri Mohamod, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Perisian Multimedia Dalam Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu Tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* 2 (1): 1-16.

Oliver, P. (2006). *The Management Of Educational Change: A Case Study Approach. Aidershot:* Arena Ashgate Publications Ltd.

Ramlah Mailok. (2003).Keberkesanan Pembelajaran Bahasa Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat. Pembelajaran Secara Interaktif. *Sari Penyelidikan UPSI 2003, Jilid 1.*

Richards J.C. (2011). *Competence And Performance In Language Teaching*. New York: Cambridge University Press. Diperoleh Pada Jun 20, 2018 Daripada Http://Www.Cambridge.Org/Other_Files/Downloads/Esl/Fourcorners/Pedagogical_Books/Competenc E-And-Performance-Combined.Pdf

Riris K. Toha-Sarumpaet. (2002). *Sastra Masuk Sekolah.* Magelang: Indonesiatera.

Robiatul A'dawiah, J., dan Halimah, Z. B. (2011). Pembangunan Perisian Cerita Animasi Interaktif Untuk Pendidikan Sains. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia,* 1, 5– 18. Retrieved From Http://Www.Jtpm-Meta.Com/Resources/141-JTPMV1N4-2011- Rabiatul-1.Pdf

Ronaldi Saleh Umar, Fadilahwati Abdul Rahman, Fattawi Mokhtar dan Nor Aziah Alias. (2011). Menggunakan Animasi Di Dalam Instruksi Khas Untuk Kanak-Kanak Disleksia, *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia, 1*(2): 27-38.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ros Azura Jantan. (2002.).*Tahap Penggunaan Laman Web Pendidikan Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Roselan, (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu.* Shah Alam.

Rosliah Kiting (2012). *Pengenalan Morfologi Bahasa Kadazandusun.* Dalam Abdul Hamid Mahmood, Siti Saniah Abu Bakad Dan Sanat Md. Nasir (Editor). Memartabatkan Bahasa Melayu Pengajian Bahasa. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris., Hlm. 225-239.

Salleh, N. I. M. (2011). *Kajian Integrasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik: Satu Penilaian Di Sekolah Menengah Bestari.* Phd Tesis, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sawsan Nusir, Izzat Alsmadi, Mohammed Al-Kabi & Fatima Sharadga. (2012). *Studying The Impact Of Using Multimedia Interactive Programs At Children Ability To Learn Basic Math Skills.* 5(2): 17-32.

Siti Sakinah Binti Mohd Yusof (2017). *Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Interaktif Bagi Meningkatkan Kefahaman Konsep Pengaturcaraan Dalam Kalangan Pelajar*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Snow C., Burns, S., & Griffin, P. (1998). *Preventing Reading Difficulties In Young Children.* Washington, DC: National Academy Press.

Sofiah Osman, (1990). *Membaca: Satu Pengenalan* . Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Stainthorp R., Hughes D, (1999). *Learning From Children Who Read At Early Age*. New York: Routledge.

Supramaniyam, Vespanathan. (2015). *Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Dalam Kalangan Guru-Guru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Rendah Luar Bandar Negeri Johor.* Retrieved From Http://Eprints.Uthm.Edu.My/8014/1/Vespanathan_Supramaniyam.Pdf

Suraya Tarasat. (2014). Kesan Penggunaan Perisian Asas Membaca Terhadap Pencapaian Membaca Murid Peringkat Prasekolah. *Procedia - Social And Behavioral Sciences.* Vol. 134. 399-407.

Tahap kemahiran asas bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education,* (Volume 1, No. 2, 2014, Pages 20 to 32). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tajip Bin Tassan (2010). *Hubungan Antara Kesediaan Penggunaan Pakej Perisian Dalam Pengajaran dan Pembelajaran dengan Sikap dan Kemahiran Guru Sains di sekolah rendah sekitar Kota Kinabalu Sabah.* Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

